

# *Kurik Kundī Merah Saga*

Kumpulan Pantun Lisan Melayu

# Kurik Kundí Merah Saga

Kumpulan Pantun Lisan Melayu

Editor: Dr. Yusof Ahmad

Penulis: Dr. Yusof Ahmad

58662

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1990

KK 891 - 74450 5101  
ISBN 983-62-1319-8

Cetakan Pertama 1990  
© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1990

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan ter-takluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Aris Typesetting  
Muka Taip Teks: English 50  
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

m  
899.231P  
KUR

535382

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan  
\$30.00

30 JUL 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## **Penasihat**

Anwar Ridhwan, M.A.  
Safian Hussain, M.A.

## **Penyelia**

Mohd. Thani Ahmad, M.A.  
Hajah Jamilah Hj. Ahmad, M.A.


## **Kumpulan Penyelidik**

Wan Yusof Hassan, B.A. (Hons.)  
Jazamuddin Baharuddin, AMN.  
Mohamad Shaidan  
Zulkeply Mohamad



# KANDUNGAN

<b>Kata Pengiring</b>	<b>ix</b>
<b>Kata Pengantar</b>	<b>xi</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>xxxii</b>
<b>Pantun Kawasan Selatan</b>	
— Johor/Melaka	1
<b>Pantun Kawasan Tengah</b>	
— Selangor/Negeri Sembilan	229
<b>Pantun Kawasan Utara</b>	
— Perak/Kedah/Perlis	295
<b>Pantun Kawasan Timur</b>	
— Kelantan/Terengganu/Pahang	387
<b>Pantun Kawasan Sarawak</b>	561
<b>Pantun Kawasan Sabah</b>	655
<b>Bibliografi Pantun Melayu</b>	727
<b>Indeks Maksud Pantun</b>	735
<b>Indeks Nama Pemantun</b>	1073



sejulur dengan jumlah pengeluaran RM20,5 juta dalam  
negerian yang ingat-ingat  
dalam buku ini. Buku ini dihasilkan dengan kerjasama antara Daulatuh Atau dan  
Dewan Bahasa dan Pustaka. Dulu ia dikenali sebagai buku pantun Melayu yang pertama dihasilkan oleh  
Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun sebenarnya buku ini adalah buku pantun Melayu yang kedua dihasilkan  
oleh Daulatuh Atau. Buku pertama yang diterbitkan oleh Daulatuh Atau pada tahun 1983 adalah *Kumpulan Pantun Melayu*.

## KATA PENGIRING

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izinNya maka buku ini dapat disiapkan dan diterbitkan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para petugas di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, yang menyelenggarakan buku ini sehingga selesai.

Pantun merupakan satu daripada warisan puisi Melayu klasik yang amat popular di sepanjang zaman. Walaupun bentuknya kelebihan sederhana, tetapi kaitan antara struktur, makna dan budi serta daya bangsa Melayu begitu canggih sekali.

Jika bangsa-bangsa besar yang lain memiliki warisan puisi klasik yang dapat dibanggakan, umpamanya Jepun dengan *haiku*, maka bangsa Melayu juga mempunyai warisan puisi klasiknya yang tersendiri. Pantun bukan sahaja popular di dunia Melayu, malah pada suatu era amat mempengaruhi kesusastraan Perancis. Penulis C. Hugh Holman dalam bukunya *A Handbook to Literature* telah mencatatkan bahawa "pantun sebagai satu bentuk puisi Melayu tradisional amatlah popular, sehingga bentuk ini diambil oleh Victor Hugo dan penyair-penyair Perancis yang lain, lalu menamakannya sebagai *Pantoum*. Pengaruh pantun dalam persuratan Perancis amatlah sebat dan mendalam, sehingga bentuk *pantoum* itu dianggap sebagai satu daripada bentuk puisi Perancis yang paling canggih.

Penerbitan buku ini merupakan sebahagian daripada usaha penyelidikan sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka menggali kahanah sastera lama bangsa Melayu dalam bentuk prosa dan puisi. Pada tahun 1983 yang lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan *Kumpulan Pantun Melayu*, iaitu sebuah buku yang me-

KATA PENGIRING

muatkan 2,052 rangkap pantun yang pernah tersiar dalam berbagai-bagai penerbitan.

Buku ini pula memuatkan 5,653 rangkap pantun lisan, yang dirakamkan oleh para penyelidik sastera Dewan Bahasa dan Pustaka dari berbagai-bagai tempat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dengan terbitnya *Kumpulan Pantun Melayu* (1983) dan buku ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah merakamkan koleksi pantun yang amat besar jumlahnya. Mudah-mudahan penerbitan ini akan memberi manfaat yang besar kepada para pelajar, para sarjana, masyarakat umum dan bangsa Melayu seluruhnya.

**HAJI JUMAAT BIN DATO' HAJI MOHD. NOOR**  
Ketua Pengarah

## KATA PENGANTAR

KESUSASTERAAN sebagai suatu fenomena sosial mencerminkan perhubungan yang erat antara masyarakat dengan kesusasteraan yang dilahirkan. Sebagai salah satu cabang kesusasteraan Melayu yang tertua, pantun telah lama berkembang dan tersebar di kalangan rakyat secara lisan sesuai dengan masyarakat Melayu zaman lampau yang belum mengenal huruf. Sejak zaman berzaman, puisi rakyat ini dianggap menjadi milik bersama, menjadi mainan bibir dan dikenali oleh semua peringkat.

Pembahagian yang dilakukan terhadap sastera rakyat itu sendiri menjelaskan bahawa terdapat dua bentuk sastera iaitu sastera yang berbentuk cerita (naratif) dan sastera berbentuk bukan cerita (non-naratif). Sastera yang berbentuk cerita terbahagi kepada tiga: cerita mitos, cerita legenda dan cerita rakyat; manakala sastera berbentuk bukan cerita termasuklah pantun, gurindam, seloka, peribahasa, teka-teki, perbilangan dan lain-lain.

Pantun merupakan sejenis puisi tradisional Melayu, puisi tulen milik orang Melayu yang tumbuh subur lama sebelum orang Melayu tahu menulis dan membaca. Ia dicipta sebagai suatu pengucapan untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau mengenai sesuatu perkara, malahan ia digunakan juga untuk menyindir, berjenaka, memberi nasihat dan bersuka-suka. Dalam hubungan ini banyak yang telah ditulis dan dikaji tentang dunia pantun Melayu terutamanya tentang asal usulnya, peranannya mahupun dari segi bentuknya yang membezakannya dengan bentuk puisi Melayu yang lain. Beberapa orang tokoh seperti R.O. Winstedt, Adrian Van Ophuysen, Hoesein Djajadiningrat, Hans Overbeck, R.J. Wilkinson dan Pendeta Za'ba adalah para pengkaji yang banyak memperkatakan tentang pantun Melayu. Kajian ter-

## KATA PENGANTAR

baru mengenai pantun yang cukup penting ialah *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* (DBP, 1988) oleh seorang sarjana Perancis bernama Francois-Rene Daillie.

Tidak dinafikan terdapat berbagai-bagai istilah yang digunakan bagi pengertian pantun di Nusantara. Dalam bahasa Sunda disebut 'toen'; bahasa Pampanga menyebutnya 'tuntun'; bahasa Tagalog menyebutnya 'tonton' sementara bahasa Jawa pula menyebutnya 'tuntun', 'atuntun', 'matuntun'; Bisayan pula menyebutnya 'panton' dan bahasa Toba menyebutnya 'pantun'. Mungkin dari segi struktur bahasa, pantun dalam pelbagai kelompok itu berbeza tetapi dasarnya tetap sama iaitu merujuk kepada sesuatu yang teratur sama ada pada ucapan, pimpinan, didikan dan kesopanan. Semua ini dapat dikesan dalam sebuah pantun.<sup>1</sup>

Pantun sebagai puisi rakyat dimaksudkan untuk diucapkan secara lisan atau dinyanyikan. Pantunlah yang menjadi dasar kepada lagu-lagu Melayu asli seperti 'Dondang Sayang' di Melaka, 'Lotah' di Perak, 'Oh Ah' di Langkawi, 'Cinta Sayang' dan 'Canggung' di Perlis, 'Ulik Banda' dan 'Ulik Mayang' di Kelantan dan Terengganu, 'Rentak Kuda' atau 'Bongai' dan 'Tumbuk Kalang' di Negeri Sembilan. Begitu juga 'Anding' dan 'Japin' di Sabah. 'Permainan Gendang' di Sarawak dan 'Cik Busu Membilang Malam' di Ulu Dungun, Terengganu juga berdasarkan pantun. Semuanya mementingkan asonansi, rima dan irama di satu pihak dan kesesuaian mesej yang akan disampaikan dengan majlis yang diadakan di satu pihak yang lain.<sup>2</sup> Kerana itu ada pantun-pantun khas yang diucapkan pada waktu-waktu tertentu untuk tujuan yang tertentu pula.

Pantun menggariskan pengungkapan dan pengucapan secara meluas dan murni. Pantun tidak terlibat dengan apa juga halangan dan batasan, kelas dan hirarki sosial. Oleh itu pantun dapat memainkan peranannya sebagai penghubung yang intim antara golongan yang memerintah dengan golongan rakyat jelata. Pantun juga mampu berkomunikasi langsung di kalangan masyarakat Melayu itu sendiri.

<sup>1</sup>Lihat Mohd. Yusof Nor dan A. Rahman Kaeh, 1985. *Puisi Melayu Tradisi*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm vi.

<sup>2</sup>Mohd. Taib Osman, 1981. "Kesusasteraan Melayu Klasik: Satu Tinjauan Ringkas" dlm. *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 130.

#### KATA PENGANTAR

Sejak zaman berzaman pantun memainkan peranannya sebagai satu bentuk hiburan, di samping berperanan dalam upacara adat istiadat seperti merisik, meminang dan istiadat nikah kahwin. Malahan pantun juga memainkan peranan untuk memulakan satu-satu pertarungan dan perlawanannya antara panglima dan pahlawan dahulu kala. Pantun memberikan satu ruang dan bidang pengucapan yang cukup luas untuk difahami dan pada keseluruhannya merupakan suatu bentuk pengucapan dengan fungsi sosial dan unsur psikologi yang cukup berkesan.

Kemunculan pantun dalam bentuk tulisan telah dapat dikesan di sekitar abad kelima belas iaitu dalam *Sejarah Melayu* cetera yang kesepuluh yang menyebutkan:

"Ada suatu ceritera, badan Tun Jana Khatib itu terhantar di Langkawi, ditanamkan orang di sana; itulah dipantunkan orang:

Telur itik di Singgora,  
Pandan terletak dilangkah;  
Darahnya titik di Singapura,  
Badannya terhantar di Langkawi.<sup>1</sup>

R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt pernah menyarankan bahawa untuk memahami perasaan orang Melayu seharusnya difahami pantunnya. Mereka berpendapat bahawa satu daripada perkara yang penting yang boleh membawa seseorang itu berjaya memahami dan menyelami pengetahuan, perasaan dan aliran fikiran orang-orang Melayu sendiri ialah melalui pantun, malahan seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang Melayu kalau tidak memahami pantunnya.<sup>2</sup>

Dalam *Sejarah Melayu*, tercerna juga dengan jelas peristiwa sejarah dan gambaran yang melampaui garis-garis yang membayangi masalah sosiobudaya, etika dan adat istiadat masyarakat Melayu. Dalam cetera yang kesepuluh misalnya dinyatakan bahawa terdapat penggunaan pantun:

<sup>1</sup>W.G. Shellabear, 1977. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm 51.

<sup>2</sup>R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt, 1957. *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd., hlm iii.

#### KATA PENGANTAR

"Pada suatu riwayat, daripada deras lompat todak itu, datang ke atas gajah, kena Paduka Seri Maharaja, carik lengannya, maka dibuatkan nyanyi:

Carik baju raja,  
Dilompati todak;  
Bukan disahaja,  
Sebab akal budak."<sup>5</sup>

Munsyi Abdullah, dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* tidak ketinggalan memperkatakan pantun Melayu dalam bukunya itu:

"Hatta telah selesailah sahaya daripada segala fikiran yang tersebut itu, maka bertiuplah angin yang lemah-lembut. Maka rasanya badan pun letih hendak mengantuk. Maka teringatlah sahaya akan kertas tulisan segala pantun. Maka sahaya seluk dari dalam saku baju sahaya, lalu sahaya keluarkan sambil berlagu perlahan-lahan, sebab menghiburkan hati hendak menghabiskan hari. Maka pantun yang sahaya nyanyikan itu, separuh sahaya dapat daripada orang Kelantan, dan separuh daripada orang-orang Laut.

Syahdan maka adalah sahaya maklumkan kepada tuan-tuan, yang lain daripada bangsa Melayu, jikalau mendapat hikayat ini yang mengetahui jalan pantun Melayu, adapun jalan segala pantun itu empat-empat mistar adanya; bermula mistar yang di atas dua itu, tiada ada ertinya melainkan menjadi pasangnya sahaja; maka dua mistar di bawah itulah yang ada bererti adanya."<sup>6</sup>

Dari sudut apa pun penjelasan yang dibuat oleh Munsyi Abdullah terhadap pantun Melayu, namun yang penting bagi kita ialah memahami pantun Melayu sebagai puisi terbaik yang pernah dicipta oleh orang-orang Melayu, seperti juga puisi Jawa Kuno, khususnya dalam kakawin, di mana aspek mimetik, peneladanan alam oleh penyair kuat sekali dan penyair sebahagian besarnya mencari ilham dalam keindahan alam.<sup>7</sup> Demikianlah juga yang diperkatakan oleh Profesor Van Ophuysen tentang pantun bahawa sebuah pantun dipandang orang Melayu bagus kalau beberapa perkataan

<sup>5</sup> W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 51-52.

<sup>6</sup> Munsyi Abdullah, 1961. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Singapura: Malaysia Publication Limited, hlm 102.

<sup>7</sup> A. Teeuw, 1984. *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Jakarta: Pustaka Jaya, hlm 223.

daripada sebuah baris bersanjak dengan perkataan daripada sebuah baris yang menjadi pasangannya. Dalam pantun-pantun yang indah-indah, boleh dikatakan segala perkataan pada baris yang ketiga bersanjak dengan segala perkataan pada baris yang pertama.\*

Dalam sejarah perkembangan pantun Melayu banyak sekali pantun termuat dalam hikayat-hikayat Melayu lama. Ini dapat dilihat misalnya dalam *Hikayat Pelandok*, *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, *Hikayat Indera Mengindera*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Raja Muda*, dan *Hikayat Anggun Che Tunggal*. Terbukti bahawa tradisi lisan bercambah dan berkembang dalam masyarakatnya sejak zaman berzaman. Ia hidup dan berkembang dari satu generasi ke satu generasi dengan bentuknya yang tersendiri iaitu secara lisan yang kemudiannya terjelma pula dalam bentuk tulisan. Dalam proses evolusi dan difusi kebudayaan, tradisi lisan turut mengalami perubahan, menghasilkan suatu bentuk perubahan bukan dari bentuknya yang asal tetapi dari segi proses penyampaiannya. Ini dimungkinkan oleh sikap masyarakat itu sendiri yang tidak sahaja sentiasa cenderung untuk melakukan perubahan pada budaya tradisinya, tetapi juga sentiasa memikirkan bagaimana puisi rakyat itu dapat disampaikan secara lebih berkesan dan terus kekal digunakan dalam masyarakat. Maka itu lahirlah berbagai-bagai bentuk dan jenis permainan rakyat yang berupa tarian atau pun nyanyian dan puisi rakyat memainkan peranan utama.

Sesungguhnya usaha mengekalkan budaya tradisi ini sering menimbulkan berbagai-bagai kemungkinan yang lain kerana tidak dinafikan bahawa oleh kerana tradisi lisan merupakan suatu kebudayaan yang hidup dalam sesebuah masyarakat, maka tidaklah dapat dielakkan bahawa dalam proses penurunan secara tradisi, berlaku berbagai-bagai bentuk improvisasi dan tokok tambah. Kemungkinan-kemungkinan begini bukan sahaja berlaku pada puisi lisan tetapi juga meliputi bentuk kesenian tradisi lisan yang lain. Demikianlah besar manfaatnya pengumpulan puisi rakyat ini dilakukan sebagai usaha mengekalkan keasliannya sebelum ia begitu jauh tercemar oleh pengaruh-pengaruh yang baru atau yang tidak diingini.

Kita juga selalu mengerti bahawa setiap kebudayaan itu merupakan keseluruhan pengalaman dan pengetahuan manusia yang

---

\* Lihat *Pantun Melayu*, Jakarta: Balai Pustaka, 1984, him 19.

## KATA PENGANTAR

di dalamnya dapat diselami cara hidup dan hati nurani yang sekali-gus mencerminkan peribadi seseorang.<sup>9</sup> Dengan demikian, kita juga menjadi lebih bijaksana untuk mengenal manusia yang sentiasa yakin kepada sikap dan tindakan yang menjadi pegangan hidupnya sehingga dengan sendirinya dapat dinilai sesuatu yang baik ataupun yang buruk, yang berharga atau sebaliknya. Hal ini dengan mudahnya dapat dikesan kerana budaya tradisi itu sendiri diselimuti oleh nilai-nilai moral menurut pandangan, ethos atau sistem etika yang dimiliki oleh manusia.<sup>10</sup>

Dalam waktu yang sama, tidak menghairankan pula apabila perubahan yang berlaku itu kadang-kadang mengejutkan masyarakat itu sendiri. Ia mungkin berlaku kerana adanya kesedaran untuk menggerakkan tradisi budaya itu sama ada dari segi dalaman maupun luaran. Kita dapat menyaksikan kecenderungan masyarakat yang cuba mengubahsuai sebahagian bentuk budaya yang selama ini dianggap tidak dapat memberikan kesan yang meyakinkan. Kerana itu sebahagian besar generasi yang kemudian lazimnya cukup berminat melahirkan sesuatu yang baru dan dirasakan lebih bermakna. Dengan demikian berlakulah improvisasi dalam cerita-cerita lisan khususnya dari segi penyampaianya. Salah satu contoh yang jelas dapat dilihat ialah pada persembahan Dikir Barat di Kelantan yang menggunakan pantun bagi menyampaikan mesejnya. Dengan proses perubahan itu ternyata Dikir Barat menjadi salah satu jentera propaganda pembangunan yang amat berkesan. Seorang tokoh Dikir Barat, Mat Leh Tapang, dari Kelantan pernah menceritakan:

"Ketika itu Mat Leh Tapang baru berusia 14 tahun. Pada mula dia sekadar ikut kumpulan itu tapi perlahan-lahan memberikan sumbangan bagi mengubah bentuk dikir itu dengan memasukkan pantun ke dalamnya. Dia mula berpantun diikuti oleh yang lain. Di majlis inilah Mat Leh Tapang dengan pantun-pantun spontannya mula menarik perhatian orang ramai. Improvisasi terhadap corak dikir tradisi inilah menularkan satu bentuk ke-

---

<sup>9</sup>Parsudi Suparlan, 1980. "Manusia, Kebudayaan dan Lingkungannya Perspektif Antropologi Budaya" dlm. *Yang Tersirat dan Tersurat*, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, hlm 21.

<sup>10</sup>Ibid.

#### KATA PENGANTAR

senian yang kemudian dikenali sebagai Dikir Barat, kesenian Melayu Kelantan yang walaupun baru berusia sekitar 40 tahun, tapi mempunyai impak yang besar diukur dari segi popularitinya.<sup>11</sup>

Sudah pastilah bahawa cara berpantun Mat Leh Tapang yang mengambil motif pantun Inai sewaktu mula-mula dulu, yang kini telah pun mengalami perubahan. Yang pasti kesenian itu akan terus mengalami improvisasi dari segi bentuk dan persesembahannya dari semasa ke semasa.<sup>12</sup>

Walau bagaimanapun satu hal yang cukup menarik dalam penelitian kita terhadap pantun-pantun Melayu ini ialah dari segi strukturnya yang masih kekal dan terus bertahan. Malah ciri-ciri pantun itu dari sudut strukturnya masih kukuh dan masih tetap kekal dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Inilah istimewanya sesebuah pantun itu.

Pantun sebagai warisan bangsa Melayu mempunyai hak dan keistimewaanannya yang tersendiri. Za'ba sendiri pernah memperjelaskan tentang hak dan keistimewaan Pantun Melayu:

"Pantun itulah kaedah rangkapan yang tertua dan memang asal kepunyaan Melayu betul. Dari semenjak tatkala orang Melayu belum tahu surat-menyerat dahulu pun mereka telah pandai berpantun dan biasa berbalas-balas pantun antara sama sendiri. Bahkan hingga sekarang ini pun pantun itulah kaedah karangan berangkap yang jati terpakai pada orang-orang Melayu kampung bagi menggambarkan fikiran-fikiran hiba'sayu dan warna-warna perasaan yang indah, seperti hal-ehwal berkasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara kekasih dengan kekasihnya.

"Perkataan "Pantun" itu mula-mula dahulu dipakai orang dengan makna "seperti" atau "umpama". Dalam cakap Minangkabau masih kononnya dipakai dengan erti demikian. Dalam nyanyi orang tua-tua kita dapatti:

"Sepantan ayam tidak berinduk  
Menampi orang maka makan."

Dari situ melaratlah dipakai dengan erti 'perumpamaan' seperti dalam hikayat *Sejarah Melayu, Hang Tuah dan Amir Hamzah* (ia-

<sup>11</sup> Lihat Johan Jaaffar, 1981. "Mat Leh Tapang: Tokoh Dikir Barat", dim *Dewan Budaya*, April 1981, him 31.

<sup>12</sup> *Ibid.*

itu hikayat tua-tua belaka). Dalam *Hikayat Hang Tuah* tersebut tatkala menceritakan pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat: "Seperti pantun Melayu, 'Rosak bawang ditimpak jambak'".<sup>13</sup>

Budaya pantun adalah budaya orang Melayu, satu pencernaan alam sekitar, gejala alam, sejarah dan hubungan manusia, malahan dalam hampir semua bentuk gerak kerja yang dilakukan oleh orang Melayu zaman berzaman. Pertalian sejarah, budaya dan kesenian yang bertimbang balik menjadikan pantun Melayu berdiri secara tersendiri dalam masyarakat Melayu. Kerana itu ia hampir tidak pernah ditinggalkan dalam apa juga bentuk persembahan dan pesta atau dalam majlis keramaian sejak dahulu. Profesor Mohd. Taib Osman pernah memberikan gambaran tentang penggunaan pantun yang cukup luas, menyentuh berbagai-bagai aspek penghidupan orang Melayu daripada untuk bergurau senda sampai kepada alam magis. Daripada sumber-sumber yang kita dapat, daripada hikayat-hikayat lama dan daripada tradisi pantun yang kita warisi sekarang ini, pantun mempunyai fungsi yang tertentu sebagai satu genre sastera lama yang terus mengalir dan hidup dalam jiwa bangsanya. Ini dapat diukur daripada pengertian dan sambutan yang diberi apabila pantun digunakan. Dari segi sosial, pantun menjadi alat yang bukan sekadar menyampaikan maksud seseorang pada orang-orang lain tetapi memberikan rasa puas dan penerimaan yang baik pada orang-orang di sekeliling.<sup>14</sup>

#### Penggunaan Pantun dalam Permainan Kesenian Melayu

MASYARAKAT Melayu lama menggunakan pantun sebagai seni-kata atau lirik lagu kerana pantun mudah direka cipta, indah dan ringkas bentuknya, mempunyai fungsi estetis dan mendorong setiap anggota masyarakat Melayu lama menggunakanannya. Ternyata dalam kebanyakan permainan rakyat Melayu penggunaan pantun merupakan ciri-ciri yang cukup ketara dan dalam waktu yang sama mempunyai fungsi sosial yang erat hubungannya dengan kegiatan harian masyarakat. Hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai

<sup>13</sup>Lih. Za'ba, 1952. *Ilmu Mengarang Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House, hlm 219.

<sup>14</sup>Lihat Prof. Mohd. Taib Osman, 1968. "Pantun, Syair dan Sajak dari Segi Pandangan Diakronis dan Sinkronis", dlm *Penulis*, Ogos 1968, hlm 18.

permainan rakyat dan dengan sendirinya turut mengembangkan genre pantun Melayu.

Pantun digemari oleh masyarakat Melayu kerana ia merupakan genre puisi yang tidak mempunyai unsur-unsur pengaruh asing (luar), lantaran pantun adalah hasil ciptaan Melayu sejati. Keadaan ini menyebabkan pantun lebih banyak digunakan dalam permainan rakyat berbanding dengan genre lain seperti syair, gurindam dan sebagainya. Demikianlah dalam banyak hal, permainan rakyat merupakan sebahagian daripada budaya bangsa kita yang merangkumi segala hasil dan ciri-ciri kesenian dalam bentuk pengucapan, perlakuan dan perbuatan. Perlakuan sesuatu masyarakat itu tidak sahaja terlihat pada tarian dan permainan tradisi tetapi juga pada upacara-upacara dan adat resam yang berhubung dengan soal-soal kelahiran, perkahwinan dan kematian, malah melibatkan soal kepercayaan kepada kuasa-kuasa ghaib. Kuasa-kuasa ini mengandungi pelbagai perlakuan atau upacara-upacara ritual seperti 'puja pantai', 'menepung tawar' dan 'memuja semangat padi' dan sebagainya yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman.

Dalam kebanyakan permainan rakyat, pantun menjadi media utama untuk melahirkan rasa hati dan keluhan jiwa. Di dalamnya tergambar alam pemikiran orang-orang Melayu yang mungkin penuh perasaan gembira, suka duka, hiba, sayu, kecewa, sindiran dan berbagai-bagai perasaan hati di samping mencerminkan sikap dan tindakan mereka dalam menghadapi kehidupan ini. Melalui pantun Melayu lama, kita dapat menilai dan merumuskan sifat-sifat serta sikap orang Melayu yang ternyata amat mementingkan nilai budi, menjunjung tinggi hubungan kekeluargaan, hormat menghormati sesama insan dan hidup penuh muafakat dalam setiap aspek kehidupan. Ini menunjukkan betapa eratnya pengaruh pantun dalam masyarakat Melayu.

Permainan Kesenian Melayu di Malaysia dapat digolongkan dalam beberapa kategori tertentu menurut ciri-ciri yang khas. Terdapat jenis permainan rakyat yang berupa nyanyian tanpa muzik dan tarian. Dalam bahagian ini terdapat "Dondang Siti Fatimah" di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan atau "Ulit Anak" di Terengganu. Kemudian terdapat permainan yang menggunakan muzik tanpa nyanyian dan tarian seperti "Gendang Keling" di Kedah atau "Cak Lempong" di Negeri Sembilan. Selain itu terdapat juga

jenis permainan yang menggunakan muzik dan nyanyian tetapi tanpa tarian seperti "Hadrah" di Perak atau di Perlis dan "Don-dang Sayang" di Melaka. Pembahagian ini juga dibuat dengan melihat jenis permainan yang mempunyai muzik dan tarian tetapi tanpa nyanyian seperti "Tarian Labi-Labi" dan "Kuda Kepang". Ada juga persembahan yang berbentuk drama seperti "Mak Yong" dan "Menora" di Kelantan. Pembahagian yang jelas boleh juga dibuat dengan melihat jenis permainan yang menggabungkan nyanyian, muzik dan tarian seperti "Canggung" di Perlis, "Lotah" dan "Lokah" di Perak, "Gunungan" di Kelantan dan "Hamadolok" di Johor.<sup>15</sup>

"Canggung" yang terdapat di Perlis merupakan salah satu permainan kesenian Melayu yang cukup popular, khususnya di utara tanahair. Tarian Canggung mengambil senikata lagunya dalam bentuk pantun dan terdapat berbagai-bagai nama lagu yang popular sesuai dengan gerak tarinya seperti 'Lagu Canggung', 'Ayam Didik' dan lain-lain. Di samping itu terdapat juga dalam majlis-majlis keramaian seperti majlis kahwin, berkhatan dan seumpamanya, persembahan yang dikenal dengan nama "Beduan". "Beduan" di Perlis dikatakan sesuatu yang unik dan tidak ada persamaannya di negeri-negeri lain. Persembahan dan lagunya hampir sama dengan zikir dengan irungan rebana dan yang menarik ialah senikata lagunya dalam bentuk pantun Melayu yang tipikal, hampir sama dengan bentuk pantun anak-anak.

Penggunaan pantun juga terdapat dalam permainan "Lotah" di Perak. "Lotah" atau "Berlotah" merupakan salah satu tarian tradisional yang erat hubungannya dengan kepercayaan terhadap semangat padi. Di negeri Perak, tarian tradisional ini masih diamalkan di daerah Kampung Gajah, daerah Perak Tengah dan diadakan sewaktu musim menuai dengan tujuan mengirik atau melerai padi daripada jerami. Tarian ini tidak sahaja berfungsi untuk meleka atau menyegarkan yang bekerja tetapi pantun-pantun yang diucapkan lebih bertujuan memuja semangat padi di samping menjadi alat menghibur, usik mengusik ketika timbunan gemal padi sedang diirik. "Lotah" tidak jauh bezanya dengan persembahan "Oh-Ah" yang terdapat di Langkawi.

---

<sup>15</sup>Lihat juga Harun Mat Piah, 1980. "Fungsi dan Penyebaran Permainan Kesenian Melayu di Malaysia", dlm *Dewan Budaya*, April 1980, hlm 23-26.

## KATA PENGANTAR

Seperti juga "Oh Ah" di Langkawi berlotah begitu menonjolkan unsur-unsur kerjasama, nilai-nilai kekeluargaan dan semangat orang-orang yang berkekalan di kalangan masyarakat. Ia merupakan tarian beramai-ramai dalam bentuk bulatan di atas timbunan padi yang hendak diirik. Peserta-peserta tarian disusun berselang lelaki dan perempuan. Ketika mengiringi padi inilah para peserta berbalas pantun, sambil usik mengusik, sindir menyindir sehingga padi selesai diirik.

Satu lagi tarian tradisi negeri Perak yang tidak kurang popularnya ialah tarian "Lokah" atau tarian "Bubu". Selain di Kampung Gajah, tarian ini terdapat juga di Sungai Balai, Bagan Datuh, Perak. Tarian ini bertujuan memohon kepada yang maha kuasa supaya tangkapan mereka sentiasa mengena. Alat utama yang digunakan ialah lokah atau bubu, sejenis alat menangkap ikan yang kemudiannya dihias dengan kain. Bahagian atas lokah diikat dengan tempurung menjadi kepalanya, sementara di bawahnya diselit kayu melintang menyerupai tangan sehingga lokah itu menyerupai bentuk manusia. Lokah tersebut digerak-gerakkan sambil menari ke kiri ke kanan dan sambil itu para penari terus berbalas-balas pantun dengan diiringi paluan rebana.

Pantun juga digunakan sepenuhnya dalam persesembahan "Dondang Sayang", satu lagi nyanyian rakyat yang popular berasal dari negeri Melaka. "Dondang Sayang" bermaksud 'Nyanyian Kasih'. Timbulnya 'Nyanyian Kasih' disebabkan oleh kesedihan apabila Melaka dijajahi oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Asal-usul Dondang Sayang dipercayai lahir di istana, zaman keagungan Kesultanan Melaka dan corak nyanyiannya lebih kepada memuja kebesaran Kerajaan Melayu Melaka. Tradisi istana ini lama kelamaan tersebar juga di kalangan rakyat.

Persembahan "Dondang Sayang" diiringi oleh satu kumpulan muzik yang boleh memainkan lagu-lagu "Dondang Sayang" dan selingan lagu-lagu berentak joget dan inang. Alat-alat muzik utama yang mengiringi persembahan ini ialah biola, rebana, gong atau tetawak. Gendang dan accordian turut digunakan sebagai alat sampingan untuk memainkan lagu-lagu selingan. Persembahan bermula dengan gesekan biola dan diikuti oleh bunyian alat-alat muzik lain dan ditingkahi pula dengan paluan gong atau rebana. Pantun-pantun "Dondang Sayang" dinyanyikan di antara tingkahan gong dengan gesekan biola. Pemantun atau penyanyinya berdiri di

hadapan pemain-pemain muzik dan mereka mendendangkan lagu-lagu secara berbalas pantun mengikut tempo muzik yang dimainkan. Pantun-pantun yang didendangkan itu biasanya berkisar pada pantun-pantun jenaka, usik mengusik dan pantun kasih sayang.

Sementara itu di Negeri Sembilan terdapat kesenian rakyat yang menarik dan dikenal sebagai "Tumbuk Kalang" dan "Bongai" atau "Rentak Kuda". "Tumbuk Kalang" merupakan sejenis permainan rakyat khususnya masyarakat petani yang biasanya terdapat di Tampin, Seri Menanti, Gunung Pasir dan juga di Rembau. Permainan Tumbuk Kalang dimainkan sewaktu selepas menuai iaitu ketika mengemping padi. Alat muzik yang mengiringi persembahan "Tumbuk Kalang" ialah sebuah lesung menumbuk emping dan beberapa batang antan. Jenis-jenis tumbukan pada bahagian lesung ketika mengemping menghasilkan rentak bunyi yang menarik dan bunyi inilah yang mengiringi mereka melakukan pantun-pantun bagi memeriahkan suasana mereka bekerja membuat emping. Biasanya "Tumbuk Kalang" dimainkan pada waktu malam bulan mengambang dan anak-anak muda memainkan peranan menyanyikan lagu-lagu seperti lagu "Tumbuk Emping", "Patah Lambung", "Timang Kak Janda", "Tupai Menegur", "Kambing Berlaga" dan banyak lagi.

Selain "Tumbuk Kalang", terdapat juga persembahan yang dikenal sebagai "Bongai" atau "Rentak Kuda" yang persembahannya hampir sama dengan "Dondang Sayang". "Bongai" atau "Rentak Kuda" yang terdapat di Negeri Sembilan dipercayai berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera dan dibawa ke Malaysia oleh pendatang Minangkabau yang tinggal di Negeri Sembilan. Namun begitu "Dondang Sayang" yang berasal dari Melaka itu lebih dikenal di peringkat kebangsaan, daripada "Bongai" yang masih merupakan persembahan yang bersifat kedaerahen. "Bongai" mempunyai berbagai-bagai variasi lagu yang berlainan nama dan nada seperti 'Bujang Jauh', 'Budu Landai' dan lain-lain.

Di Negeri Johor terdapat juga beberapa jenis permainan rakyat yang popular seperti "Kuda Kepang", "Barongan" dan "Tarian Labi-labi". Namun begitu dalam Kuda Kepang yang lebih awal sahaja yang terdapat lagu-lagunya dalam bentuk pantun dalam bahasa Jawa. Di Batu Pahat pula terdapat "Hamadolok", sejenis tarian yang kononnya dibawa dari negeri Arab. Tarian ini diiringi oleh muzik yang rancak dengan nada Timur Tengah. Sebahagian

daripada senikatanya dalam bahasa Arab di samping pantun-pantun Melayu yang sudah popular. Biasanya dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian dengan tujuan utamanya sebagai hiburan.

Dalam pada itu tidak dinafikan juga bahawa "Rodat" juga turut popular di Johor malahan juga di Selangor, Pahang, Terengganu dan di Perak. "Rodat" dikatakan berasal dari Jawa tetapi mengandungi unsur-unsur Islam. Rebana menjadi alat muziknya sementara senikata lagunya berupa zikir dalam bahasa Arab. Bagaimanapun hanya "Rodat" yang dimainkan di Pahang dan Terengganu sahaja yang mempunyai lagu-lagu daripada pantun-pantun daerah yang sudah popular di samping lagu-lagu dalam bahasa Arab. Di Pahang juga terdapat penggunaan pantun dalam persembahan "Dikir Maulud", "Dikir Pahang" dan "Dikir Rebana" dan "Dikir Berarak" iaitu sejenis zikir yang diiringi oleh pukulan rebana atau kompong. Meskipun senikatanya bercampur Arab dengan Melayu, kadang-kadang terdapat juga bentuk pantun dan nada lagunya mendekati lagu Timur Tengah dan lagu-lagu zikir.

Negeri Terengganu tidak kurang juga dengan beberapa permainan kesenian Melayu yang menarik perhatian. Dalam banyak persembahannya, pantun mengambil peranan utama menjadi senikata lagu-lagunya. Antaranya pantun digunakan dalam "Tarian Saba", "Tarian Pulai", "Main Balai" atau "Main Pulau" dan "Indung" seperti yang terdapat di Ulu Dungun dan Ulu Tembeling. "Tarian Pulai" misalnya merupakan persembahan nyanyian beramai-ramai oleh kaum perempuan setelah penat membantu suami merumput di sawah. Lagu "Anak Indung" merupakan lagu yang popular di samping lagu "Buai Adik" dan lagu "Ya Mahidin". Sama seperti "Tarian Pulai", "Main Pulau" dan "Indung" juga diadakan semasa merumput atau ketika membersihkan anak-anak padi daripada rumput dan semak. Sementara "Main Balai" merupakan tarian dan nyanyian beramai-ramai selepas menuai padi menandakan rasa kesukuran mereka terhadap rezeki dan hasil yang diterima.

Di kalangan orang-orang Melayu Sarawak, "Permainan Gendang" sudah cukup popular. "Bergendang" atau disebut juga "Ber-mukum" menjadi sumber hiburan anak-anak muda pada suatu ketika sebelum terdapat sumber-sumber hiburan yang lain, malahan hingga kini "Permainan Gendang" masih dipersembahkan dalam beberapa upacara keramaian di Sarawak. "Permainan Gen-

dang" biasanya diadakan pada malam hari selepas upacara persandingan, atau dalam majlis berkhatan, majlis mencukur rambut dan dalam majlis keramaian yang lain. Tukang gendang atau 'sheikh gendang' terdiri daripada beberapa orang wanita dan gendang rebana menjadi alat utama yang mengiringinya. Pantun-pantun yang dinyanyikan oleh tukang gendang berupa pantun-pantun nasihat, pujian dan juga pantun-pantun cinta. Anak-anak muda yang turut bertandak dan berjoget akan membala setiap pantun yang diutarkan oleh tukang gendang. Peristiwa berbalas-balas pantun inilah yang menyeronokkan dan menjadi suasana bergendang itu lebih rancak kerana masing-masing tidak mahu mengalah.

Sementara itu di Sabah terkenal dengan pertunjukan "Japin" dan "Tarian Anding". "Tarian Anding" misalnya diwarisi oleh suku Kadayan dan dikatakan bermula sebagai peniruan perlakuan empat orang makhluk halus yang ditemui oleh seorang pemuda bernama Awang Linong ketika membayar niat di gunung Si Guntang. Perlakuan makhluk ini disebut *alai* iaitu tarian atau gerakan lemah-gemulai. Sebagai hasilnya hubungan erat terjalin dan makhluk halus berjanji akan memberi perlindungan atau membantunya dalam mengendalikan kegiatan sehari-hari. Untuk mengekalkan hubungan tersebut maka kuasa makhluk halus hendaklah dipuja, khususnya ketika memerlukan banfuannya.<sup>16</sup>

Peranan tarian ini ditentukan oleh masyarakatnya. Apabila masyarakat memerlukannya untuk perubatan, maka fungsi tarian yang utama ialah sebagai alat untuk memenuhi keperluan tersebut. Demikian pula untuk tujuan pertunjukan seperti di majlis perkahwinan maka senikata lagunya juga disesuaikan untuk majlis tersebut dan dalam hubungan ini senikata lagunya dalam bentuk pantun disesuaikan dan dikarang sendiri oleh penyanyinya.

Sesungguhnya banyak sekali kesenian tradisi Melayu di negara kita ini yang dapat diperkatakan dan dikaji untuk memperlihatkan sekaligus peranan puisi Melayu yang terkenal seperti pantun bagi mengisi jenis-jenis permainan tradisi berkenaan. Kita juga tidak melupakan penggunaan pantun dalam permainan kanak-kanak. Namun begitu pantun kanak-kanak yang dituturkan oleh para pemantun hampir seluruhnya merupakan pantun-pantun yang telah-

<sup>16</sup> Lihat Siti Sapoo Abok, 1982. "Tarian Anding: Dari Perubatan Tradisi ke Hiburan Popular", *Dewan Budaya*, Mac 1982, him 33-35.

pun terakam dalam bentuk tertulis. Dengan itu tidak banyak yang dapat diabadikan dalam kumpulan ini. Demikianlah pengumpulan pantun-pantun Melayu seperti yang terdapat dalam buku ini menjadi lebih bererti kerana kebanyakan pantun-pantun yang dirakamkan itu adalah pantun-pantun yang menjadi pelengkap kepada setiap permainan kesenian rakyat Melayu baik yang terdapat di Perlis hinggalah ke Negeri Sabah dan Sarawak.

### **Kumpulan Pantun Lisan Melayu**

KUMPULAN pantun ini diberi judul Kumpulan Pantun Lisan Melayu kerana ia merangkumi pantun lisan yang dipertuturkan oleh para penutur secara lisan. Pengumpulan peringkat awalnya dimulai sejak Disember 1985.

Dalam penyelidikan ini terdapat dua tugas yang dilakukan. Tahap pertama ialah melakukan pengumpulan sebanyak mungkin pantun-pantun lisan yang dituturkan di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Penyelidikan luar ini melibatkan kerja-kerja rakaman dari satu tempat ke satu tempat berdasarkan laporan dan maklumat yang diterima daripada informan. Proses pengumpulan ini memakan masa tidak kurang 15 bulan dan para penyelidik pergi ke luar kota untuk menemui informan dan responden yang menuturkan pantun secara lisan dan secara spontan. Pengumpulan ini banyak dilakukan di kampung-kampung yang terpencil atau di daerah pedalaman kerana sebagaimana yang diramalkan kebanyakan penutur-penutur pantun lebih ramai tinggal di tempat-tempat demikian.

Pengumpulan dan rakaman pantun-pantun dari seluruh negara ini dilakukan dengan cara-cara berikut:

- a. Rakaman pantun daripada orang perseorangan;
- b. Rakaman pantun yang dipersembahkan oleh kumpulan kesenian;
- c. Rakaman pantun daripada bekas ahli sesebuah kumpulan;

Kebanyakan pemantun perseorangan dikenal pasti daripada maklumat-maklumat yang diberikan oleh pihak informan di sesuatu daerah dan tempat tertentu. Sepanjang rakaman ini dibuat, sebilangan besar pemantun perseorangan ini ditemui di kawasan-kawasan pedalaman, di perkampungan nelayan dan di pesisiran

pantai. Antaranya sejumlah pantun lisan telah dirakamkan di beberapa tempat seperti di Kampung Minyak Beku, Batu Pahat, Rengit, Pontian Kecil dan Kukup di Johor. Beberapa tempat lain yang masih ditemui penutur-penutur pantun ialah di Kampung Tanjung Belanja, Parit dan di Kampung Bersia Lama, Gerik, Perak; Kampung Kuala Jengai, Kampung Jongok Batu dan Kampung Kuala Perlis, Kampung Shukur, Pasir Raja dan Kampung Talong di Ulu Dungun, Terengganu. Sementara di Sabah, banyak pantun-pantun dirakamkan di Kampung Ulu Sipitang, Kampung Pantai, Sandumin, Weston dan juga di Membakut. Manakala di Sarawak pula terdapat penutur-penutur pantun yang tinggal di Kampung Tanah Hitam, Kampung Debak dan Sematan di Lundu; Samarahan, Kampung Semerah Padi dan Kampung Surabaya di Kuching.

Pengumpulan pantun ini menjadi lebih menarik kerana banyak pantun dapat dirakam daripada persembahan sesebuah kumpulan permainan rakyat. Di Negeri Sembilan umpamanya, seramai 12 orang ahli "Bongai" bergabung tenaga mempersembahkan "Bongai", sejenis permainan tradisi Negeri Sembilan yang cukup popular. Daripada persembahan mereka itulah pantun-pantun yang dinyanyikan dalam pertunjukan itu telah dapat dirakamkan. Beberapa orang penyanyi veteran "Dondang Sayang" telah mengambil bahagian dan pantun-pantun yang didendangkan itu telah dapat dirakamkan. Usaha yang sama juga telah dilakukan dalam pengumpulan pantun di Perak melalui permainan "Lotah" dan permainan "Bubu", khususnya di Kampung Gajah, Mukim Bota, Parit, Perak. Sementara di Kelantan, pantun-pantun dirakamkan daripada permainan "Ulek Banda" yang dipersembahkan oleh sebuah kumpulan di daerah Bachok. Demikan juga permainan "Anding" yang diperolehi di Sabah.

Tidak sedikit masalah yang dihadapi apabila sesebuah kumpulan itu sudah pula dibubarkan. Hal ini terjadi apabila ahli-ahli berkenaan telah berpindah ke kawasan lain, misalnya kerana mengikuti rancangan tanah kerajaan atau seumpamanya. Hal ini berlaku kepada sebuah kumpulan yang terkenal dengan persembahan "Rentak Kuda" di Batu Kikir di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ramai anggota kumpulan ini yang telah berpindah ke kawasan lain di Bahau dan ke Kuala Kelawang. Dalam usaha mendapatkan pantun-pantun berkenaan, beberapa orang anggota kumpulan tersebut perlu ditemui dan rakaman dibuat di beberapa tempat yang ber-

asingan dengan tujuan mendapatkan pantun-pantun yang dimaksudkan. Hal yang sama juga pernah dilakukan bagi mendapatkan pantun-pantun yang dinyanyikan dalam persesembahan "Canggung" di Negeri Perlis. Sesungguhnya usaha merakamkan pantun-pantun lisan ini menuntut waktu yang tidak sedikit dan juga perjalanan yang banyak dan jauh. Namun dalam apa juga keadaan pun, usaha pengumpulan pantun-pantun lisan ini mendapat kerjasama yang cukup baik dan menggalakkan daripada semua pihak yang terlibat.

Apabila peringkat pengumpulan pantun selesai dilaksanakan, maka tahap kedua ialah menyalin semula pantun-pantun tersebut daripada pita-pita rakaman. Ternyata kerja-kerja tersebut menuntut waktu, penelitian dan ketekunan yang tidak sedikit. Tidak dinafikan penggunaan kata-kata daerah dalam pantun-pantun lisan sedikit banyak menyulitkan kerja-kerja penyalinan. Sungguhpun begitu penggunaan bahasa-bahasa daerah itu tetap juga dikekalkan.

Penyelarasan kemudiannya dilakukan menurut wilayah, dengan membahagikannya kepada enam wilayah terbesar dengan jumlah pantun hampir 10,000 rangkap. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya, daripada ribuan pantun lisan yang terkumpul itu, tidaklah semuanya turut dihimpunkan dalam buku ini. Daripada jumlah yang telah dikumpulkan itu banyak pantun-pantun yang terpaksa digugurkan dengan beberapa alasan yang berikut:

- a. Pantun-pantun yang sama dalam satu kawasan yang sama;
- b. Pantun-pantun yang sudah dianggap biasa dan popular atau yang telah banyak ditemui tertulis;
- c. pantun-pantun yang tidak memenuhi ciri-ciri sebuah pantun;
- d. pantun-pantun yang kurang jelas atau sukar difahami maksudnya.

Daripada jumlah tersebut saringan demi saringan terpaksa dibuat dan yang kekal hanyalah 5,653 rangkap pantun yang mewakili 12 buah negeri.

<b>Kawasan</b>	<b>Pantun</b>	<b>Negeri</b>
1. Selatan	1 795	Johor/Melaka
2. Tengah	496	Selangor/N. Sembilan

#### KATA PENGANTAR

3. Utara	714	Perak/Kedah/Perlis
4. Timur	1 370	Kelantan/Terengganu/Pahang
5. Sarawak	733	Sarawak
6. Sabah	545	Sabah
Jumlah:	5 653	

Sungguhpun begitu pembahagian wilayah ini tidaklah pula meliputi seluruh negeri-negeri di Malaysia biarpun tidak kurang pula pantun-pantun yang dikumpulkan itu dapat mewakili kawasan atau daerah masing-masing. Rakaman pantun misalnya tidak dapat dilakukan di Pulau Pinang disebabkan oleh beberapa hal yang tidak dapat dielakkan. Hal ini bukanlah disengajakan dan sesungguhnya kesulitan itu adalah suatu hal yang amat malang. Biarpun begitu pengumpulan ini tetap membanggakan kerana dari perhatian dan pemilihan tempat didapatkan banyak orang Melayu yang masih mampu berpantun secara spontan dan mengemukakan pantun-pantun yang asli sifatnya. Kawasan-kawasan itu ialah:-

- 1) Di kawasan Selatan
  - a) Johor:
    - Batu Pahat
    - Muar
    - Pontian
    - Segamat
    - Mersing
    - Endau
  - b) Melaka:
    - Melaka Tengah
    - Masjid Tanah
- 2) Tengah
  - c) Selangor:
    - Ulu Bernam
    - Ulu Langat/Beranang
    - Banting/Sepang
  - d) Negeri Sembilan:
    - Kuala Pilah

- Batu Kikir
  - Bahau
- 3) Utara
- 4) Perak:
  - Parit
  - Gerik
  - Lenggong
  - Ipoh
- f) Kedah/Perlis:
  - Alor Setar
  - Langkawi
  - Kangar
  - Mata Air
  - Chuping
- 4) Timur
- g) Kelantan:
  - Pasir Mas
  - Kota Bharu
  - Bachok
- h) Terengganu:
  - Jertih
  - Besut
  - Ulu Dungun
- i) Pahang:
  - Temerloh
  - Raub
  - Jerantut
  - Pekan
- 5) Sarawak
  - Lundu
  - Samarahan
  - Bau
  - Kuching

- 6) Sabah
- Sindumin
  - Sipitang
  - Weston
  - Beaufort
  - Membakut

Semua kawasan ini telah dapat dikenalpasti sebagai kawasan yang masih terus memelihara tradisi berpantun secara lisan. Keistimewaan ini cukup sukar untuk dipertikai lagi kerana dari perhatian yang dilakukan ciri-ciri keasliannya tetap dapat diperbahankan dan kebolehan pemantun dapat dianggap sebagai satu anugerah yang semula jadi dan banyak keistimewaannya.

**MOHD. THANI AHMAD**

Ketua Cawangan Penyelidikan Sastera (Moden/Klasik)  
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera

## PENGHARGAAN

USAHA mengumpulkan pantun-pantun Melayu ini dirancang sebaik sahaja buku *Kumpulan Pantun Melayu* selesai diselenggarakan pada tahun 1981 dan berjaya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1983. Pihak kami juga mendapat bahawa buku *Kumpulan Pantun Melayu* yang diterbitkan itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat pembaca. Kerana itu kami mengambil keputusan untuk meneruskan projek ini dengan mengumpulkan bukan sahaja pantun-pantun yang sudah tersiar (seperti dalam *Kumpulan Pantun Melayu*) tetapi pantun-pantun lisan yang belum tersiar dalam mana-mana penerbitan. Tidak dinafikan bahawa usaha ini menuntut waktu dan tenaga yang tidak sedikit terutamanya dari segi mendapatkan maklumat tentang wujudnya pantun-pantun Melayu yang masih dituturkan secara lisan di seluruh negara. Kerja-kerja penyelidikan luar dan pengumpulan pantun bagaimanapun hanya dapat dimulakan pada akhir tahun 1985 dengan tenaga petugas di Cawangan Penyelidikan Sastera iaitu Sdr. Wan Yusof Hassan, Sdr. Mohamad Shaidan dan Sdr. Jazamuddin Baharuddin serta dibantu oleh Sdr. Zullkeply Mohamad.

Bagi pihak Unit Sastera Klasik, Cawangan Penyelidikan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, kami berasa amat terhutang budi kepada setiap individu dan institusi yang telah memberikan kerjasama dan bantuan yang cukup baik bagi menjayakan pengumpulan pantun-pantun lisan ini dan kami mengaku bahawa tanpa kerjasama dan bantuan dari pihak yang terlibat penerbitan seperti yang dapat disaksikan ini tidak akan terlaksana. Kami mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi penghargaan dan kalungan budi terima kasih yang

#### PENGHARGAAN

tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu kami.

Pertama, kami berasa terhutang budi kepada semua responden di seluruh negara yang telah memberikan sumbangan sehingga terhimpunnya pantun-pantun lisan untuk kumpulan ini. Penghargaan jua kami tujuhan kepada semua informan yang telah bersusah payah memberikan maklumat dan mengaturkan pertemuan dengan setiap responden bagi mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan. Kalungan budi ini kami tujuhan kepada Tuan Haji Abdullah bin Hj. Ab. Rahman PJK di Gerik Perak; Tuan Hj. Said Jamhari dan Ali Badron di Batu Pahat, Johor; Pegawai dan petugas Muzium Negeri Terengganu; Pejabat Pelajaran Daerah; Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri; Guru-guru Besar sekolah; Puan Fauziah Naziton Harun di Parit; Perak; Cikgu Udin di Batu Kikir, Negeri Sembilan dan Ketua-ketua Kampung dan Mukim serta di mana sahaja rakaman pantun dilakukan.

Kami tidak juga melupakan jasa baik seluruh pegawai dan petugas Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Sarawak, terutamanya kepada Tuan Haji Hamdan Yahya, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Sdr. Nadin Haji Salleh, Sdr. Zulkifli Kassim dan Sdr. Zainal Abidin Zulkifly (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak), Tuan Hj. Yusof Hj. Mohd. Taib, Sdr. Jonathan Singki dan Sdr. Ahmad yang turut serta bersama-sama kami menjalankan penyelidikan luar dan rakaman di beberapa tempat di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Hj. Mohd. Kammal bin Zainal Abidin, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Operasi Dewan Bahasa dan Pustaka (ketika itu), yang sangat memahami dan sering mengerti segala masalah dan tugas yang kami jalankan. Begitu juga penghargaan kami kepada Sdr. Safian Hussain selaku Ketua Cawangan Penyelidikan Sastera yang banyak memberi sokongan moral dan sentiasa bersama kami menjayakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Sdr. Anwar Ridhwan, Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera yang turut memberikan kerjasama dan sentiasa sabar mengikuti perkembangan projek ini. Kami juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Sdr. Mohammad Shaidan kerana ketekunannya menyalin semula hampir semua pantun-pantun daripada pita-pita rakaman. Kami sedar bahawa usaha ini menuntut waktu, penelitian dan kesabaran yang tidak se-

#### PENGHARGAAN

dikit lebih-lebih lagi terdapat banyak kata-kata daerah dalam pantun-pantun lisan itu yang kerap kali menyulitkan kerja-kerja penyalinan. Dalam usaha yang sama, kita tidak melupakan sumbangan daripada Puan Hadiah Idris dan Sdr. Nadin Hj. Salleh kerana bantuan yang diberikan dalam penyalinan pantun-pantun yang dirakamkan di Sabah dan Sarawak.

Akhirnya kami ingin melahirkan penghargaan istimewa kepada Puan Hajah Jamilah Hj. Ahmad, Ketua Unit Sastera klasik dan semua pegawai serta petugas Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera yang banyak memberikan galakan dan semangat ke arah kejayaan pelaksanaan projek ini. Kepada setiap daripada mereka yang turut terlibat dalam usaha ini, sumbangan mereka adalah dihargai. Semoga setiap pembaca mendapat manfaat daripada usaha kami dan direstui Allah.



**PANTUN  
JOHOR DAN MELAKA**



KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1 Ada damak dan ipuh,  
Naik ke bukit nampak sumpitnya;  
Emas perak senang disepuh,  
Kalau besi nampak karatnya.
- 2 Ada kolah pada masjid,  
Tempat budak sembahyang raya;  
Tengah malam bintang terbit,  
Bulan juga membawa cahaya.
- 3 Ada rumah tidak berpintu,  
Ada pintu tidak bertingkap;  
Rimau garang memang begitu,  
Mengaum saja tidak menangkap.
- 4 Ada satu anak orang,  
Hari-hari main perahu;  
Sungguhpun jalak ayam sabungan,  
Kokok jalak serba tahu.
- 5 Ada satu anak Mengkabau,  
Cari makan kebun Cina;  
Sudah runtuh gunung Rembau,  
Gunung Ledang ada gantinya.
- 6 Ada satu anak Limbungan,  
Pergi ke pasar membeli kacang;  
Memang jalak ayam sabungan,  
Biasa mati tengah gelanggang.
- 7 Ada satu anak Brunei,  
Suka bermain baling-baling;  
Seekor lang seekor punai,  
Cuba buangkan bisa di daging.
- 8 Ada satu anak Brunei,  
Cari makan menimba jala;  
Jangan ikut arus di sungai,  
Takut terkepung pintu kuala.

- 9 Ada satu burung tiung,  
    Turun ke kolam mandikan anak;  
Bukankah baik beli borong,  
    Timbang kati untung tak banyak.
- 10 Ada satu Cina Kelintong,  
    Masuk berniaga dalam kampung;  
Cuba kulelai cuba kugantung,  
    Kalau tak patah tentu campung.
- 11 Ada satu Mamak Pelikat,  
    Lima tahun balik negeri;  
Bubu kuhimpit lagi kuikat,  
    Kalau tak kena kupasang lagi.
- 12 Ada satu nama Tok Janggut,  
    Taruh misai serta janggut;  
Kalau tak pandai ilmu ribut,  
    Lebih baik jangan ke laut.
Hendak dikesal tak guna lagi,  
Cari lain sebagai ganti.
- 795 Hijau-hijau si bulu serindit,  
Makan mari jambu mawar;  
Berapa tahun hujan dilangit,  
Air di laut tidaklah tawar.
- 796 Hilang tin gunung ditumpal,  
Nampak dari Gunung Jematu;  
Pinggang ramping badannya tebal,  
Pandai juga membuat laku.
- 797 Hilir Daik menyongsong Daik,  
Tanam terombong di bawah batang;  
Kalau abang budi baik,  
Tidak diseru saya datang.
- 798 Hilir ke pekan membeli mangkuk,  
Mangkuk pecah dibeli lain;  
Gunung intan jangan merajuk,  
Hatiku tidak pada yang lain.
- 799 Hilir mudik batang berdahan,  
Batang mengkudu pecah uratnya;  
Haus lapar dapat kutahan,  
Hati rindu apa ubatnya.
- 800 Hilir mudik ke bandar raja,  
Raja ada di Pasir Panjang;  
Cantik molek manakan ada,  
Sedang elok pertimbangan abang.

**KURIK KUNDI MERAH SAGA**

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 801 | Hilir perahu dari Seberang,<br>Dengar suara ayam berkокok;<br>Kalau dah tahu harimau garang,<br>Pasang jerat di pangkal pokok.     | 305 |
| 802 | Hilir rakit bawa berenang,<br>Hanyut dari tanah seberang,<br>Bagaimana penyakit muh hilang,<br>Sakit ditanggung makan tak pantang. | 306 |
| 803 | Hinggap mari di pohon duku,<br>Duku dekat pohon Melati;<br>Cintaku puteri belahan jiwaku,<br>Hatiku terlekat sampai ke mati.       | 307 |
| 804 | Hiris rojak hantar ke surau,<br>Hendak menjemput datuk penghulu;<br>Gadis bijak orang tak hirau,<br>Ilmu di dapur laksana dulu.    | 308 |
| 805 | Hisap rokok di atas batu,<br>Keluar di hidung asap apinya;<br>Jalak berk Kokok biring tak tahu,<br>Tedung pula jaga dirinya.       | 309 |
| 806 | Hendak hujan, hujanlah hari,<br>Biar saya bertudung kain;<br>Nak buang, buang sekali,<br>Biar saya mencari lain.                   | 310 |
| 807 | Hujan di hulu hujan di hilir,<br>Hujan turun rintik-rintik;<br>Pandang dagu pandang leher,<br>Pandang kening bertambah cantik.     | 311 |
| 808 | Hujan menderu di tengah hari,<br>Orang Cina berpayung kain;<br>Adik rindu setiap hari,<br>Rupanya abang mencari lain.              | 312 |

- 809 Hujan panas di bulan puasa,  
Bunga kenanga kembang di taman;  
Tilam emas bantal suasa,  
Manakan sama berbantal lengan.
- 810 Hujan panas ribut berdengung.  
Orang menjemur di tungkul mati;  
Kasih sayang duduk termenung.\*  
Apa masyghul dalam hati.
- 811 Hujan ribut kita ke pulau,  
Terendak Cina jatuh ke ruang.  
Masa hidup kita bergurau,  
Kalau mati tergolek seorang.
- 812 Hujan ribut pasang pelita,  
Sapu tangan berisi bunga;  
Orang hidup jangan dicerita,  
Lepas di tangan orang yang punya.
- 813 Hujan ribut saya tak basah,  
Bukit Tenging bercabang tiga;  
Makan minum bujang tak susah,  
Sakit pening siapa nak jaga.
- 814 Hujan rintik cahaya redup,  
Batang kelici dalam perahu;  
Cantik-cantik pun kain dicelup,  
Sudah cuci baru tahu.
- 815 Hujan turun bercurah-curah,  
Ramai manusia lari berlindung;  
Hidup saya sebatang karah,  
Dalam hujan mencari untung.
- 816 Hujan turun di rimba belukar,  
Anak itik dikepung nyonya;  
Bertahun-tahun gunung terbakar,  
Embun setitik jadi pemadamnya.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 817 Hujung rangkap Kuala Linggi,  
Tanamlah puas hutan seberang;  
Saya berangkat dari sini,  
Hati puas telinga terang.
- 818 Hutan di hulu banyaknya rebung,  
Potong-potong taruh di karung;  
Kalau tak mahu galah disambung,  
Buah masak dimakan burung.
- 819 Hutan lipur tempat bermalam,  
Sungai Pahang airnya tenang;  
Walaupun jauh rindu mengidam,  
Tapi bimbang masuk meminang.
- 820 Hutan melarat dimakan api,  
Pokok ditanam habis mati;  
Intan manikam mahligai hati,  
Kalau hilang payah berganti.
- 821 Hutan serumpun luar kota,  
Mari tebas kanan kiri;  
Helang tak rabun musang tak buta,  
Biring jangan bebaskan diri.
- 822 Ibu kapur di lembah paya,  
Tebang kelam di cuaca redup;  
Sirih sekapur persembahan saya,  
Minta disimpan seumur hidup.
- 823 Ikan bawal berenang petang,  
Beli ikan di tepi dewan;  
Hendak kucuba di medan perang,  
Segala musuh hendak ditawan.
- 824 Ikan belanak dalam tapisan,  
Orang membubu di Kuala Dungun,  
Ayuhan anak ingat pesanan,  
Kalau jatuh cepatlah bangun.

- 825 Ikan buntal tidak bersengat,  
 Mari jatuh atas titi;  
 Tepuk bantal panggil semangat,  
 Ingin bersua dalam mimpi.
- 826 Ikan duri dalam air,  
 Ikan belukang atas batu;  
 Emas sekodi intan setahil,  
 Cari tukang ikatkan satu.
- 827 Ikan duri Kuala Johor.  
 Jual anak di Tanjung Surat;  
 Intan baiduri nama masyhur,  
 Sungguh kecil timbang berat.
- 828 Ikan gelama ikan duri.  
 Tiga dengan ikan sembilang;  
 Saya umpama rumput di bumi,  
 Pagi dan petang dipijak orang.
- 829 Ikan haruan di dalam lubuk,  
 Helang pekaka hinggap di dahan;  
 Sarang tebuan jangan dijolok,  
 Lebam muka celaka badan.
- 830 Ikan haruan ikan liar,  
 Paya mana tuan tetakkan;  
 Jikalau abang pergi belseyar,  
 Di mana saya hendak diletakkan.
- 831 Ikan julung dalam telaga,  
 Makan kail umpan terlekat;  
 Tiada beruntung badan celaka,  
 Buat baik menjadi jahat.
- 832 Ikan kukus tulangnya lembut,  
 Tulang lembut jarang-jarang;  
 Kami belseyar jangan disebut,  
 Takut dilanggar batu karang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 833 Ikan mati kerana tuba,  
Tuba dibuat di dalam hutan;  
Yang malang jangan dicuba,  
Hidup kelak binasa badan.
- 834 Ikan puput di tengah muara,  
Si jarang gigi timbul berkawan;  
Malang hidup tiada saudara,  
Kalau sudi terimalah tuan.
- 835 Ikan putih terenang-renang,  
Anak sepat dari muara;  
Sungguh sedih bila dikenang,  
Sahabat setia buat angkara.
- 836 Ikan puyu melompat-lompat,  
Lompat mari sawah padi;  
Macam mana muka tak pucat,  
Baru demam pagi tadi.
- 837 Ikan selangat dua serupa,  
Yang satu ikan selayang;  
Adik kasih abang tak lupa,  
Sama-sama berkasih sayang.
- 838 Ikan sengat ikan sembilang,  
Tebuk belakang ambil hati;  
Kus-semangat abang seorang,  
Tolak belakang ada ganti.
- 839 Ikan sepat mudik ke hulu,  
Anak haruan putih dada;  
Siapa cepat dapat dahulu,  
Siapa kemudian putih mata.
- 840 Ikan tenggiri ikan todak,  
Tiga dengan ikan kerapu;  
Toleh kiri kanan pun tidak,  
Sampailah saya dagang piatu.

- 841 Ikan tenggiri makan menyambar,  
Cuka-cuka dalam peti;  
Bila berpucuk daunnya lebar,  
Akar menjalar ke sana ke mari.
- 842 Ikan todak ikan haruan,  
Pembungkus gelama daun keladi;  
Awan berarak hamba tangiskan.  
Kenangan lama menghiba hati.
- 843 Ikan togok laut tumpuk,  
Air deras udang tak masuk;  
Hari malam matakuk mengantuk.  
Ambil api di puntung rokok.
- 844 Ikan pagar orang berempat,  
Ikan sepat dalam padi;  
Kehendak belajar kalau dapat,  
Alangkah suka dalam hati.
- 845 Inang-inang padi Pak Daik.  
Padi tak sama rupa bunganya;  
Sungguh kukenang budi yang baik,  
Tidak kulupa selama-lamanya.
- 846 Inderagiri Kota Belanda,  
Orang Aceh menanam buluh;  
Memang untung berkahwin janda,  
Anak besar boleh disuruh.
- 847 Inderasarai pasir lumat,  
Kerana bercampur dengan lokan;  
Sedang nabi kasihkan umat,  
Beginu saya kasihkan tuan.
- 848 Ini lagu serampang laut,  
Pulau Tamu jauh sepadan;  
Layar terkembang kemudi dipaut,  
Tidak laju celaka badan.

**KURIK KUNDI MERAH SAGA**

- 849 Intan baiduri di dalam puan,  
Gelang suasa dalam raga;  
Bila kupandang wajahmu tuan,  
Bagai terpandang pintu syurga.
- 850 Itik air baru berkepak,  
Cari makan dengan ibunya;  
Kalau tidak garam dicampak,  
Bolehkah masin kuah sebelanga.
- 851 Itik liar terbang ke sawah,  
Helang putih singgah di muara;  
Dibiar kurasa resah,  
Terkenang kasih tidak ketara.
- 852 Itu bernama orang kayangan,  
Dari jauh nampak bayangan;  
Bukan tak boleh lepas di laman,  
Takut berjumpa ayam sabungan.
- 853 Jaga pedoman kita mahu belok,  
Nampak pelangi datang di rusuk;  
Habis sudah kau masuk,  
Tak dapat yang wangi ambil yang busuk.
- 854 Jalak berkокok di tengah medan,  
Berseru tedung minta lawan;  
Terperanjat biring hilang perasaan,  
Menyeru tuah di dalam badan.
- 855 Jambu muda dari Rawa,  
Gugur bersepah di kebun Pak Ali;  
Tinggallah semua sanak saudara,  
Saya pergi jangan dicari.
- 856 Jangan biasa duduk bertentang,  
Orang tengok dari belakang;  
Cari pagi makan petang,  
Asal hidup jangan berhutang.

PANTUN JOHOR DAN MELAKA

- 857 Jangan diangkat benda yang berat,  
Terkikir pinggang sakit belikat;  
Patah pancang tinggal sekerat,  
Tinggal tunggul sangka pukat.
- 858 Jangan diharap padi di paya,  
Dimakan beruk dengan siamang;  
Jangan diharap kepadanya saya,  
Rupa buruk bangsanya kurang.
- 859 Jangan diharap padi seberang,  
Entah bertuai entah tidak;  
Jangan diharap cinta orang,  
Entah bercerai entah tidak.
- 860 Jangan diusik kerbau jalang.  
Jika digesel rebah juga;  
Kalau nasih memang malang,  
Sudah jatuh ditimpa tangga.
- 861 Jangan nak bagi orang takut,  
Awak bukan panglima Daut;  
Kalau dah janji mati di laut,  
Jangan kau tuntut ilmu ribut.
- 862 Jangan suka cakap tak tentu,  
Kita bukan budak-budak;  
Kalau air tentu bersatu,  
Kalau sampah ke tepi juga.
- 863 Jangan suka termenung,  
Kerap dicampur syaitan;  
Tuan boleh angkat gunung,  
Saya boleh harung lautan.
- 864 Jangan suka menganyam nyiru,  
Nyiru dianyam di tepi tasik;  
Jangan suka menanggung rindu,  
Rindu datang bawa penyakit.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 865 Jatuh bertukar si jambu mawar,  
Masak diembun bersama ciku;  
Masa jurur disangka penawar,  
Rupanya racun di dalam madu.
- 866 Jatuh upih jatuh seludang,  
Jatuh mari di laman kami;  
Nasi putih lauk udang,  
Mari makan bersama kami.
- 867 Jauh ayam dalam kurung,  
Kurung bernama Cik Murai;  
Padi masak di makan burung,  
Burung bernama burung punai.
- 868 Jelatik burung jeladan,  
Anak tekukur terbang tinggi;  
Sudah cantik sama padan,  
Lagi diukur sama tinggi.
- 869 Jeling-jeling paku,  
Paku masak lemak;  
Siapa jeling aku,  
Aku cakap pada emak.
- 870 Jemur kain sidai di tali,  
Ikat kuat di dahan beringin;  
Tuan tak ingin aku tak sudi,  
Sama-sama mencari yang lain.
- 871 Jemur padi di atas tanah,  
Terbang merpati turun makan;  
Dalam berkasih datang fitnah,  
Terima kasih atas junjungan.
- 872 Jika betul anak menteri,  
Hang Jebat Raja Melaka;  
Bunga diambil dalam duri,  
Bunga tak dapat tangan luka.

- 873      Jika menangkap ikan gelama,  
               Masak rempah sedap rasanya;  
               Ada yang baru ada yang lama,  
               Mintalah saya berjalan sama.
- 874      Jika rindu baik diturut,  
               Entah mati entah hidup;  
               Jaring rentang tengah laut,  
               Pasang tak kena jaga surut.
- 875      Jikalau ia kajang di Biku,  
               Tanam dedap dalam padi;  
               Jika ia kata begitu,  
               Alangkah sedap dalam hati.
- 876      Jikalau tidak hujan di bukit,  
               Keduduk tidak berbunga lagi;  
               Jikalau tidak dapat bujang berjoget,  
               Saya tidak menari lagi.
- 877      Jin besar turun bertapa,  
               Minum darah segantang sehari;  
               Ikan di laut jangan dituba,  
               Siamang di rimba habis mati.
- 878      Johor Bahru ibu negeri,  
               Sultam Mahmud raja mulia;  
               Berapa cerah matahari,  
               Bulan juga membawa cahaya.
- 879      Johor Bahru jalan bertambak,  
               Tempat anak Raja Temenggung;  
               Bukan baharu saya berkehendak,  
               Memang tatkala ibu mengandung.
- 880      Johor Bahru Tanjung Puteri,  
               Angin berhembus di Barat Daya;  
               Jangan dikejar gunung berlari,  
               Hilang kabus nampaklah dia.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 881 Jolok nangka di kampung hilir,  
Berselang kain ke pasar lama;  
Jangan disangka pada yang lahir,  
Namun batin tak pernah sama.
- 882 Jong-jong muka pintu,  
Hendak belayar hutan seberang;  
Jangan Mak Jah berkata begitu,  
Bunyinya malu di depan orang.
- 883 Jurumudi turun ke perahu,  
Tiba kuala pecahnya sampan;  
Terlalu sedap rasanya bau,  
Tujuh hari adinda tak makan.
- 884 Kain baju sutera gumbang,  
Letak berlipat di atas peti;  
Lain dituju lain yang tumbang,  
Tidaklah dapat hajat di hati.
- 885 Kain baldu bersulam tangan,  
Sulam sutera cara lama;  
Hati rindu banyak kenangan,  
Ingatkan cerita zaman lama.
- 886 Kain baldu dibuat tilam,  
Dara berbandan pengantin baru;  
Rosak madu kerana jadam,  
Rosak iman kerana nafsu.
- 887 Kain baru kain cukin,  
Bawa mari kesat dulang;  
Sudah buruk lagi miskin,  
Mana nak guna kepada orang.
- 888 Kain batik baru dijemur,  
Jemur mari tengah kolam;  
Sungguh cantik bintang timur,  
Bintang tak boleh terangkan alam.

- 889 Kain batik berkecai-kecai,  
 Mana sekecai dimakan gagak;  
 Jangan saya terintai-intai,  
 Kalau hendak ke mari dekat.
- 890 Kain batik dari seberang,  
 Pakai anak Raja Surati;  
 Wahai adik permainan abang,  
 Tuan seorang penghibur hati.
- 891 Kain batik koyak melintang,  
 Tidak boleh dijahit lagi;  
 Bila adik merajuk panjang,  
 Tidaklah boleh dipujuk lagi.
- 892 Kain batik nila sutera,  
 Pakai anak raja Cina;  
 Adik cantik abang tak gila,  
 Orang banyak luar dunia.
- 893 Kain batik pakai terbalik,  
 Pakai budak raja Padang;  
 Sudah ludah jangan dibalik,  
 Tidak manis dipandang orang.
- 894 Kain berkocak jong sarat,  
 Jong bermuat geluk kaca;  
 Bau wangi dalam surat,  
 Dicium dulu baru dibaca.
- 895 Kain berlipat dalam istana,  
 Pakaian puteri raja kayangan;  
 Sepatah nasihat ilmu yang berguna,  
 Secubit budi jadi kenangan.
- 896 Kain biru pengesat tangan,  
 Orang berjamu di rumah kenduri;  
 Mata beradu lalu berpandangan,  
 Kita bertemu baru sekali.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 897 Kain budak bersulam kesuma,  
Pakai cantik Raja China;  
Puan cantik saya tak gila,  
Banyak orang dalam dunia.
- 898 Kain Bugis kain Palembang,  
Pakai anak Raja Semarang;  
Mas merah asalnya kurang,  
Emas bersepuh di kayu arang.
- 899 Kain buruk dalam besen,  
Buat membungkus kulit belulang;  
Saya buruk lagi miskin,  
Manalah hendak dipeduli orang.
- 900 Kain buruk tepi perigi,  
Budak-budak kesat belanga;  
Hari ni saya pergi,  
Tunggu tuan di taman bunga.
- 901 Kain cukin diregang-regang,  
Bawa budak sambil berlari;  
Biar miskin lagi dagang,  
Asal pandai membawa diri.
- 902 Kain cukin kain sutera,  
Buat pengesat kaki dulang;  
Sudah miskin bertambah hina,  
Buat apa kepada orang.
- 903 Kain corak bertali tangsi,  
Sampan sarat bermuat barang;  
Awan berarak ditangisi,  
Badan melarat di rantau orang.
- 904 Kain genggang bajunya putih,  
Jahit mari gigi belalang;  
Sejak terpandang hatinya kasih,  
Tidak peduli nyawa hilang.

- 905 Kain hitam koyak panjang,  
Tidak boleh dijahit lagi;  
Rambut panjang merajuk panjang,  
Mana boleh dipujuk lagi.
- 906 Kain ini kain Bentan,  
Kalau dibasuh jangan dibanting;  
Bukan salah dari jahitan,  
Salah pula orang menggunting.
- 907 Kain ini kain pelikat,  
Jikalau mandi dicuci jangan;  
Main ini main sarikat,  
Jikalau mati kesal jangan.
- 908 Kain ini kain sutera,  
Kalau mandi tolong sidaikan;  
Rahsia ini kita berdua,  
Orang lain dibilang jangan.
- 909 Kain Jawa sehasta panjang,  
Dibawa budak turun mandi;  
Banyak muda sudah dipandang,  
Tapi tak pernah melekat di hati.
- 910 Kain kaca berbunga dedap,  
Dibawa nakhoda ke negeri Keling;  
Darah gemuruh rasa tak sedap,  
Kerana cinta sudah berpaling.
- 911 Kain kasa berbunga dedap,  
Dibawa nakhoda di negeri Keling;  
Hati berdebar rasa tak sedap,  
Kerana cinta sudah terpaling.
- 912 Kain kasar kain dibeli,  
Masuk bermiaga negeri Jawa;  
Kisar di kanan gigit di kiri,  
Salah timbang kecewa juga.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 913 Kain pelikat corak bersetgi,  
Isi di dulang hendak dihantar;  
Kalau pemikat baik budi,  
Burung terbang pulang ke sangkar.
- 914 Kain pelikat di dalam peti,  
Satu Jumaat sekali buka;  
Sudah terikat dalam hati,  
Satu rakaat tidak lupa.
- 915 Kain perai baju pun perai,  
Letak mari atas peti;  
Hancur badan tulang berkecaci,  
Budi adik dibawa mati.
- 916 Kain putih panjang berela,  
Jahit mari benang kasturi;  
Hati suka main berdua,  
Orang luar apa peduli.
- 917 Kain sehari tudung sehari,  
Mari disangkut atas daun;  
Kalau tak pandang sehari,  
Rasa diri bagai setahun.
- 918 Kain selendang di atas atap,  
Dipakai dayang bersunting bunga;  
Sudah dipandang sudah ditatap,  
Barulah kumbang menghidu bunga.
- 919 Kain songket berkodi-kodi,  
Tersusun indah di atas peti;  
Biarpun sedikit bernama budi,  
Guna menempah jasa bakti.
- 920 Kait kelapa kukur kelapa,  
Kupas ubi buat pengat;  
Hendakku lupa tak terlupa,  
Kerana budi sudah terpahat.

- 921 Kait mengait serambi padi,  
 Padi ini padi Mak Buruk;  
 Apabila kena ular pun mati,  
 Dapat sesuka hati kanda menjolok.
- 922 Kajang tuan kajang berlipat,  
 Kajang saya mengkuang layu;  
 Dagang tuan dagang bertempat,  
 Dagang saya terbuang layu.
- 923 Kalau abang pandai menyurat,  
 Suratkan saya kertas biru;  
 Kalau abang pandai mengubat,  
 Ubatkan saya hati yang rindu.
- 924 Kalau abang pergi ke bendang,  
 Belikan saya anak selangat;  
 Hari siang terpandang-pandang.  
 Tidur malam teringat-ingat.
- 925 Kalau abang pergi ke Daik.  
 Ikan gelama masak kelapa;  
 Kalau abang berhati baik,  
 Sampai bila adik tak lupa.
- 926 Kalau abang pergi Kelantan,  
 Kirim saya setangkai bunga;  
 Kalau abang rindu tak makan,  
 Saya di sini tidur tak lena.
- 927 Kalau abang pergi ke pasar,  
 Belikan saya ketam lumut;  
 Kalau abang pergi belayar,  
 Tinggalkan saya kain selimut.
- 928 Kalau ada buah cempedak,  
 Jangan diperam dengan ragi;  
 Khabar tiada alamat pun tidak,  
 Di manalah hendak dicari lagi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 929 Kalau ada cempedak di pintu,  
Cempedak di raga jangan dedahkan;  
Kalau ada cita begitu,  
Jiwa dan raga hamba serahkan.
- 930 Kalau ada ikan pari,  
Senang saya masak tumis;  
Apa cakap tuan tadi,  
Cakap lepas jangan menangis.
- 931 Kalau ada kaca di pintu,  
Ambil lidi sapukan sampah;  
Mengapa tuan kata begitu,  
Kalau sudi apatah salah.
- 932 Kalau ada kaca di pintu,  
Bunga dedap dalam padi;  
Kalau ada kata begitu,  
Barulah sedap dalam hati.
- 933 Kalau ada kaca di pintu,  
Bunga dedap di dalam padi;  
Kalau ada kata begitu,  
Saya teringat di dalam hati.
- 934 Kalau ada menanam tebu,  
Boleh dijual di pasar desa;  
Kalau kita jadi tetamu,  
Biar pandai berbudi bahasa.
- 935 Kalau ada nenek tua,  
Kayu bongkok mati dijulang;  
Kalau kehendak kita berdua,  
Karam perahu sagna direnang.
- 936 Kalau ada padi gugur,  
Bolehlah kita tampi-tampi;  
Kasih terlupa antara tidur,  
Dalam tidur kita bermimpi.

- 937     Kalau ada peria pahit,  
            Belanga baru jerang udang;  
      Kalau ada jasa baik,  
            Jadi abu dikenang orang.
- 938     Kalau ada selasih dani.  
            Ikan cuba masak kari;  
      Kalau ada kasih kami,  
            Sapu tangan sampai ke mari.
- 939     Kalau ada selasih dani,  
            Ubi keledek masak kari;  
      Kalau tuan ingatkan kami,  
            Kain batik beri ke mari.
- 940     Kalau ayam berkokok pagi,  
            Itu tanda hari nak siang;  
      Sudah jumpa jantung hati,  
            Bulan terang disangka siang.
- 941     Kalau begini kelera i tombak,  
            Biar saya kelera biasa;  
      Kalau saya tidak berkehendak,  
            Biar bujang sampai ke tua.
- 942     Kalau benar tuan nak mandi,  
            Kain jangan kasi nila;  
      Kalau benar tuan nak jadi,  
            Permainan jangan kasih dimula.
- 943     Kalau berperang di dalam kubu,  
            Tombak leming buat perisai;  
      Kalau hilang ayah ibuku,  
            Seperti bunga karang berderai.
- 944     Kalau hendak bermain kuda,  
            Biar sampai ke hulu gelang;  
      Kalau hendak bermain cinta,  
            Biar sampai nyawa hilang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 945 Kalau hendak main keriku,  
Kaca remuk dalam puan;  
Kalau tidak jadi di situ,  
Hati remuk kerana tuan.
- 946 Kalau hendak memikat kedidi,  
Anak beruk mari dikandang;  
Kalau ikhlas hendak berbudi,  
Helah jangan ke lain menyimpang.
- 947 Kalau hendak menjemur padi,  
Jemur mari tengah halaman;  
Cuba-cuba menabur budi,  
Kalau baik dibuat jaman.
- 948 Kalau hendak memilih tempat,  
Biar ada pekan sehari;  
Teman ketawa senang didapat,  
Kawan menangis sukar dicari.
- 949 Kalau ke sini tumbang keranji,  
Habislah ranap pokok pinang;  
Kalau begini rupanya janji,  
Bilalah cakap boleh dipegang.
- 950 Kalau keledek dari Kelebang,  
Rumah limau tertakal-takal;  
Kalau adik sayang abang,  
Abang belikan emas sehengkal.
- 951 Kalau kulurut padi di Daik,  
Pancang pulau jatuh terhempas;  
Kalau kuturut perangai tak baik,  
Pasang tak penuh surut tak timpas.
- 952 Kalau kutahu hujan tak jadi,  
Tidak saya turun ke bendang;  
Kalau kutahu orang tak sudi,  
Tidak saya datang meminang.

- 953 Kalau kutahu padi sumbang,  
Biarlah sawah tumbuh keladi;  
Kalau kutahu budi nak terbang.  
Haram tidak berbudi lagi.
- 954 Kalau membeli buah delima,  
Buah nanas atas tempayan;  
Kalau sudi tuan terima,  
Cincin emas permata berlian.
- 955 Kalau membeli kuda belang,  
Beli sekali kuda sambarani;  
Anak dagang hendak pulang.  
Makin pilu di hati kami.
- 956 Kalau menarah batang jati,  
Batang kenanga dikapal jua;  
Alangkah resah rasanya hati,  
Sudah lama tak nampak muka.
- 957 Kalau menangkap ikan kurau,  
Rentang jaring hingga ke seberang;  
Adat hidup sahabat bergurau,  
Sudah mati terbaring seorang.
- 958 Kalau menebang kayu jati,  
Papan di Jawa mari dibelah;  
Bukan boleh sekehendak hati.  
Semuanya di bawah perintah Allah.
- 959 Kalau menggulung kuih sagu,  
Jangan lupa menaruh inti;  
Orang termenung menuang dagu.  
Itulah tanda kecewa di hati.
- 960 Kalau merendam biji selasih,  
Minum mari dalam cawan;  
Sudah jodoh bertemu kasih,  
Laksana paku lekat di papan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 961 Kalau nak hujan, hujan sekali,  
Boleh saya bertudung kain;  
Nak buang, buang sekali,  
Boleh saya mencari lain.
- 962 Kalau nak jatuh baik disambut,  
Takut putus tali perambut;  
Jika belayar tak kena ribut,  
Takut kena perompak di laut.
- 963 Kalau nak main kuda,  
Biarlah sampai ke Ulu Geylang;  
Kalau nak main sesama muda,  
Biarlah sampai nyawa hilang.
- 964 Kalau nak pancing ikan sembilang,  
Di air keruh tepi karang;  
Jalak berkokok tak putus selang,  
Biring yang mana tak naik radang.
- 965 Kalau nak pikat burung jelatik,  
Tabur beras dengan padi;  
Kalau nak harap corak yang cantik,  
Tentu tak laku kain berkudi.
- 966 Kalau nak tahu dihimpun keladi,  
Diangkut kaut di balik batang;  
Kalau nak tahu untung kami,  
Lihat laut di kala petang.
- 967 Kalau panas kita belayar,  
Buang sauh di Tanjung Puteri;  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.
- 968 Kalau pasang air di laut,  
Sampan kolek tarik ke Tanjung;  
Hati mengenang mulut menyebut,  
Budi adil rasa nak junjung.

- 969 Kalau pecah piring ini,  
Saya tidak berkirim lagi;  
Kalau sudah nyanyi ini,  
Saya tidak menyanyi lagi.
- 970 Kalau pergi ke Tanjung Pinang,  
Jangan lupa membeli raga;  
Jangan difikir jangan dikenang,  
Kaya miskin sama sahaja.
- 971 Kalau tak beli jangan dibelek,  
Kata orang bijak cerdik;  
Kalau dah undur terkam balik,  
Itu tanda umur nak pendek.
- 972 Kalau tak betul jadi saksi,  
Ambil kayu direjam-rejam;  
Sebaik-baik pun baja besi,  
Ada batu baru di tajam.
- 973 Kalau tak panjat limau manis,  
Kita tebang batang tebu;  
Jika tak dapat yang hitam manis,  
Kita buanglah petua guru.
- 974 Kalau tidak bertanam padi,  
Tidaklah saya bertanam bunga;  
Kalau tidak kerana budi,  
Tidaklah badan jadi merana.
- 975 Kalau tidak bunga di Tanjung,  
Bila beringin ke Tasik Kembang;  
Kalau tidak intan dijunjung,  
Saya tidak ingin kepada orang.
- 976 Kalau tidak hujan di hulu,  
Bila barang timbul tenggelam;  
Kalau perempuan janji dahulu,  
Kenapa saya datang semalam.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 977 Kalau tidak lembu Pak Jamal,  
Masakan badan hancur dan lumat;  
Kalaupun tidak ilmu dan amal,  
Bilakan badan boleh selamat.
- 978 Kalau tuan bawa kemudi,  
Kemudi dibawa di tepi pantai;  
Kalau kenang kurang budi,  
Sirih layu lekat di tangkai.
- 979 Kalau tuan bawa perahu,  
Muatan isi buah berangan;  
Hendak berbudi biar selalu,  
Supaya boleh buat kenangan.
- 980 Kalau tuan ke bandar Pekan,  
Tampang-tampang gugur bunga;  
Bertuah serampang kutikam bunga,  
Kena tak kena gugur bunga.
- 981 Kalau tuan makan jagung,  
Jagung dimakan burung merpati;  
Kita ini sama berpantun,  
Pantun kita mohon berhenti.
- 982 Kalau tuan makan papaya,  
Taruh mari atas peti;  
Apa nak buat tipu daya,  
Sama kita satu hati.
- 983 Kalau tuan menggulai belut,  
Menggulai mari dengan pengatan;  
Kalau hati sudah susut,  
Tanah di Benut kutinggalkan.
- 984 Kalau tuan menebang jati,  
Rambai saya serpih jangan;  
Sila tuan mencari ganti,  
Biar terlebih kurang jangan.

PANTUN JOHOR DAN MELAKA

- 985 Kalau tuan mendaki bukit,  
Bukit didaki terlalu tinggi;  
Sungguh cantik bulan terbit,  
Ada bintang baru berseri.
- 986 Kalau tuan memburu landak,  
Saya membeli batu berkati;  
Kalau puau benar-benar hendak,  
Cuba-cuba meninggal laki.
- 987 Kalau tuan membawa lidi,  
Lidi dibawa negeri China;  
Susah tuan beranak tiri.  
Hendak sabar bersama-sama.
- 988 Kalau tuan melancur pucuk,  
Pucuk pakis timbul tenggelam;  
Dinihari ayam berkokok.  
Tinggal cadar di atas tilam.
- 989 Kalau tuan memetik rambai,  
Rambai ada dihujung dahan;  
Sungguh berpantun kita beramai,  
Berserah kita kepada Tuhan.
- 990 Kalau tuan merendang telur,  
Jangan terlupa telur yang masin;  
Kalau tuan sudah masyhur,  
Jangan lupakan keluarga yang miskin.
- 991 Kalau tuan menanam ubi,  
Mari tanam Kampung Seberang;  
Baik-baik mencampak budi,  
Emas juga dipandang orang.
- 992 Kalau tuan mudik ke hulu,  
Kirimkan saya buah nangka;  
Kalau tuan mati dahulu,  
Tunggu saya di pintu syurga.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 993 Kalau tuan pandai menginang,  
Inang saya beras kunyit;  
Kalau tuan pandai membilang,  
Bilanglah saya bintang di langit.
- 994 Kalau tuan pandai menyurat,  
Suratkan saya di kertas merah;  
Kalau tuan pandai mengubat,  
Ubatkan saya hati yang marah.
- 995 Kalau tuan pergi ke darat,  
Jalan mari hujung tanjung;  
Simpan ringgit nanti berkarat,  
Bawa bermiaga cari untung.
- 996 Kalau tuan pergi ke huma,  
Tolong penggal pisang sesikat;  
Kalau tuan menjadi bunga,  
Saya menjadi helang pengikat.
- 997 Kalau tuan pergi ke Benut,  
Kirim saya sekati ubi;  
Bagaimana sampanku hanyut,  
Situlah juga saya berhenti.
- 998 Kalau tuan pergi ke Jati,  
Tanam saya buah ketula;  
Kalau tuan tahu saya nak mati,  
Tanah di kubur bernisan dua.
- 999 Kalau tuan pergi ke Jeddah,  
Pergi dengan anak permaisuri;  
Kalau teringin hendak makan buah,  
Buah masak di ranting tinggi.
- 1000 Kalau tuan pergi ke Kelang,  
Berikan saya semangkuk rojak;  
Jangan diturut resmi kiambang,  
Sungguhpun hijau akar tak jejak.

PANTUN JOHOR DAN MELAKA

- 1001 Kalau tuan pergi ke Masai,  
Kirim saya membeli gambir;  
Apa guna menyimpai misai,  
Kan untuk mengotor bibir.
- 1002 Kalau tuan pergi ke pantai,  
Petik bunga tiga setangkai;  
Sudah kutahu bunga kurampai,  
Hendak kusunting tidak bertangkai.
- 1003 Kalau tuan pergi ke Pancur,  
Singgah berlabuh Pulau Jawa;  
Saah besi lagikan hancur,  
Inikan pula kayu di paya.
- 1004 Kalau tuan pergi ke Rasib,  
Saya mengirim beli padi;  
Sudah kubuat pada nasib,  
Nasib saya apa nak jadi.
- 1005 Kalau tuan pergi ke tanjung.  
Kirim saya bunga dahlia;  
Ibarat api dalam tanglong,  
Angin yang mana padamkan dia.
- 1006 Kalau tuan pergi seberang,  
Semai padi tumbuh lalang;  
Saya umpama beras segantang,  
Mahu lebih tak mahu kurang.
- 1007 Kalau ubi hendak dijual,  
Jual sekali pegaga di sawah;  
Berdetak di hati terbit kesal,  
Manalah terduga akannya padah.
- 1008 Kalau udang dibuat gulai,  
Daging rusa dimasak kari;  
Kalau wang jadi pemakai,  
Budi bahasa pengiring diri.

- 1009 Kalaulah pergi ke pekan Nyalas,  
          Masuk ke balai membeli gelang;  
Kalau budi minta dibalas,  
          Itulah budi tidak dikenang.
- 1010 Kalaulah selasih dani,  
          Bungan lalang digulung ulat;  
Jikalau tuan kasihkan kami,  
          Apa dilarang jangan dibuat.
- 1011 Kapak sekali ini,  
          Entah membeli entahkan tidak;  
Berdagang sekali ini,  
          Entahkan kembali entahkan tidak.
- 1012 Kapal Arab singgah di Acheh,  
          Sarat muatan batang padi;  
Jangan diharap orang berkasih,  
          Sedang bertunang haram tak jadi.
- 1013 Kapal baru temburung baru,  
          Baru sekali masuk Melaka;  
Adik baru abang pun baru,  
          Baru sekali kenal biasa.
- 1014 Kapal belayar menyusur bukit,  
          Satu kapal dua serombong;  
Bagaimana hati tak sakit,  
          Satu sangkar dua burung.
- 1015 Kapal belayar sarat muatan,  
          Nelayan di laut sedang memukat;  
Biar jauh seberang lautan,  
          Kerana budi terasa dekat.
- 1016 Kapal belayar tengah lautan,  
          Tenggelam timbul pukul taufan;  
Datang ribut barat selatan,  
          Belum saya buang muatan.

- 1017 Kapal berlabuh di Tanjung Puri,  
          Kapal bermuat si kayu manis;  
Bila terpandang cincin di jari,  
          Sedih hati lalu menangis.
- 1018 Kapal datang dari seberang,  
          Naik ke darat membeli kapak;  
Sudah nasib badan seorang,  
          Beras segantang tinggal secupak.
- 1019 Kapal kecil kemudi kayu,  
          Hendak belayar tanah seberang;  
Kain sekudi pilih sekayu,  
          Boleh dapat cindai terbilang.
- 1020 Kapal kecil roda lambung,  
          Naik ke darat pasang teropong;  
Orang muda kacak melambung,  
          Songkok senget, saku kosong.
- 1021 Kapal layar bertiang tiga,  
          Tiang keempat batang galah;  
Ikhtiar ilmu bahagian kita,  
          Hasil pendapatan di tangan Allah.
- 1022 Kapal puan berisi manik,  
          Jambu air tepi perigi;  
Tuan datang silalah naik,  
          Ambil air pembasuh kaki.
- 1023 Kapal putih di tengah laut,  
          Kapal hitam terlerat laju;  
Putih kuning mengirai rambut,  
          Hitam manis menjahit baju.
- 1024 Katak betung berbunyi malam,  
          Tala-menala bunyi dahulu;  
Tuhan belum menjadikan alam,  
          Kita sudah berjanji dahulu.

- 1025 Kayu cendana titian beruk,  
Orang menebang kayu beraksa;  
Hamba ini orang buruk,  
Tambah hina tidak berbangsa.
- 1026 Kayu jati di tepi huma,  
Dililit akar ribu-ribu;  
Kalau hati inginkan bunga,  
Cari akal dengan tipu.
- 1027 Kayu mati patah tergalang,  
Anak helang tersangkut betisnya;  
Harimau mati tinggalkan belang,  
Dari belang datang bengisnya.
- 1028 Kayu pagar berikat tali,  
Diikat-ikat bawa ke tanjung;  
Kalau benar berkali-kali,  
Akhirat jangan tanggung menanggung.
- 1029 Ke Badam sudah ke Muar belum,  
Anak beranak mengambil angin;  
Temu sudah kupandang belum,  
Ibarat gambar dalam cermin.
- 1030 Ke darat mari mengendong rambai,  
Rambai dikendong dalam kain;  
Hendak direbut bunga setangkai,  
Bukan tak ada bunga lain.
- 1031 Ke hutan mencari cempedak,  
Cari mari kebun Cik Siti;  
Sehari makan sehari tidak,  
Asal hidup jangan mati.
- 1032 Ke hutan mencari rotan,  
Cari makan tepi paya;  
Bukan saya sayangkan umpan,  
Takut ikan tipu saya.

- 1033 Ke laut mari mengail duri,  
Terasa pula badan nak demam;  
Putih kuning mengajak lari,  
Saya tak tahu rumah imam.
- 1034 Ke sini tasik ke mari padang,  
Tempat pandan tumbuh mencelah;  
Di sini masih ke mari sayang,  
Terbuang badan sama tengah.
- 1035 Kebun kecil pokok berjenis,  
Pagar dengan buluh berdaun;  
Kecil-kecil kayu tempinis,  
Terasnya tahan berpuluhan tahun.
- 1036 Kecil-kecil buah cemponek,  
Kasi makan anak Cik Batak'  
Sudah berpesan datuk nenek,  
Ayam garang kepala botak.
- 1037 Kecil-kecil pengail lidi,  
Hendak sampai ke hutan seberang;  
Kecillah kecil hendak berlaki,  
Apa belanja sekulit kerang.
- 1038 Kecil-kecil pengayuh lidi,  
Mari sampai hutan seberang;  
Kecil-kecil hendak berbini,  
Apa belanja kulit kerang.
- 1039 Kekalkan Mak Busu bertanam miak,  
Bertanam miak di muka pintu;  
Kekalkan Mak Busu banyak anak,  
Minta seorang buat biniku.
- 1040 Kekalkan Mas Merah dari Sebarang,  
Singgah sebentar ke Tanjung Puri;  
Buah hati kekasih orang,  
Rindu kutangung seorang diri.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1041 Kelam kabut Kuala Usai,  
Hujan tidak berhenti lagi;  
Angin ribut gelombang susai,  
Baik belajar lawan tepi.
- 1042 Kelap-kelip api di kapal,  
Api menahan tiang bendera;  
Sedap selit tidur sebantal,  
Kasih bercerai si air mata.
- 1043 Kelap-kelip Kunang-kunang di rimba,  
Tempat di pohon gedung;  
Silap sedikit marahkan hamba,  
Di manalah tempat diri berlindung.
- 1044 Keledek merah pucuk meranti,  
Masak lemak tengah hari;  
Sanak marah saudara benci,  
Biarlah hamba membawa diri.
- 1045 Kelip-kelip api di kapal,  
Baru sedar pasang pelita;  
Air mata jatuh ke bantal,  
Baru sedar menanggung derita.
- 1046 Kelip-kelip api di kantur,  
Sedia naik pukul sembilan;  
Bagai diletak bagai diatur,  
Macam cincin permata nilam.
- 1047 Kembang cendawan di tengah padang,  
Tempat Cik Siti memacu kuda;  
Pada bulan baik bintang,  
Sungguh pun kecil selalu ada.
- 1048 Kembang indah menawan hati,  
Sayang terkerat di tengah hari;  
Cinta itu laksana api,  
Tersalah hemat membakar diri.

- 1049 Kemuning dibuatkan bendul,  
                  Semakin ditarah semakin baru;  
Nasi kuning berpagar telur,  
                  Itulah makanan pengantin baru.
- 1050 Kemuning kayu di rimba,  
                  Mari digenggam padam baranya;  
Putih kuning tidur di riba,  
                  Bentangkan tikar banyak bayanya.
- 1051 Kena sengat sembilang karang,  
                  Siang malam tidur mengerang;  
Masuk hutan kutengok jarang,  
                  Mana mahu jumpa harimau garang.
- 1052 Kenapa pecah piringku itu.  
                  Pecah ditatang di tapak tangan;  
Jalak biring jadikan satu,  
                  Tedung ada tunggu di laman.
- 1053 Kenari burung sekawan,  
                  Ambil padi saya taburkan;  
Hati rindu bertambah rawan,  
                  Tempat mana nak saya hiburkan.
- 1054 Kencang ribut malam tadi,  
                  Batang hanyut dari kuala;  
Kencang mimpi malam tadi,  
                  Bantal hanyut dari kepala.
- 1055 Kencang utara daratan Siam,  
                  Bunyi beduk dari hulu;  
Datang sengsara duduk diam,  
                  Asalkan tertutup sekalian malu.
- 1056 Kencang-kencang angin di atas,  
                  Hendak putus tali kecapi;  
Jongnya perak, layarnya kertas,  
                  Hendak melanggar lautan api.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1057      Kencang-kencang angin selatan,  
                Keras sampai tepi kota;  
Biar miskin tidak makan,  
                Asal terpasang api pelita.
- 1058      Kentang bukan sebarang kentang,  
                Kentang di pokok masak kari;  
Datang bukan sebarang datang,  
                Datang memupuk hajat di hati.
- 1059      Kepiting di negeri Jawa,  
                Buluh bersegi di atas atap;  
Ikan kering habis tertawa,  
                Anak tupai baca kitab.
- 1060      Kerbau empat lembu empat,  
                Masuk simpang terlalu cepat;  
Air tenang ikan melompat,  
                Jala ditebar haram tak dapat.
- 1061      Kereta baru lembu pun baru,  
                Baru sekali masuk Melaka;  
Tuan baru saya pun baru,  
                Baru sekali berkenal biasa.
- 1062      Keris panjang mata tirus,  
                Ulu keris nampak bersilang;  
Serta pasang dengan arus,  
                Bergerak surut pasangnya hilang.
- 1063      Keris sempena Ganja Iras,  
                Biasanya hingga empat puluh hari;  
Ke mana panglima mudah berhias,  
                Menegak adil membela diri.
- 1064      Ketot-ketot harimau garang,  
                Keling pandai cakap Jawa;  
Harimau batuk buaya mengerang,  
                Kucing di rumah sakit kepala.

PANTUN JOHOR DAN MELAKA

- 1065 Kinabalu gunung mengawan,  
Makin direnung makin terharu;  
Kalau rindu pandangkan bulan,  
Pesan kirim di angin lalu.
- 1066 Kiri berangan kanan pun berangan,  
Tengah-tengah pohon mengkudu;  
Kirim jangan pesan pun jangan,  
Sama-sama menanggung rindu.
- 1067 Kiri jalan kanan jalan,  
Batang pauh dibuat titi;  
Kirim jangan pesan jangan,  
Biar sama berjauh hati.
- 1068 Kokok ayam sahut-menyahut,  
Kokok mari di malam hari;  
Anak laut pulang ke laut,  
Tempat bermain setiap hari.
- 1069 Kuala Abang pasirnya putih,  
Tempat penyu membuat sarang;  
Apa guna hati merintih,  
Kekasih sudah dipinang orang.
- 1070 Kuala Deli air jernih,  
Tempat mandi dara jelita;  
Pokok mati meninggal benih,  
Manusia mati meninggal nama.
- 1071 Kucing kurus di tepi tebat,  
Duduk merana tinggal tulang;  
Tujuh ratus carikan ubat,  
Jodoh sampai barulah senang.
- 1072 Kucing kurus menghidup api,  
Api tidak pandai menyala;  
Kurus badan menahan hati,  
Tidak tertahan rasanya jiwa.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1073 Kucing putih bernama Dayang,  
Sehari-hari menangkap murai;  
Hati kasih bercampur sayang,  
Air mata jatuh berderai.
- 1074 Kuda hitam sila hitam,  
Pakai anak Inderagiri;  
Tuan umpama intan manikam,  
Cahaya melimpah dalam negeri.
- 1075 Kuda hitam silanya hitam,  
Pacu anak Raja Deli;  
Tuan umpama intan manikam,  
Cahaya naik berseri-seri.
- 1076 Kuda ini kuda buatan,  
Mari tambat Johor Lama;  
Rumah buruk pengikat rotan,  
Kalau baik kutunggu lama.
- 1077 Kuda jahat selalu meragam,  
Makin diajar bertambah pandai;  
Bulan terbit terangkan alam,  
Bintang timur terangkan pantai.
- 1078 Kulit kerang asalnya kapur,  
Anak Batak pandai menari;  
Letak apa belanga ke dapur,  
Kalau masak angkat ke mari.
- 1079 Kupas kelapa isi diparut,  
Kelapa dibeli kedai Cina;  
Kalau tidak emas disalut,  
Intan tak boleh angkat nama.
- 1080 Kupu-kupu di batang kopi,  
Patah dahan kulit terkopak;  
Saya umpama rumput di bumi,  
Rendah dari rumput yang banyak.

- 1081 Kusangka aur di tanah seberang,  
 Rupanya tebu tumbuh di busut;  
 Disangka jujur hati orang,  
 Rupanya muslihat mencapai maksud.
- 1082 Kusangka nanas atas permatang.  
 Rupanya durian tajam duri;  
 Disangka panas hingga ke petang,  
 Rupanya hujan di tengah hari.
- 1083 Labu putik di Tanjung Jati,  
 Pucuk lengkuas dalam dulang;  
 Baru bertemu kehendak hati,  
 Belum puas ditinggal pulang.
- 1084 Lagi berbuah lagi berduri,  
 Itulah nama asam paya;  
 Lagi bertua lagi berbudi,  
 Itulah nama orang kaya.
- 1085 Lagi ditutuh lagi ditebang,  
 Buat pula ampaian kain;  
 Tempat jatuh lagi dikenang,  
 Inikan pula tempat bermain.
- 1086 Lagi jauh dipandang dekat,  
 Itu bernama tunang malaikat;  
 Sudah ditilik dalam makrifat,  
 Tunggul terendam memang tak kuat.
- 1087 Lagi Teluk ke Pantai Lepas,  
 Raja Mersing bertenun kain;  
 Sudah dipeluk jangan dilepas,  
 Jadi sanggang bunga kain.
- 1088 Lain hulu lain parang,  
 Tanam selasih di atas bukit;  
 Lain dulu lain sekarang,  
 Jauh selisih bukan sedikit.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1089 Laju sampai Kuala Daik,  
Hendak dikejar takut dalam;  
Sudah jumpa intan yang baik,  
Mahu diikat batu nilam.
- 1090 Laju-laju perahu laju,  
Laju mari sampai Kelebang;  
Lipat kain lipat baju,  
Saya mahu ikut abang.
- 1091 Laju-laju perahu laju,  
Laju sampai ke Surabaya;  
Lupa kain lupakan baju,  
Tapi jangan lupakan saya.
- 1092 Laju-laju perahu laju,  
Laju sampai Seri Baya;  
Bukalah kain dengan baju,  
Jangan lupa nama saya.
- 1093 Laksamana Bentan datang menyembah,  
Merendah diri walaupun gagah;  
Raja adil raja disembah,  
Raja zalim raja disanggah.
- 1094 Laksamana pergi berperang,  
Pacu kuda dari Patani;  
Saya naga bertapa di padang,  
Sekalian bisa di tangan kami.
- 1095 Laksamana pergi mendekut,  
Dapat seekor punai gading;  
Kalau singa makan rumput,  
Tentu lembu makan daging.
- 1096 Laksamana turun ke Deli,  
Pakai jubah dengan setanjaknya;  
Bukan salah kepada padi,  
Salah benih pada tempatnya.

- 1097 Laksana menyukat beras,  
Sukat mari segantang padi;  
Timbang baik kalau jelas,  
Baru senang berjual beli.
- 1098 Lamalah sudah tidak ke ladang,  
Kutanam padi tumbuhnya lalang;  
Lamalah sudah tidak kupandang,  
Kasih hati bukan kepalang.
- 1099 Lancang kuning lancang pusaka,  
Lancang tidak boleh berganti;  
Biar kering laut Melaka,  
Saya tidak mungkir janji.
- 1100 Landak makan buah salak,  
Kumat-lumat dengan bijinya;  
Api neraka kalau tak galak,  
Umat belum takut dirinya.
- 1101 Lang pungguk terbang berbalik,  
Hinggap seekor pohon keladi;  
Barang buruk jangan dibelek,  
Silap mata kena beli.
- 1102 Langit biru apa tongkatnya,  
Bunga sempaka kembang biru;  
Hidup dunia apa hakikatnya,  
Pintu neraka sedia menunggu.
- 1103 Laut darat dijilat api,  
Ikan mati keramat tak jadi;  
Tergulung langit menimpa bumi,  
Barulah saya mungkirkan janji.
- 1104 Layang-layang bertali benang,  
Putus benang berganti tali,  
Siang malam duduk mengenang,  
Orang dikenang jauh sekali.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1105 Layang-layang bertali benang,  
Putus disambung tali belati;  
Siang malam duduk mengenang,  
Orang dikenang tak ambil peduli.
- 1106 Layang-layang bertali besi,  
Tanam selasih muka pintu;  
Sekali sayang sekali benci,  
Orang kasih memang begitu.
- 1107 Layang-layang hutan berduri,  
Madu kelapa dalam tempayan;  
Lagi tak hilang Bukit Puteri,  
Saya tak lupa kasihkan tuan.
- 1108 Layang-layang mandi buih,  
Yu mati masuk pukat;  
Kasih sayang dicari boleh,  
Setuju di hati jarang dapat.
- 1109 Ladang dari pergi semak,  
Padi muka saya lurutkan;  
Kalau tidak rancang anak,  
Jalan mudah saya turutkan.
- 1110 Lihat berembang di atas gunung,  
Tumbuh di bawah pokoknya jati;  
Lihatlah aku berulam jantung,  
Menunggu abang bersama mati.
- 1111 Lima-lima cincin di jari,  
Saya kira sepuluh lima;  
Lima-lima datang ke mari,  
Yang seorang saya punya.
- 1112 Limau bertumbuh di tepi tebat,  
Tanam halia habis iayu;  
Harimau mengambur serta melompat,  
Habis kera panjat kayu.

- 1113 Limau betik limau rendang,  
Sayang keroncong berisi padi;  
Tinggal adik abang nak pulang,  
Ada umur berjumpa lagi.
- 1114 Limau lelang bergugus-gugus.  
Taruhan mari dalam dulang;  
Harimau mati dipijak tikus,  
Buaya mati disepit udang.
- 1115 Limau lelang tengah sempadan,  
Petik orang bawa ke hulu;  
Rimau menderam tengah hutan,  
Monyet siamang gemangkan bulu.
- 1116 Limau manis batang berduri,  
Batang selasih dalam dulang;  
Mulut manis kerana budi,  
Hati kasih kerana sayang.
- 1117 Limau manis buah papaya,  
Bunga selasih ditiup angin;  
Mulut manis kepada saya,  
Hati kasih kepada yang lain.
- 1118 Limau manis dibawa kekal,  
Jatuh sebiji dalam taman;  
Hitam manis rambutnya ikal,  
Siang malam jadi ingatan.
- 1119 Limau manis limau kasturi,  
Penuh berisi dalam dulang;  
Saya senyum untuk sendiri,  
Bukan tujuan pemikat orang.
- 1120 Limau manis tiga serangkai,  
Taruhan mari di kebun Cina;  
Mulut manis jangan dipakai,  
Banyak orang sudah terkena.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1121 Limau purut lebat ke pangkal,  
Daun selasih condong uratnya;  
Hujan dan ribut dapat di tangkal,  
Hati kasih apa ubatnya.
- 1122 Limau purut lelang,  
Ketiga dengan limau kasturi;  
Gunung diseru menjadi padang,  
Baru senang berjalan kaki.
- 1123 Lipat baju lipatnya kain,  
Bawa belayar tanah seberang;  
Hati tiada pada yang lain,  
Hati ingat tuan seorang.
- 1124 Lipat kain berkemas-kemas,  
Koyak cukin di hujung paku;  
Kalau kaya berlaksa emas,  
Kerana miskin tidak berlaku.
- 1125 Lipat kain lipat baju,  
Cik Esah mengetam padi;  
Hutang malu bayar malu,  
Jangan susah dalam hati.
- 1126 Luka tangan terkena pisau,  
Darahnya banyak tidak terkira;  
Bila terkenang hati risau,  
Tidur malam tak pernah jenera
- 1127 Lumba-lumba bermain gelombang,  
Cuaca redup tengah hari;  
Cuba-cuba menanam mumbang,  
Kalau hidup tuah negeri.
- 1128 Lurut-lurut padi seberang,  
Buah banyak melirit-lirit;  
Bergerak surut pasang hilang,  
Nampak hitam lumpur di parit.

- 1129 Macam mana mengail udang,  
Lepas dienjut diseret pula;  
Macam mana bermain bujang,  
Lepas tersenyum tertawa pula.
- 1130 Macam mana nak kutip siput,  
Siput datang dari seberang;  
Macam mana saya nak ikut,  
Tangan sebelah dipegang orang.
- 1131 Macam mana orang hutan hendak,  
Orang hutan hendak orang berkaki;  
Macam mana orang berkehendak,  
Orang berkehendak berani mati.
- 1132 Macam mana tamban nak loncat,  
Tamban baru dua jari;  
Macam mana demam nak pucat,  
Demam baru dua hari.
- 1133 Mak Merah jangan merajuk.  
Mari dekat saya pujuk;  
Bawa mari penawar mabuk,  
Racunku makan jadi mabuk.
- 1134 Mak Minah duduk di pintu,  
Duduk di pintu merejut renda;  
Merana hamba yatim piatu,  
Tiada ayah tiada berbonda.
- 1135 Mak! mak mintaku lada.  
Hendak menyayur pisang tumbang;  
Mak! mak! mintaku janda,  
Janda muda beranak seorang.
- 1136 Makan buah berdulang-dulang.  
Makanan anak si perantau;  
Jika tuah berbalik pulang,  
Jika tidak hilang di rantau.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1137 Makan cempedak bekal cempedak,  
Pergi ke laut mengail udang;  
Bertokok tidak meluakkan tidak,  
Saya melukut di tepi gantang.
- 1138 Makan cempedak dari seberang,  
Buang kulit di tepi hutan;  
Bukan salah darinya orang,  
Sudah nasib permintaan badan.
- 1139 Makan hati si polan-polan,  
Makan anak bidadari;  
Anak mati di pangku tuan,  
Anak tekukur di hujung jari.
- 1140 Makan nasi berulam bawang,  
Makan halia tiga hiris;  
Besar mana nak meminang orang,  
Air disiram haram tak hiris.
- 1141 Makan sirih berpinang tiada,  
Pinang ada di Bukit Batu;  
Tengok ke kiri ke kanan tiada,  
Inilah saya yatim piatu.
- 1142 Makan sirih berpinang tidak,  
Pinang ada di Tanjung Batu;  
Sudah dipilih dipinang tidak,  
Itulah malang datang dahulu.
- 1143 Makan sirih ujung-ujungan,  
Makan sekapur sambil berludah;  
Saya di sini untung-untungan,  
Hidup bersyukur di tangan Allah.
- 1144 Makan tebu buku ditaruh,  
Buat ubat masuk cendawan;  
Bukit beradu gunung bertaruh,  
Riuhan rendah mambang di awan.

PANTUN JOHOR DAN MELAKA

- 1145 Malam ini merendang jagung,  
Siang besok menumbuk serai;  
Malam ini kita berkampung,  
Siang besok kita bercerai.
- 1146 Malam-malam menyuluhan pelanduk,  
Pelanduk seekor bertenggek di batu;  
Laksana ayam kehilangan induk,  
Beginulah nasib dagang piatu.
- 1147 Mali-mali hujung pangkalnya,  
Asam kandis asam gelugur;  
Kembalilah dagang asalnya,  
Duduk menangis pintu kubur.
- 1148 Mandi kuda di tepi kolam,  
Sudah mandi bawa pulang,  
Sungguh ada senjata tajam,  
Mahu dihiris daging dan tulang.
- 1149 Manis sungguh tebu sebatang,  
Dari akar hingga ke pucuk;  
Manis sungguh mulut orang,  
Terkena tipu dalam pujuk.
- 1150 Mari dibungkus dengan kertas,  
Dibawa orang dari Palembang;  
Dalam telur sudah menetas,  
Tidaklah lagi menjadi bimbang.
- 1151 Mari masak dengan santan,  
Ikan duri panjang setual;  
Belum tahu bencana intan,  
Mahal beli murah dijual.
- 1152 Mari menaman pokok rambutan,  
Pergi ke hutan mencari akar;  
Sungguh banyak burung di hutan,  
Mengapa dipikat burung di sangkar.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1153 Mari panggang ikan setual,  
Orang Melayu makan di rumahnya;  
Sedang kembang tuan tak jual,  
Sudah layu apa gunanya.
- 1154 Marilah kita menanam padi,  
Padi ditanam di dalam bendang;  
Marilah kita menabur budi,  
Supaya kita dikenang orang.
- 1155 Masak nasi bergulai belum,  
Nanti udang dari kuala;  
Sarat muatan belayar belum,  
Nanti turun angin utara.
- 1156 Masak nasi dua kali mentah,  
Dua kali alih tungku;  
Dapat batu intan bertatah,  
Batu delima terbuang lalu.
- 1157 Masak nasi periuk tergantung,  
Hanyut puntung dari paya;  
Niat hati hendak bergantung,  
Orang tak hendak apakan daya.
- 1158 Masak nasi periuk tergantung,  
Pungut putung dari seberang;  
Tarik nafas kenangkan untung,  
Untung tidak seperti orang.
- 1159 Masak taugeh goreng lada,  
Lada ditumbuk lada putih;  
Tuan menagih pada yang ada,  
Saya merajuk pada yang kasih.
- 1160 Masak udang dalam perahu,  
Ubi rebus terletak di padang;  
Zaman sekarang kalau nak tahu,  
Budi hangus menjadi arang.

- 1161 Mastika di Tanjung tuan,  
Pakai anak bidadari;  
Gunung tinggi kuasa Tuhan,  
Duri di hutan tajam sendiri.
- 1162 Masuk ke hutan memotong gelam,  
Hendak membuat panggang para;  
Muatan sarat belayar belum,  
Baru bertiup angin utara.
- 1163 Masuk ke hutan mencari rotan,  
Singgah berhenti keramat datuk;  
Begini garang jalak di medan,  
Dari mana datang berkокok.
- 1164 Masuk menyembah jari bersusun,  
Raja di Baruh baru menyembah;  
Kalau tak manis buah di dusun,  
Tidak kumahu makan buan.
- 1165 Mbek-mbek kambing di hutan,  
Patah tanduk kambing jantan;  
Abang pergi saya berpesan,  
Buah mabuk jangan dimakan.
- 1166 Medang sila buahnya cantik,  
Jatuh menimpa ke pasu bunga;  
Dengan sebab nila setitik,  
Habis tumpah susu sebelanga.
- 1167 Memasang jerat sudah lama,  
Dapat seekor burung nuri;  
Saya pergi tiada lama,  
Pandai-pandai menjaga diri.
- 1168 Membawa pinang dalam raga,  
Berjalan malam membawa udang;  
Gadis seorang bimbang dijaga,  
Tidak sama kerbau sekandang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1169 Membeli sirih dari pekan;  
Mengasah kapak menuju kebun;  
Hati kasih kepada tuan,  
Sehari tak nampak rasa setahun.
- 1170 Membali songket di kampung Cina,  
Kadung berisi buah berangan;  
Tahan racik burung tak kena,  
Burung biasa makan di tangan.
- 1171 Memikat balam di gunung banang,  
Anak kera tidur melata;  
Tidur malam tuan dikenang,  
Tidur berendam airnya mata.
- 1172 Menanam bemban dalam ladang,  
Bunga rampai dalam puan;  
Kukirim pada kumbang terbang,  
Adakah sampai padamu tuan?
- 1173 Mengail bawah keramat,  
Dapat seekor ikan kerapu;  
Abang belayar biar selamat,  
Tinggallah bunga atas kelambu.
- 1174 Mengail ikan di bawah batang,  
Ikan siakap kata senangin;  
Tiga bulan abang tak datang,  
Sirih dihantar dilayang angin.
- 1175 Mengail kuala Tanjung,  
Ketam tidak berjari;  
Kalau kucing pandai berdayung,  
Tikus juga pandai kemudi.
- 1176 Menggulai tauhu dengan jerami,  
Sambal lada di lesung batu;  
Tuan tak tahu hati kami,  
Macam kaca terhempas ke batu.

- 1177 Menjemur kacang di hari panas,  
Isi di nyiru orang sebarang;  
Sebutir pisang sebutir nanas,  
Mana satu rezeki musang.
- 1178 Menjual lidi ke Batu Bara,  
Hari-hari gila sumpitan,  
Tegal dek burung terbang tinggi.
- 1928 Cari rebung tanah seberang,  
Letak mari di atas tikar;  
Kalau menyambung hendaklah panjang,  
Kalau menebar hendaklah lebar.
- 1929 Cedok air dengan baldi,  
Cedok nasi dengan senduk;  
Baik dibawa resmi padi,  
Semakin berisi semakin tunduk.
- 1930 Cendawan busut tumbuh di busut,  
Cendawan batang, tumbuh di batang;  
Patah kaki berjalan lutut,  
Hutanglah kasih saya datang.

- 1931 Cerek dan teko kan den beli,  
           Den jinjing lalu ke tepian;  
           Teluk dan lengkok kan dijalani,  
           Ditampung sehari pencarian.
- 1932 Ceriti pinang ceriti,  
           Cerana di atas papan;  
           Sirih ini sirih pengganti,  
           Kalau sudi silalah makan.
- 1933 Cik Abu memanggang punai,  
           Punai dipanggang dibelah dua;  
           Sayunya hati memandang sungai,  
           Sungai tempat mandi berdua.
- 1934 Cik Amat orang Segamat,  
           Buluh tolam dibuat bangsi;  
           Biar lambat asal selamat,  
           Kalau termalam apa nak dinanti.
- 1935 Cik Amat orang Segamat,  
           Bunga melur dekat peti;  
           Biar lambat asal selamat,  
           Dalam telur lagi dinanti.
- 1936 Cik Bah anak Cik Daud,  
           Cucu pula pada Cik Anjang;  
           Musim bah datang tak hanyut,  
           Inikan pula kemarau panjang.
- 1937 Cik Mahat tukang rumah,  
           Cik Ali tukang tingkap;  
           Minta maaf seisi rumah,  
           Minta izin saya cakap.
- 1938 Cik Yam borek kelabu kentang,  
           Mari ditambat limau manis;  
           Sudah hari waktu petang,  
           Bentang tikar tunduk menangis.

- 1939 Cubadan dua namanya,  
           Kan den pipis belanda dari;  
           Kok teragak sebut namanya,  
           Hilang ke mana kan dicari.
- 1940 Dari Apong ke Periaman,  
           Singgah menggali ubi keladi;  
           Tinggal kampung tinggallah laman,  
           Tinggallah perigi tempat kumandi.
- 1941 Dari Kelang ke Kuala Langat,  
           Singgah bermalam di sawah padi;  
           Hati terkenang mulut teringat,  
           Macam jantung lekat di hati.
- 1942 Dari mana tidak ke mana,  
           Tinggi rumput dari padi;  
           Tahun mana bulan mana,  
           Saya tersangkut dalam hati.
- 1943 Datuk Megat naik perahu,  
           Anak beruang terkena jerat;  
           Kita bercadang dari dahulu,  
           Orang lain pula yang dapat.
- 1944 Datuk Pangeran masuk ke Jambi,  
           Naik ke darat memotong getah;  
           Sangat hairan di hati kami,  
           Hujan lebat tanah tak basah.
- 1945 Daun bayam alaskan senduduk,  
           Nasi terjerang ceduk ke pinggan;  
           Sepantan ayam tidak berinduk,  
           Tampi orang baru makan.
- 1946 Daun jambu warnanya hijau,  
           Tanam mari tepi jalan;  
           Hati rindu bertambah risau,  
           Pada siapa tuan tujukan.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 1947 Daun kerikil daun maman,  
Ketiga dengan daun cempa;;  
Kenapa tuan tegak di laman,  
Naik ke rumah tuan kenapa.
- 1948 Daun si balik-balik angin,  
Kan bagesu jo dulang-dulang;  
Kok diram di bukit anak berangin,  
Tidak terkenang berbalik pulang.
- 1949 Den jajar maka den kisai,  
Esok tidak ke ladang lagi;  
Diajar badan merasai,  
Esok tidak tergamang lagi.
- 1950 Di dalam semak ada kebun,  
Di dalam kebun ada bunga;  
Di dalam gelak ada pantun,  
Dalam pantun ada makna.
- 1951 Di tepi sungai ramai pemuda,  
Menangguk ikan di air keruh;  
Apa salah berbini janda,  
Anak tiri boleh disuruh.
- 1952 - Dia beli sakin tiga suku,  
Kan diambil bak ambar jalan;  
Mande kandung duduk di pintu,  
Melihat anak kan berjalan.
- 1953 Disusun bajak jo tingka,  
Bajak sawah hampir terlupa;  
Kalau dihitung jejak nan tinggal,  
Jatuh berderai si air mata.
- 1954 Dua belas dayung ke Jambi,  
Bukit nanas dalam kebun;  
Tuan tak belas memandang kami,  
Siang berpanas malam berembun.

- 1955 Dua kali kacang melilit,  
       Yang selaki kami jarumi;  
 Dua kali mata mandalit,  
       Yang sekali kami raungi.
- 1956 Dua kali ke Pulau Pinang,  
       Pulas tali sampan mengangguk;  
 Dua kali saya terkenang,  
       Nasi dimakan terasa mabuk.
- 1957 Dua negeri sedang berperang,  
       Belum tentu saya berjaya;  
 Berapalah tajam pisau dan parang,  
       Tajamlah lagi mulut manusia.
- 1958 Emas merah kasuma ningsun,  
       Udak melati campur kasusun;  
 Hari sehari rasa setahun,  
       Nasi dimakan rasa racun.
- 1959 Emas merah kesuma dangding,  
       Perahu sarat seperti lanting;  
 Awaknya putih pinggangnya ramping,  
       Matanya tajam seperti gunting.
- 1960 Encik Mamat memetik lada,  
       Tetak daun di rumah tinggal;  
 Kalau terkena hikmatnya janda,  
       Tujuh tahun sembahyang tinggal.
- 1961 Gali perigi di tengah padang.  
       Boleh saya menumpang mandi;  
 Ingat saya umur panjang,  
       Bulan depan ke mari lagi.
- 1962 Gedanglah gedung di gereja,  
       Tempat Belanda minum makan;  
 Untung nan jangan dikejar,  
       Untunglah tinggi dari awan.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 1963      Gelang kaki kelarai dua,  
              Banyak orang pergi menempah;  
              Hidup tidak kerana doa,  
              Mati tidak kerana sumpah.
- 1964      Gunung Daik bercabang tiga,  
              Nampak dari Kuala Deli;  
              Buat baik berpada-pada,  
              Buat jahat jangan sekali.
- 1965      Guruh dan petir penuba limbat,  
              Pandan terjemur lindung bayang;  
              Dua tiga mencari ubat,  
              Badan bertemu nan kok senang.
- 1966      Guruh petir penuba limbat,  
              Pandan berjemur di seberang;  
              Dua tiga mencari ubat,  
              Ubat dapat badanlah hilang.
- 1967      Hai memukatlah orang tatang gosong,  
              Tanai si Jakek mato Aji;  
              Untunglah omak nan menolong,  
              Maka terjejak tanah sepi.
- 1968      Hari hampir sudah siang,  
              Fajar di hulu sudah benderang;  
              Aku duduk di Muha Lawang,  
              Makin bertambah hatiku pusang.
- 1969      Hari panas membakar lalang,  
              Tedung berketuk di dalam tanah;  
              Cincin emas sudahlah hilang,  
              Tinggal sepasang cincin suasa.
- 1970      Hari hampir dini hari,  
              Kokok ayam ganti berganti;  
              Aku duduk seorang diri,  
              Air mata gugur kanan kiri.

- 1971 Hari-hari tulak bertimba,  
Jaraknya batang jambu;  
Hari-hari tolak bercinta,  
Hajat hati guring sekelambu.
- 1972 Hari-hari mengetah tekukur,  
Tekukur banyak di pinggir desa;  
Kukur apa pada kukur,  
Nyiu jugalah yang akan binasa.
- 1973 Hayun jamban tak pilih,  
Hayun raga dimakan api;  
Putih langsat hitam tak boleh,  
Tulat tangkar berayun kaki.
- 1974 Hendak kuteguk air di ruang,  
Langit mendung hujannya tidak;  
Apa dirajuk kepada orang,  
Entahkan kasih entahkan tidak.
- 1975 Hendak gugur, gugurlah nangka,  
Jangan menimpa si ranting pauh;  
Hendak tidur, tidurlah mata,  
Jangan dikenang orang yang jauh.
- 1976 Hendak hujan, hujanlah hari,  
Biarlah saya berkajang kain;  
Hendak buang buanglah sekali,  
Biar saya mencari lain.
- 1977 Hendak majun diberi majun,  
Majun ada di dalam jeruk;  
Hendak pantun diberi pantun,  
Pantun orang tua tidaklah elok.
- 1978 Hilang kapak di dalam padi,  
Hilang dilamun para-para;  
Hilang bakap boleh diganti,  
Hilang ibu amat bicara.

- 1979 Hitam-hitam si tampuk manggis,  
Sayang kemuning gugur bunganya;  
Sungguh hitam dipandang manis,  
Putih kuning apa gunanya.
- 1980 Hormat dulu diri sendiri,  
Itulah tanda orang yang mulia;  
Jangan dikejar gunung yang berlari,  
Hilang kabus nampaklah dia.
- 1981 Hujan panas berderai-derai,  
Derai mula dari hulu;  
Di sini kita bercerai.  
Di akhirat kita bertemu.
- 1982 Hujan ribut kita ke pulau,  
Anak kekati menebar wang;  
Terlanjur hidup kita bergurau,  
Sudah mati tergolek seorang.
- 1983 Hujan rintik-rintik.  
Mari berteduh di pokok sena;  
Jangan dipandang orang yang cantik,  
Orang yang miskin jangan dihina.
- 1984 Ikan selangat, ikan sembilang.  
Tebuk belakang ambil hatinya;  
Kus semangat tuan seorang,  
Pusing belakang banyak gantinya.
- 1985 Ikan selangat ikan bertulang.  
Belah belakang ambil hatinya;  
Kus semangat tuan seorang,  
Pusing belakang banyak gantinya.
- 1986 Ikan sembilang di dalam raga,  
Ditiup dengan sampah jerami;  
Naik membilang anak tangga,  
Turun selangkah jejak bumi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 1987 Ikan talang ikan terubuk,  
Udang galah udang kepai;  
Malang sungguh nasib Pak Kaduk,  
Ayam menang kampung tergadai.
- 1988 Ikan todak tenggiri batang,  
Suluh menyuluh di dalam perahu;  
Tuan hendak sendiri datang,  
Suruh menyuruh saya tak mahu.
- 1989 Inderagiri pasirnya lumat,  
Kerang bercampur dengan lokan;  
Sebagai nabi kasihkan umat,  
Begitulah hamba kasihkan tuan.
- 1990 Inderapura Pasatapan,  
Kan berkumpul dagang di Kerinci;  
Hati hiba bawa berjalan,  
Dilihat adik ditangisi.
- 1991 Jak jeti murai batu,  
Kereta ekor potong kepala;  
Kalau kudapat kemudi itu,  
Kutabur urai tujuh kuala.
- 1992 Jala rambang berantai timah,  
Hendak menebar laut Melaka;  
Mata rambang hendaklah diubah,  
Jikalau tidak badan binasa.
- 1993 Jangankan si pucuk nanas,  
Si pucuk rotan saya carikan;  
Jangankan kijang bertanduk emas,  
Bertanduk intan saya carikan.
- 1994 Jawi siapa makan padi,  
Jawi orang seberang Akat;  
Siapa kata kita tak akan jadi,  
Batik bertukar dengan pelikat.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 1995 Jebak-jebak tanam selasih,  
Mari ditanam sudut laman;  
Orang muda jangan berkasih,  
Kalau berkasih dibuat teman.
- 1996 Jelatik burung jeladan,  
Tekukur terbang tinggi;  
Sudah cantik sama padan,  
Sudah diukur sama tinggi.
- 1997 Jerang periuk jerang belanga,  
Sama berjerang keduanya;  
Sudah terjenguk jandaku lama,  
Sama tercengang keduanya.
- 1998 Jeruk darat memakan tulang,  
Tulangnya anak merpati,  
Anak merbak terbang rauk merauk;  
Sangat-sangat anak dayang nak pulang.  
Pulang siapa ditempati,  
Jinjang rebah pintu orang sauk.
- 1999 Jika adik masak serunding,  
Bolehlah dijamu kakak Zaharah;  
Jika cerdik teman berunding,  
Jika bodoh disuruh arah.
- 2000 Kacang banyak tanam di Kalumpang,  
Caka sulasih tanam di awan;  
Languk-languk di lulungkang,  
Amun kasih bukai lawang.
- 2001 Kain batik sama sujinya,  
Dalam sumbu tali belati;  
Orang baik budi bahasanya,  
Diingat juga sampai mati.

- 2002      Kain batik merah mirap,  
              Palembang anak Raja Bayang;  
Nampak adik darah tersirap,  
              Badan bak rasa bayang-bayang.
- 2003      Kain batik dari Lansam,  
              Dibeli oleh isteri Cik Kassim;  
Ibarat Negeri berubah resam,  
              Ibarat tahun berubah musim.
- 2004      Kain pelikat raginya dua,  
              Disandang orang pergi mengail;  
Awang bangsat hati penghiba,  
              Di tanah Kelang nan kekal.
- 2005      Kain putih satu hasta,  
              Dikoyak-koyak tinggal sejengkal;  
Pandanglah saya nyata-nyata,  
              Balik ke kampung jangan menyesal.
- 2006      Kajang saya kajang berlipat,  
              Kajang tuan mengkuang layu;  
Dagang saya dagang bertempat,  
              Dagang tuan terbuang lalu.
- 2007      Kalau ada jarum patah,  
              Jangan simpan dalam peti;  
Kalau ada silap sepatah,  
              Jangan simpan dalam hati.
- 2008      Kalau ada gajah berjuang,  
              Jemurlah beras di atas para;  
Kalau ada Allah menolong,  
              Siang malam, barat utara.
- 2009      Kalau begitu rupanya padi,  
              Namun mengindang layu-layu;  
Kalau begitu rusuhnya hati,  
              Mahu menumpang biduk lalu.

- 2010     Kalau begini rupanya padi,  
             Arus juga condong ke Barat;  
Kalau begini rasanya hati,  
             Harus juga akan mlarat.
- 2011     Kalau beli bunga selengkar,  
             Tanya dulu berapa harganya;  
Ibarat telur penuh sesangkar,  
             Pecah sebijik pecah semua.
- 2012     Kalau beli buah berangan,  
             Jangan lupa buah kana;  
Orang kaya jangan diangan,  
             Orang miskin jangan dihina.
- 2013     Kalau berbiduk usah berdayung,  
             Kalau berdayung bilakan tiba;  
Kalau duduk adik jangan bermenung,  
             Kalau bermenung tiba hiba.
- 2014     Kalau bergenta berdering-dering,  
             Naik bendi kuda Paloyang;  
Air mata giring-gemiring,  
             Pabilakan sampai kasih sayang.
- 2015     Kalau berjalan berdua-dua,  
             Hendaklah berjalan dengan cermat;  
Minta pada yang ada,  
             Berkaul kepada yang keramat.
- 2016     Kalau buat atap jerami,  
             Jangan lupa atap ijuk;  
Kalau langit nak timpa bumi,  
             Bolehkah ditahan dengan telunjuk?
- 2017     Kalau dapat kelapa tumbuh,  
             Kan den tanam di bawah jenjang;  
Kalau dapat kata nan sungguh,  
             Kan digonggong dibawa terbang.

- 2018     Kalau datang kapal serati,  
             Naik bendera separuh tiang;  
       Kalau datang si jantung hati,  
             Bulan mengambang kusangka siang.
- 2019     Kalau datang kapal serati,  
             Sungguh Jawa tawar menawar;  
       Kalau datang si jantung hati,  
             Racun diminum jadi penawar.
- 2020     Kalau dedak katakan dedak,  
             Jangan saya tertampi-tampi;  
       Kalau hendak katakan hendak,  
             Jangan saya ternanti-nanti.
- 2021     Kalau duduk di atas kerusi,  
             Sambil duduk berehat-rehat;  
       Jangan dibawa perangai besi,  
             Makin lama makin berkarat.
- 2022     Kalau hendak menangkap labi,  
             Lehernya itu jangan dijerut;  
       Ulat yang menelan babi,  
             Cacing pula bengkak perut.
- 2023     Kalau jeruju bandar Siam,  
             Siang-sianglah kok padi;  
       Kalau beralih tempat diam,  
             Ulang-ulang mandi kini.
- 2024     Kalau kalah main terup,  
             Makan buah mengupas kulit;  
       Berkuah sama menghirup,  
             Bersambal sama mencolek.
- 2025     Kalau ke bukit sama mendaki,  
             Kalau ke laut sama berenang;  
       Kalau kita bersatu hati,  
             Kerja yang berat menjadi senang.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 2026 Kalau kita pasang telinga,  
Mudah sekali kita ketahui;  
Kalau kita mencampak bunga,,  
Takkan pula dibalas tahi.
- 2027 Kalau mandi abang kini,  
Letakkan dastar atas batu;  
Kalau jadi-jadi begini,  
Belikan kita sehelai baju.
- 2028 Kalau melihat air yang tenang,  
Jangan disangka tiada buaya;  
Karam di laut boleh berenang,  
Karam di darat apakan daya.
- 2029 Kalau membela ayam selasih,  
Berilah makan beras melukut;  
Merajuk pada yang kasih,  
Marah pada yang takut.
- 2030 Kalau memikat burung bayan,  
Jangan pula dijual beli;  
Biar jadi telinga tempayan,  
Jangan jadi telinga kuali.
- 2031 Kalau mencari buah asam,  
Biar lebih kurang jangan;  
Alang-alang menjolok pekasam,  
Biar sampai ke pangkal lengan.
- 2032 Kalau naik tangga sendiri,  
Jangan pula takut terjongkit;  
Dipandang orang berlari-lari,  
Dipandang sendiri terjingkit-jingkit.
- 2033 Kalau padi katakan padi,  
Jangan saya tertampi-tampi;  
Kalau jadi katakan jadi,  
Jangan saya ternanti-nanti.

**KURIK KUNDI MERAH SAGA**

- 2034 Kalau pasang air dilaut,  
Mahukah kita kail gelama?  
Sampai hukum ajal dan maut,  
Mahukah kita mati bersama?
- 2035 Kalau roboh Kota Melaka,  
Papan di Jawa saya dirikan;  
Kalau sungguh bagai dikata,  
Nyawa dan badan saya serahkan.
- 2036 Kalau tahu lemaknya lada,  
Ambil minyak linang-linangkan;  
Kalau nak tahu lemaknya janda,  
Ambil anak timang-timangkan.
- 2037 Kalau tak jadi mandi juakan,  
Kalau diundang mandikan jua,  
Serak bersirai pengebat benih,  
Bertuah orang pergi Mekah;  
Kok tak jadi abang jo den,  
Tak orang jadikan jua,  
Kan den kisai sehebat sirih,  
Tandanya kasih belum sudah.
- 2038 Kalau tak tahu jangan digagah,  
Lidah tak nyaman perut pun tak sebu;  
Hilir malam mudik tak singgah,  
Buah nipah disangka labu.
- 2039 Kalau tak dapat mandi pagi,  
Mandi permataang nak mandi jua;  
Kalau tak dapat tahun ini,  
Tahun akan datang nak balik jua.
- 2040 Kalau tuan pergi ke laut,  
Bawakan saya ketam betina;  
Kalau tuan menjadi rambut,  
Saya menjadi sekuntum bunga.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 2041 Kalau tuan pergi ke kancung,  
          Ambilkan saya papan biola;  
Makan minum boleh ditanggung,  
          Sakit pening siapa nak bela?
- 2042 Kalau tuan pergi ke paya,  
          Pucuk ramunia dalam jantung;  
Kalau bertembung kelapa muða,  
          Alamat dunia hendak digulung.
- 2043 Kalau tuan pergi ke Jambi,  
          Lipat kajang kemas-kemas;  
Kalau tuan hendakkan kami,  
          Carikan kijang bertanduk emas.
- 2044 Kalau tuan pergi ke hulu,  
          Petikkan saya bunga sena;  
Kalau tuan pergi dahulu,  
          Jangan saya dipandang hina.
- 2045 Kalau tuan pergi ke hulu,  
          Petikan saya bunga seroja;  
Kalau tuan mati dahulu,  
          Tunggu saya dipintu syurga.
- 2046 Kalau tuan pergi ke hulu,  
          Petikkan saya bunga lembaga;  
Kalau tuan mati dahulu,  
          Tunggu saya di pintu syurga.
- 2047 Kalau tuan pergi ke bukit,  
          Carikan saya buah pulasan;  
Mata memandang apa nak sakit,  
          Bahu yang memikul timpa perasaan.
- 2048 Kalau tuan pandai menyurat,  
          Suratkan saya kertas biru;  
Kalau tuan pandai mengubat,  
          Ubatkan saya penyakit rindu.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2049 Kalau tuan pandai melipat,  
Lipatkan saya sekaki dulang;  
Kalau tuan pandai mengikat,  
Uraikan saya di tangan orang.
- 2050 Kalau tuan membuat sangkar,  
Pasangnya rapat-rapat;  
Lemah liat kayu akar,  
Dilentur boleh dipatah tak dapat.
- 2051 Kalau tuan membeli nangka,  
Getah jangan tuan salaikan;  
Pantun ini pantun seloka,  
Mana salah harap maafkan.
- 2052 Kampung Jambak menyisir rimba,  
Di balik kampung Mandaling;  
Sedang dusanak lagi tak hiba,  
Konon kok orang berkeliling.
- 2053 Kanang-kanang berisi manik,  
Manik bersunting si bunga padi;  
Tuan datang silakan naik,  
Sedia air pembasuh kaki.
- 2054 Karatau madang berbulu,  
Berbuah berbunga belum,  
Berbunga ketika repak,  
Habis repak, bingkuang pula,  
Bingkuang ambil ke Bengkalai,  
Bengkalai anak rang kota lola,  
Kota kecil jalan ke Selida;  
Merantau anak dahulu,  
Di rumah berguna belum,  
Berguna ketika sesak,  
Lepas sesak terbuang pula,  
Terbuang lagi berpakai,  
Berpakai waktu kau menolong,  
Kurang tolong terbuang saja.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 2055     Katang-katang berisi manik,  
              Manik berisi campur padi;  
Saya datang hendaklah naik,  
              Mana tempat membasuh kaki.
- 2056     Katutu padi rancana,  
              Orang menugal di tebing lereng;  
Amun patut bicara kena,  
              Hakun haja membawa guring.
- 2057     Ke bilik ke dapur,  
              Gulai ayam pedas;  
Itik yang bertelur,  
              Ayam yang menetas.
- 2058     Ke darat mengembang payung,  
              Payung dikembang hari pun hujan;  
Kalau tak dapat bunga sekuntum,  
              Biarlah kumbang mati beragan.
- 2059     Ke kanan jalan ke anakan,  
              Ke kidal jalan ke muara;  
Ke kanan jawab emak kehilangan,  
              Ke kidal emak air mata.
- 2060     Ke lautan keagung tijar,  
              Wayang dirungkup kucing;  
Amun jadi awan yang ujar-ujar,  
              Kita mewayang lalu menopeng.
- 2061     Keceti pinang keceti,  
              Cerana di dalam puan;  
Sirih saya sirih merati,  
              Tahu makan tahu simpan.
- 2062     Kedemat burung kedamat,  
              Hendak berkawan burung garuda;  
Kalau badan hendak selamat,  
              Baik berguru ayah dan bonda.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2063 Kejar berkejar bunyinya dulang,  
Orang makan sambal terung;  
Sampailah ajak si rang bujang,  
Berbandung ratap mande kandung.
- 2064 Kejat-kejat dari Patani,  
Kemunting dari Kemaman;  
Besar hati datang ke mari,  
Hendak menyunting bunga di taman.
- 2065 Kelang Kuala Lumpur,  
Setapak si Batu Empat,  
Singgah di rumah Datuk Kayan;  
Pergi ke Kelang duit nan sungkut,  
Nan di rumah habis bergadaian,  
Badan dimabuk perasaan.
- 2066 Kelapa muda rumah Megat,  
Mari makan bulan puasa;  
Badan muda biarlah ingat,  
Sementara belum rosak binasa.
- 2067 Kelapa muda, muda juga,  
Kelapa tua dibuat inti;  
Suka, suka juga.  
Sembahyang kita jangan dihenti.
- 2068 Kelip-kelip kusangka api,  
Kalau api mana asapnya;  
Hilang ghaib kusangka mati,  
Kalau mati mana kuburnya.
- 2069 Kelip-kelip api di dusun,  
Anak keling bergelang kaca;  
Bukan mati kerana racun,  
Saya mati kerana cinta.

- 2070 Kencang-kencang angin ke Timur,  
Hendak belayar ke Benua Jawa;  
Dipanjangkan Allah apa ke umur;  
Hendak membeli gambar bernyawa.
- 2071 Kerbau saya kerbau jantan,  
Jangan tambat di pohon keduduk;  
Kapur saya kapur berjintan,  
Jangan diculik dengan telunjuk.
- 2072 Keris sempena ganja menampang,  
Pakaian anak raja Melayu;  
Banyak-banyak pergi berdagang,  
Bencana banyak mendaun kayu.
- 2073 Keritih tiram tergantung,  
Limau manis banyak bijinya;  
Pilih-pilih muda sekampung,  
Hitam manis baik budinya.
- 2074 Kiri jalan kanan pun jalan,  
Sama tengah pohon méngkudu;  
Kirim jangan pesan pun jangan,  
Sama-sama menanggung rindu.
- 2075 Kok den tapa burung den tapa,  
Terbang anaknya si kenari;  
Kok marah ibunya bapa,  
Kampung kok banyak tempat berlari.
- 2076 Kok jadi anak ke ladang,  
Tentukan jagung ditugalkan,  
Senang tandan melurut;  
Kok jadi anak berdagang,  
Tentu kampung dihuni kan,  
Senang mande menurut.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2077 Kok jadi benar pandan seladang,  
Pandan nan jauh diluruti,  
Biar pandannya langkai udang;  
Kok jadi benar anak berdagang.  
Anak nan jarang emak turuti,  
Biar badan sangsai seorang.
- 2078 Kucing Kurus menggaru papan,  
Papan bernama papan jati;  
Kurus kering bukan tak makan,  
Kurus kering memakan hati.
- 2079 Kuda bergenta tidak,  
Sempuyuh di dalam padi;  
Bersua adik bersapa tidak,  
Hancur luluh di dalam hati.
- 2080 Kulit ular dikata tebal,  
Tebal lagi kulit sawa;  
Kalau pujuk makin menyebal,  
Kalau dimarah baru tertawa.
- 2081 Kupu-kupu terbang ke langit,  
Singgah di langit bersalin kain;  
Tinggallah kuku dengan langit,  
Biar saya mencari lain.
- 2082 Kupu-kupu terbang ke langit,  
Singgah di langit bersalin kain;  
Bertangkup bumi dengan langit,  
Baru saya mencari lain.
- 2083 Kututuh mari sebatang pisang,  
Habis menimba selara padi;  
Kutembak dengan peluru petunang,  
Naga tak kena ular tak mati.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 2084 Lagi ditutuh lagi ditebang,  
Dibuat mari ampaian kain;  
Tempat jatuh lagi terkenang.  
Kononkan pula tempat bermain.
- 2085 Lah begini terangnya hari,  
Seorang kok tidak nak menumbuk.  
Orang berpadi semuanya;  
Begini rusuhnya hati.  
Orang kok tidak nan memujuk.  
Oranglah mati semuanya.
- 2086 Laju-laju perahu laju.  
Singgah semalam laut Cina;  
Tahu tuan saya pun tahu,  
Saya miskin jangan dihina.
- 2087 Lang inang padi Daik.  
Padi sawah mahu guna;  
Kalau mudah-mudahan baik,  
Esok boleh buat berguna.
- 2088 Layang-layang terbang melayang,  
Turun ke laut menyambar buih;  
Sayang-sayang hatiku sayang.  
Hendak ditarik rasa tak boleh.
- 2089 Layang-layang terbang melayang,  
Jatuh ke laut disambar jerung;  
Siapa bilang saya tak sayang.  
Kalau bunga rasa nak kendong.
- 2090 Layang-layang menyembur buih,  
Mari disembur di pohon tamu;  
Kasih sayang dicari boleh,  
Setuju di hati jarang bertemu.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2091 Layang-layang jatuh meriba,  
Jatuh gemerincing di tengah laman;  
Kita sayang orang tak suka,  
Macam bertepuk sebelah tangan.
- 2092 Layarkan biduk laju-laju,  
Berlabuh tentang ulak karang;  
Tinggalkan anak tentu-tentu,  
Jangan pengejut ayam orang.
- 2093 Ledang-ledang buah keledang,  
Jatuh sebiji di rumpun buluh;  
Tuan membarat di pohon rendang,  
Hujan dan panas tumpang berteduh.
- 2094 Limau manis dari seberang,  
Bawa budak dalam perahu;  
Hitam manis hatiku sayang,  
Anak siapa aku tak tahu.
- 2095 Limau manis condong ke Kerling,  
Sudah ke Kerling ke Jawa pula;  
Hitam manis tunduk menjeling,  
Sudah menjeling ketawa pula.
- 2096 Limau purut batang berduri,  
Mari dilurut hujung tambak;  
Kalau tuan menjauh diri,  
Biar saya mati berombak.
- 2097 Lipat kain lipat baju,  
Taruh mari di atas puau;  
Sekira air menjadi batu,  
Baru saya lupakan tuan.
- 2098 Lipat kain lipatlah baju,  
Mari letak atas peti;  
Lupakan kain lupa baju,  
Simpan aku dalam hati.

- 2099 Lubuk Danti tepian Danta,  
           Buaya mudik tenang-tenang;  
           Kunci hati tutuplah mata,  
           Supaya badan naknya senang.
- 2100 Lumba-lumba main gelombang,  
           Riax sampai Kuala Linggi;  
           Cuba-cuba menanam mumbang,  
           Kalau hidup tuah negeri.
- 2101 Lumur minyak di kepala botak,  
           Lagi baik minyak bijan;  
           Manakah gading yang tidak retak,  
           Di manakah bumi tak timpa hujan.
- 2102 Macam mana mata nak tidur,  
           Daun pauh jatuh melayang;  
           Macam mana mata nak tidur,  
           Dari jauh nampak bebayang.
- 2103 Main sengat pantang dipegang,  
           Main senduk bawa berlaga;  
           Main semangat berjuang gelanggang,  
           Main meredah hujan tenaga.
- 2104 Makan sirih berpinang tiada,  
           Pinang ada di Bukit Satu;  
           Pandang ke kiri ke kanan tiada,  
           Barulah tahu dagang piatu.
- 2105 Makan sirih berpinang tidak,  
           Pinang ada di atas batu;  
           Sudah dipilih dipinang tidak,  
           Maklumlah saya dagang piatu.
- 2106 Malam ini malam Jumaat,  
           Pasang dian di pangkal titi;  
           Tepuk bantal panggil semangat,  
           Mahukah kita bersama mati.

- 2107 Malam tadi mimpikan bulan,  
Nyur gugur dengan tandannya;  
Malam tadi mimpikan tuan,  
Rasa tidur pangku kancunya.
- 2108 Mana tiku mana Piaman,  
Batu kecil kiliran padi;  
Tinggal kampung tinggal halaman,  
Tinggal tepian tempat mandi.
- 2109 Masak bubur terlalu cair,  
Makan dicampur dengan nira;  
Tanah lembah kandungan air,  
Kayu bengkok titian kera.
- 2110 Masak nasi periuk tergantung,  
Hanyut sampan dari Langat;  
Apa nasib badan diuntung,  
Petang-petang asyik teringat.
- 2111 Matahari mancar di hulu,  
Mahabagi kambang balunka;  
Amun ading mati tадahulu,  
Hadangi aku di pintu syurga.
- 2112 Melenguh jawi belang untung,  
Tiap ke sawah orang bajakkan;  
Menangis nan buruk untung,  
Tiap menjelang ke mana orang tidakkan.
- 2113 Melenguh ombak Kurut,  
Menghempas riak Ulak Karang;  
Di mana badan tak akan kurus,  
Kita berdua kini tinggal seorang.
- 2114 Membayar nazar di Tanjung Batu,  
Kain putih lima;  
Biar mati seperti kutu,  
Jangan mati seperti tuma.

- 2115 Menangguk sepanjang sungai,  
Baulihi kalatau tukuk;  
Menangis bunyi sarunai,  
Kahilangan puting rokok.
- 2116 Mendengut unta dari Padang,  
Membawa dagang ke Kelinci;  
Kalau tersedik hati nan pemamang,  
Dilihat kampung ditangisi.
- 2117 Mengail Sungai Dua,  
Umpan pucuk keledek;  
Tua samalah tua,  
Sama-sama mencincang gobek.
- 2118 Menumbuk orang di kampung Atar,  
Tembulat mengejut ayam;  
Biar dulu kok terlantar,  
Di mana boleh sama dalam.
- 2119 Menutuk mengambil upah,  
Siapa manampikan ?  
Amun buruk taphih kurupah,  
Siapa mengantikan ?
- 2120 Merokok tembakau Padang,  
Asap menjulang ke udara;  
Tinggal adik tinggallah sayang,  
Abang ditempuh sengsara.
- 2121 Mudik dari kemparnya besar,  
Putik daun rambai-merambai;  
Bunga dililit ular yang besar,  
Apalah daya ambil tak sampai.
- 2122 Musang jebat menyusur akar,  
Kurai berkurai bulu dadanya;  
Hujan ribut padang terbakar,  
Embung setitik padam baranya.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2123 Mustika embun tinggi warga,  
Dikulum anak raja naga;  
Tak termasuk pada sangka,  
Mata tidur bantal berjaga.
- 2124 Naik ke darat memotong getah,  
Ambil sekerat ampaian kain;  
Bagaimana tanah tak basah,  
Hujan menimpa di tempat lain.
- 2125 Nan tak dilantai nan den landai,  
Nan tak dilandung pandan muda;  
Nan tak orang rasai nan den rasai,  
Nan tak rang tanggung den galas pula.
- 2126 Nanas serumpun tidak berduri,  
Rasanya manis seperti gula;  
Panas setahun hujan sehari,  
Telaga yang kering penuh semula.
- 2127 Nasi dingin digonggong semut,  
Dibawa belayar ke Singapura;  
Badan dingin tarik selimut,  
Bantal peluk ganti adinda.
- 2128 Nasi lemak buah bidara,  
Sayang selasih saya lurutkan;  
Buang emak buang saudara,  
Hati kasih saya turutkan.
- 2129 Nona ada papaya tidak,  
Bunga ros duri berkait;  
Benar ada percaya tidak,  
Telunjuk lurus kelingking berkait.
- 2130 Nyiur gading tinggi mahligai,  
Ketupat juu berisi inti;  
Hancur daging tulang berkecaci,  
Belum dapat belum berhenti.

- 2131 Nyiur gading puncak mahligai,  
 Sayang ketupat berisi inti;  
 Haneur daging tulang berkecái.  
 Kasih sayang sampai ke mati.
- 2132 Nyiur kapas di sudut rumah,  
 Bunga ke mana dilonggokkan;  
 Abanglah lepas dari rumah,  
 Adiklah gila dimabukkan.
- 2133 Orang Arab pulang ke Juddah,  
 Sarat bermuat si langit-langit;  
 Harap saya bukannya mudah,  
 Seberat bumi dengan langit.
- 2134 Orang Arab pulang ke Arab,  
 Pakai sepatu berderap-derap;  
 Burung terbang jangan diharap.  
 Kalau tiada si getah terap.
- 2135 Orang bandar bersanggul dua,  
 Orang barat bersanggul lintang;  
 Alangkah baik berbini tua,  
 Perut kenyang pengajaran datang.
- 2136 Orang Batak pulang ke Batak,  
 Sampai ke Batak menggulai babi;  
 Nasi masak gulai pun masak,  
 Imam sampai nikah tak jadi.
- 2137 Orang bebal suka merengus,  
 Dia bercakap tidak berfaedah;  
 Belum pandai membuang hingus,  
 Sudah hendak bertikam lidah.
- 2138 Orang berbendang kita berbendang,  
 Tapi tak boleh bekerja awal;  
 Kerbau sekandang boleh dikandang,  
 Manusia seorang tiada terkawal.

- 2139 Orang ceti menyembah berhala,  
Di dalam kuil tiada yang lain;  
Kutu mati di atas kepala,  
Tuma mati di tepi kain.
- 2140 Orang Daik pulang ke Daik,  
Ambung-ambung bertali benang;  
Kalau ada budi baik,  
Sampai mati boleh dikenang.
- 2141 Orang Daik bertanam bayam,  
Baik lagi bertanam pegaga;  
Carik-carik bulu ayam,  
Lama-lama bercantum juga.
- 2142 Orang Darat suka bertandang,  
Sambil bertandang membawa cangkul;  
Berapa berat mata memandang,  
Berat lagi bahu memikul.
- 2143 Orang Dayang memakai cincin,  
Singgah sebentar di Beras Basah;  
Alang-alang berkahwin biarlah licin,  
Alang-alang mandi biarlah basah.
- 2144 Orang desa mengorek liang,  
Dalamnya itu tiada beranggar;  
Besar pasak dari tiang,  
Besar sendal dari gelegar.
- 2145 Orang gunung bertudung pokok,  
Nampak dari Kampung Pana;  
Duyang bolong sumpit bengkok,  
Di mana pula burung kan kena.
- 2146 Orang Lengging membuat rakit,  
Rakit dibuat kayu nyatuh;  
Biarlah anjing menyalak bukit,  
Bukit tetap tidakkan runtuh.

- 2147 Orang melombong di Gunung Daik,  
Masak mari atas gelegar;  
Kalau ada benih baik,  
Jatuh ke laut menjadi pulau.
- 2148 Orang membeli kain batik,  
Sudah habis tidak bertokok;  
Dari bertunas sudah dipetik,  
Lama-lama tidak bertokok.
- 2149 Orang mengail ikan sepat,  
Dapat seekor ikan cencaru;  
Sudahkah habis tenung makrifat,  
Maka tuan bercakap begitu.
- 2150 Orang mengail ikan gelama.  
Turun ribut datanglah takut;  
Air surut kapal hilir sama,  
Air pasang ia tersangkut.
- 2151 Orang mengail di Teluk Bulang,  
Apalah umpannya si kulit duku;  
Jangan bermain kekasih orang,  
Nyawa tersangkut di hujung kuku.
- 2152 Orang mengail di Kuala Bentan,  
Umpama dilumur dengan lumut;  
Menggunting dalam lipatan,  
Itulah musuh dalam selimut.
- 2153 Orang menjala ikan belanak,  
Dapat seekor puntang-panting;  
Kalau kahwin janda beranak,  
Habis kepala kena kencing.
- 2154 Orang Padang lalu berempat,  
Kok koyak tepi kainnya;  
Nan hilang tidak kan dapat,  
Cari nan lain kan gantinya.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2155 Orang petani membuat dangau,  
Dibiar kosong tidak bekerja;  
Berapa tinggi terbang bangau,  
Akhirnya di belakang kerbau juga.
- 2156 Pagi-pagi rebus ketupat,  
Ambil api sorongan sabut;  
Saya pergi jangan diumpat,  
Siang malam mintalah sebut.
- 2157 Pakai gelang sekerat lengan,  
Tapi semuanya perak suasa;  
Jauh berjalan banyak pandangan,  
Lama hidup banyak dirasa.
- 2158 Pandai tembak si anak Deli,  
Dapat seekor si burung Pega;  
Orang menjual kita membeli,  
Berapa harga jangan dikira.
- 2159 Pandang-pandang kanan dan kiri,  
Melintas jalan berkira-kira;  
Kurang ringgit boleh dicari,  
Kurang akal habis bicara.
- 2160 Pangeran duduk di Jambi,  
Puyuh maharam di atas padi;  
Sangat hairan di hati kami,  
Guruuh menderam hujan tak jadi.
- 2161 Panggang simbubu tak bertulang,  
Entahkan pandan meluruti;  
Emak di kubur tak kan pulang,  
Entahkan badan menuruti.
- 2162 Panjang-panjang ruasnya bangsi,  
Labih panjang ruasnya banta;  
Kenyang-kenyang memakan nasi,  
Labih kenyang bermain mata.

- 2163 Papariala papariaman,  
Papariala di dalam peti;  
Tinggal kampung tinggal halaman,  
Tinggal tuala pembalut hati.
- 2164 Patah atap kerana buluh,  
Atap dijalin dengan tali;  
Patah sayap bertongkat paruh,  
Namun undur pantang sekali.
- 2165 Patah gendong saya gendong,  
Patah gunting saya hempaskan;  
Sudah dapat pagar tergulung,  
Lancang kuning saya lepaskan.
- 2166 Pecah sudu pecah pingganku,  
Main gasing beramah tamah;  
Bukan jodoh bukan lawanku,  
Macam anjing di bawah rumah.
- 2167 Pergi berburu tidak berteman,  
Mungkin dapat bala bencana;  
Bunga kembang di dalam taman,  
Baunya semerbak ke mana-mana.
- 2168 Pergi ke dusun berhari-harian,  
Tanah baru hendak dibuka;  
Macam timun dengan durian,  
Menggelek luka digelek pun luka.
- 2169 Pergi kerja berulang-alik,  
Singgah di masjid lalu sembahyang;  
Yang bulat datang menggolek,  
Yang pipih datang melayang.
- 2170 Pergi sekolah berulang-ulang,  
Budak-budak belajar memanah;  
Lain biduk lain digalang,  
Lain yang bengkak lain yang menanah.

**KURIK KUNDI MERAH SAGA**

- 2171 Petang-petang pergi ke rimba,  
Pergi ke rimba menarah papan;  
Petang-petang hatiku hiba,  
Nasi sesenduk tidak termakan.
- 2172 Petang-petang pergi ke hulu,  
Sampai ke hulu memetik buah;  
Kalau tuan balik dahulu,  
Sudah petang hati tak puas.
- 2173 Petang-petang berisi manik,  
Jambu air letak di tepi;  
Tuan datang marilah naik,  
Itulah air pembasuh kaki.
- 2174 Pilih-pilih tempat nak mandi,  
Pertama teluk kedua pantai;  
Asyik memilih kain sekodi,  
Manakan laku kain sehelai.
- 2175 Pinggan tak retak nasi tak dingin,  
Rama-rama di punca kain;  
Tuan tak hendak saya tak ingin,  
Sama-sama mencari lain.
- 2176 Pintu kota gantunglah jam,  
Kayu bernama si kayu jati;  
Kalau senjata kurang tajam,  
Sekali tikam haram tak mati.
- 2177 Pipit ampat dibilang anam,  
Terbang tinggi meninggalkan sarang;  
Sakit diubat mati ditanam,  
Itulah budi kanangan orang.
- 2178 Pisang emas bawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti;  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.

- 2179 Pisang hijau masaknya hijau,  
Nanti layu tidak layu;  
Tinggi rendah mata meninjau,  
Nanti lalu tidak lalu.
- 2180 Pisang kelat digonggong helang;  
Jatuh sebijji ke Inderagiri;  
Kalau pergi ke rantau orang,  
Baik-baik membawa diri.
- 2181 Pisang kelat dibuat rampai,  
Jatuh ke tanah dimakan semut;  
Malam tadi saya bermimpi,  
Rasa bertukar kain selimut.
- 2182 Pisang kependek digonggong elang,  
Jatuh ke lubuk Inderagiri;  
Saya terselit di kampung orang,  
Biarlah pandai membawa diri.
- 2183 Pisang manis di sudut rumah,  
Buah pabila kan diambil;  
Anak menangis turun di rumah,  
Musim pabilakan berbalik.
- 2184 Pisang raya masak di raya,  
Pisang lilin masak di hujung;  
Orang kaya sama kaya,  
Orang miskin mengadu untung.
- 2185 Pisang rendah masak hijau.  
Nanti layu tidak layu;  
Tinggi rendah mata meninjau,  
Nanti lalu tidak lalu.
- 2186 Pisau raut dalam bumbung,  
Hendak mencincang mentimun batu;  
Tujuh lautan sembilan gunung,  
Dendam rindu sebut namaku.

- 2187 Pisau raut di hujung bendul,  
Hendak meraut si bangkai balam;  
Lautan dalam sebesar jambul,  
Tujuh buah kapal di dalam.
- 2188 Pohon kenanga dililit ubi,  
Daunnya luruh belum berputik;  
Perkara bunga suntingan nabi,  
Bolehlah hamba datang memetik.
- 2189 Pokok melati sedang naik,  
Daunnya hilang subur dan sihat;  
Biar mati nama yang baik,  
Jangan mati nama yang jahat.
- 2190 Pondok menjadi bangsal,  
Bangsal ada di hujung desa;  
Usul menunjukkan asal,  
Bahasa menunjukkan bangsa.
- 2191 Potong arak potong kelapa,  
Potong mari belakang mati;  
Mabuk arak tidak mengapa,  
Mabukkan janda membawa mati.
- 2192 Puas sudah menanam ubi,  
Nanas datang dari seberang;  
Puas sudah menanam budi,  
Emas juga dipandang orang.
- 2193 Pucuk pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan;  
Tuan jauh negeri satu,  
Hilang di mata di hati jangan.
- 2194 Pucuk sardang daun sardang,  
Ambil sehelai mambungkus nasi;  
Duduk sadang berdiri sadang,  
Ambil satu pamutus hati.

- 2195 Pukul gendang meniup serunai,  
Raja berarak dari seberang;  
Putih mata si burung punai,  
Kayu ara dah tunggu helang.
- 2196 Pukul rebana pukul kecapi,  
Raja berarak dari seberang;  
Apakah sebab jadi begini,  
Karam berdua basah seorang.
- 2197 Pulau Pinang Pekan Baru,  
Kapten Light menjadi raja;  
Bila terkenang zaman dahulu,  
Jatuh berlinang air mata.
- 2198 Pulau Pinang laut keliling,  
Nampak dari Pulau Jerjak;  
Siri pinang bolehku kirim,  
Hati rindu siapa nak bawa.
- 2199 Pulau tinggi Terendak Cina,  
Nampak dari Pulau Sialu;  
Abang pergi jangan lama,  
Adik duduk menanggung rindu.
- 2200 Putik nanas dalam kebun,  
Ambil sebiji letak di tepi;  
Siang berpanas malam berembun,  
Tuan tidak ambil peduli.
- 2201 Putik pauh dari Pematang,  
Pijat-pijat dari Patani;  
Dari jauh tuan datang,  
Apa hajat datang ke sini.
- 2202 Putik pauh dari Pematang,  
Bunga kemunting dari Kiaman;  
Dari jauh saya datang,  
Hendak menyunting bunga di taman.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2203 Raja Hindi raja bermisai,  
Nampak seperti tanduk gula;  
Hutang Samsir belum langsai,  
Hutang kajang datang pula.
- 2204 Raja Indo mudik Basadam,  
Basadam keliling bukit;  
Sambut rang gila adik ke ayam,  
Kan menjadi bangkalai sumpit.
- 2205 Raja Seman Raja Sulaman,  
Ketiga dengan Tengku Daud;  
Baik-baik pegang pedoman,  
Taufan bergeser ke Barat laut.
- 2206 Rasa tinggi Gunung Ledang,  
Tinggi lagi asapnya api;  
Berapa tinggi mata memandang,  
Tinggi lagi harapnya hati.
- 2207 Raut-raut bemban kuraut,  
Kurautan dimuntung halu;  
Sahut pantunku sahut,  
Kalau tidak kubagi malu.
- 2208 Ribu-ribu merentang jalan,  
Ular lidi merentang tasik;  
Ribu-ribu orang di jalan,  
Adik seorang terpandang cantik.
- 2209 Ribu-ribu di tepi jalan,  
Den tanam kunyit timbal balik;  
Kalau rindu anak berjalan,  
Usah dikenang dagang tak berbalik.
- 2210 Ribu-ribu biji nangkaku,  
Cincin permata jatuh ke lubang;  
Dendam rindu sebut namaku,  
Air mata jangan dibuang.

- 2211 Rumah baru sudahlah siap,  
Tapi dapurnya amat sempit;  
Kuat burung kerana sayap.  
Kuat ketam kerana sepit.
- 2212 Rumah besar di Sungai Rambai,  
Tiangnya sampai delapan puluh;  
Makanlah dulu sirih cabai,  
Sirih ditanam belum tumbuh.
- 2213 Rumah gedang bersingkap tidak.  
Di mana angin nan lalu,  
Entah di ruang-ruang lantai;  
Hati memang bersikap tidak.  
Di mana orang kok tahu,  
Entahkan di situ nan merasai.
- 2214 Rumah kecil tepi laut,  
Tempat budak main biola;  
Pinggang kecil bagai diraut,  
Itulah tempat saya gila.
- 2215 Rumah patung Kuala Linggi,  
Pohon sena di tepi air;  
Sudah terlangsung saya ke mari,  
Bagai minyak bercampur air.
- 2216 Sakit gigi dimakan ulat,  
Tinggal sebatang dua batang;  
Tuan pergi aku meluat,  
Tuan kasih aku sayang.
- 2217 Salah ikat boleh diungkai,  
Salah letak boleh dicari;  
Salah biat badan merasai,  
Salah cakap memburuk diri.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2218 Sama tengah pohon mengkudu,  
Anak Cina menjual kain;  
Sama-sama menanggung rindu,  
Hati tidak pada yang lain.
- 2219 Sampan kecil jangan dibelok,  
Kalau dibelok patah tiangnya;  
Adik kecil jangan dipeluk,  
Kalau dipeluk patah pinggangnya.
- 2220 Sampan kedekat perahu Cina,  
Sarat bermuat sipauh janggi;  
Emaknya Batak bapanya Cina,  
Tidak boleh lawan berjanji.
- 2221 Sampan kotak perahu Cina,  
Sarat muat dalam peti;  
Kalau tuan ingatkan saya,  
Taruhan-taruhlah dalam hati.
- 2222 Sangat hairan datuk di Jambi,  
Puyuh mengeram di atas getah;  
Sangat hairan di hati kami,  
Hujan menderam tanah tak basah.
- 2223 Sapu tangan penyapu tangan,  
Menyapu tangan anak Raja China;  
Lah malang tangan celaka tangan,  
Di dalam tangan diambil orang pula.
- 2224 Sapu tangan penyapu tangan,  
Dibawa orang ke tepian;  
Malang tangan celaka tangan,  
Dalam tangan untung bahagian.
- 2225 Sarang tempua di Kelumpang,  
Berisi ular tampung hari;  
Kok nak bersua sama seorang  
Datang ke ladang tengah hari.

- 2226 Sari manis tangguli manis,  
Manis bercampur air tebu;  
Hari-hari gila menangis,  
Musim pabilakan bertemu.
- 2227 Satu kawat den kirimkan,  
Kembanglah bunga sali duri;  
Sungguh suratnya dikirimkan,  
Sifatnya nyawa badan diri.
- 2228 Saya tak tahu pukul rebana,  
Telunjuk patah saya tekankan;  
Saya tak tahu sirih makna,  
Sirih diunjuk saya makankan.
- 2229 Sayang Cik Andak menjerat landak.  
Di tepi perigi ikan puyu;  
Orang tergelak saya tergelak,  
Orang benci saya tak tahu.
- 2230 Sayang laksamana berkota papan,  
Papan diturap empat persegi;  
Tuan umpama kain kafan,  
Buruk tidak berganti lagi.
- 2231 Sayang tekukur digulai lemak.  
Sayang selasih saya lurutkan;  
Biar lumpur jalan pun semak.  
Kerana kasih saya turutkan.
- 2232 Sebentuk cincin dari suasa,  
Ikat permata bertambah cantik;  
Sudah tak bersudu oleh angsa,  
Barulah diberi kepada itik.
- 2233 Secarik dua carik,  
Tebu lontong kusangka kayu;  
Kalau dibeli bercarik-carik,  
Manakan dapat sehelai baju.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2234 Secupak dua cupak,  
Empat cupak jadi segantang;  
Kalau tak dengar cakap mak bapak,  
Kaki lima badan seorang.
- 2235 Sedang keranjang lagi tak penuh,  
Kononkan sumpit nak diisi;  
Turun dijenjang lagi mengeluh,  
Kononkan bukit kan didaki.
- 2236 Selagi langit payungi awan,  
Hujan juga merintis embun;  
Selagi sampai segala tujuan,  
Badan binasa musuh berembun.
- 2237 Si Boga jolong bersusuk,  
Banda digali nak rang rantai;  
Atap biamak kasaulah lapuk,  
Topang tenggang daya lantai.
- 2238 Si kain pelikat Raja Pangeran,  
Tuang serbat di dalam takar;  
Sangat ajaib kerja yang hairan,  
Hujan lebat rumah terbakar.
- 2239 Si kuyong burung pipit,  
Terbang anak tiong lampai;  
Mendelah lama menaruh sakit,  
Tegal dek ajal belum sampai.
- 2240 Si pungguk helang karikan,  
Tidur siang berjaga malam;  
Sungguh dia unjuk berikan,  
Pepat di luar rencong di dalam.
- 2241 Si Sanjai nama Rang Kuok,  
Pandai benar lintang;  
Tagajai nasi emak suap,  
Terkenang janji nanti petang.

- 2242 Si Upik Siti Rasani,  
Dua jo Sutan Nasaruddin;  
Usah diumpat dagang kini,  
Orang Tiajaran kan nan lain.
- 2243 Siang malam duduk termenung,  
Kerana hati terlalu duka;  
Niat di hati nak peluk gunung,  
Sedih terpeluk tubuh celaka.
- 2244 Siapa makan cubadak,  
Kulitnya tergantung jua;  
Siapa adik teragak,  
Duduk bermenung jua.
- 2245 Simpan sepatu jangan dibalut,  
Simpan sahaja di dalam peti;  
Bertanam tebu di bibir mulut,  
Bertanam halia di dalam hati.
- 2246 Sinangan balai Batang Kapas,  
Ramai di anak orang Pasar Tua;  
Anak menuang laut lepas,  
Tergadai si emak tua.
- 2247 Singapura dilanggar ribut,  
Ribut datang dari seberang;  
Di mulut naga lagi kurebut,  
Inikan pula di tangan orang.
- 2248 Singapura dipukul ribut,  
Tidak menyama tanah seberang;  
Di mulut naga lagi kurebut,  
Jangan dibilang di tangan orang.
- 2249 Soldadu bercampur dengan lokan,  
Rambutan bercampur dengan pulasan;  
Kera lotong tak lalu makan,  
Tupai membawa diri di dahan.

- 2250     Soldadu mudik enam orang,  
             Tinggi berjamang pula;  
             Lihat dek made awan terbang,  
             Entah ke mana akan sampainya.
- 2251     Sri Baginda raja di Aceh,  
             Mandi bersiram si air mawar;  
             Sudah bertemu dengan kekasih,  
             Racun diminum jadi penawar.
- 2252     Sudah datang kapal seranji,  
             Sampai di kapal tawar-menawar;  
             Sudah sampai si jantung hati,  
             Racun diminum jadi penawar.
- 2253     Sungguh hitam si putik manggis,  
             Sirih kuning dalam tepak;  
             Sungguh hitam dipandang manis,  
             Putih kuning pengubat edah.
- 2254     Tajam senjata musuh pun undur,  
             Mengertak masuk seperti kuda;  
             Pejamkan mata tak mau tidur,  
             Rupanya tuan datang menggoda.
- 2255     Tak usah kaki dulang,  
             Ujung galah saya simpaikan;  
             Tak usah di tangan orang,  
             Tangan Allah saya ungaikan.
- 2256     Tak usah kertas biru,  
             Kertas putih saya suratkhan;  
             Tak usahkan hati yang rindu,  
             Hati yang kasih saya turutkan.
- 2257     Tali kuda tolong tambatkan,  
             Terbang sekawan burung merpati;  
             Bukan tidak kanda katakan,  
             Adik membela si kami mati.

- 2258 Tanam mari tengah hari,  
Mana didapati ada tak kena;  
Saya menyusun sepuluh jari,  
Jangan diumpat mana tak kena.
- 2259 Tanam pinang rapat-rapat,  
Biar senang puyuh berlari;  
Kalau dipinang-pinang tak dapat,  
Pujuk-pujuk kubawa lari.
- 2260 Tanam selasih di hujung laman,  
Boleh memetik buah lada;  
Kasih tuan berzaman-zaman,  
Bila berjumpa suka sahaja.
- 2261 Tanggung rasaikanlah di pandan,  
Berladang mudik limau purut,  
Urat berhampir ke permatang;  
Tanggung rasaikanlah di badan,  
Pengajar ibu tak diturut,  
Badan merasai di tanah Kelang.
- 2262 Tatang Puan tatang cerana,  
Batang berdiri rama-rama;  
Datang tuan datanglah nyawa,  
Mari duduk bersama-sama.
- 2263 Telah masuk rambai nan manis,  
Tidak boleh nan muda lagi;  
Telah bengkak mata den menangis,  
Emak tak dapat bersua lagi.
- 2264 Teluk Korban berliku-liku,  
Jemur kain di atas peti;  
Janji kita tidak begitu,  
Kain buruk sama dipakai.

- 2265 Telur ayam labuhan kapal,  
Berlabuh turun ke sekoci;  
Bunga layu kebunlah tinggal,  
Kumbang mana menghimbau lagi.
- 2266 Tembilang tepi batangi,  
Tembilang elok tampuknya;  
Kok nan hilang boleh diganti,  
Nan hilang elok lagi bangsanya.
- 2267 Terbang burung sikalayangan,  
Dibawanya dandang menari;  
Bahala gunung awan kayangan,  
Amun jodoh datang sendiri.
- 2268 Terkiok ayam dek musang,  
Ambil hatinya sebelanga;  
Janganlah kasih digerusang,  
Biar berungai hendaknya lama.
- 2269 Terlepas talang berduri,  
Batang kandar di balik lombong;  
Hari panas helang berbunyi,  
Badan terkenang mande kandung.
- 2270 Terlitak-litak dari pekan,  
Menjinjing lauk kira-kira;  
Bukannya litak dek tak makan,  
Litak diremuk kira-kira.
- 2271 Tidak salah junjung lembayung,  
Salah pandan menggelita;  
Tidak salah emak mengandung,  
Salah badan buruk pinta.
- 2272 Tiga petak tiga penjuru,  
Tiga ekor kumbang di dalam;  
Letih-letih menanggung rindu,  
Tidur tidak menghabis malam.


- 2273 Tiga ringgit angka lapan,  
Sebulan tiga puluh hari;  
Kok sama kita makan,  
Kok tidak sama kita cari.
- 2274 Timah peteri dengan besi,  
Dicantum dengan paku Belanda;  
Hukum berdiri dengan saksi,  
Adat berdiri dengan tanda.
- 2275 Timun dendang di pintu kandang,  
Batang bayam saya paiskan;  
Rindu siang bawa bertandang,  
Rindu malam saya tangiskan.
- 2276 Tinggi bukit boleh didaki,  
Air dalam berkala-kala;  
Orang molek boleh dinanti,  
Orang tak mahu apakan daya.
- 2277 Tinggi Bukit Langgang Puan,  
Tempat kemuning rampak jua;  
Buat sembilan pulau sembilan,  
Lenggangnya kini nampak jua.
- 2278 Tinggi bukit gunung Mak Buah,  
Anak pelanduk berlari-lari;  
Kalau dah dapat gading bertuah,  
Tanduk tidak berguna lagi.
- 2279 Tinggilah bukit Sungai Papan,  
Nampak nan dari jalan gedang;  
Maka tersebut kan berjalan,  
Malukan sahabat sama gadang.
- 2280 Tiup api di Gunung Ledang,  
Abu-abunya kutampi jua;  
Niat hati dari bujang,  
Balu-balunya kuambil jua.

- 2281 Tuan Haji berbaju jubah,  
Mari salin dalam perahu;  
Hati tuan belum berubah,  
Hati saya manakan tahu.
- 2282 Tuan makan jeruk maman,  
Tiga dengan daun campur;  
Sudah tuan tegak di laman,  
Naik ke rumah kita bercampur.
- 2283 Tukang emas bertukang gelang,  
Maka diukur dirangkainya;  
Sedang erat digenggam orang,  
Adat hayat terungkainya.
- 2284 Turun batang naik batang,  
Dapat seekor landak betina;  
Suruh datang saya datang,  
Sudah datang bema tak bema.
- 2285 Turun hujan rintik-rintik,  
Tumbuh cendawan gelang kaki;  
Kami sepantun telur itik,  
Kasih ayam baharu jadi.
- 2286 Ubi kentang siubi temu,  
Di bawah pokok jambu mawar;  
Orang yang kenyang kalau dijamu,  
Lauk sedap dikatakan tawar.
- 2287 Ujar khabar melambak luas,  
Tapi kadak taliat pati-patinya;  
Ujar khabar bailmu bagus,  
Tapi kadak taliat laki-lakinya.
- 2288 Ujar khabar melambak janar,  
Melambak janar di tempurung bulu;  
Bukan kami hendak benar,  
Kami hendak maulu-ulu.

PANTUN SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

- 2289 Yang berlari sangat pantas,  
Yang menang sangat bertuah;  
Yang memberi tangan di atas,  
Yang menerima tangan di bawah.
- 2290 Zam-zam telaga Mekah,  
Tempat orang mengambil haji;  
Walau beribu orang bergagah,  
Kami tidak mungkir janji.
- 2291 Zaman dahulu kereta lembu,  
Zaman sekarang kereta kuda;  
Harap tuan memberitahu,  
Apa maksudnya kita bercinta.

**PANTUN  
PERAK, KEDAH DAN PERLIS**



KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 2292 Ada yang datang waktu petang,  
Ada yang datang pakai kereta;  
Tuahlah badan mendapat gelang,  
Mendapat cincin berbatu pula.
- 2293 Air dalam bertambah dalam,  
Hujan dahulu belumlah teduh;  
Hati dendam bertambah dendam,  
Luka dahulu belumlah sembuh.
- 2294 Air hangat telaga mendidih,  
- 4552 Burung nuri burung tiung,  
Mari hinggap di muka pintu;  
Putus benang dapat disambung,  
Putus hati siapa tahu.
- 4553 Cara mana memecah gelas,  
Gelas dipecah dalam telaga;  
Tuan laksana bunga nerejas,  
Bunga dicium dalam syurga.
- 4554 Cina Bau memakai kain,  
Kucing lari di Muara Tuang;  
Sudah tahu saya miskin,  
Sudah miskin badan terbuang.
- 4555 Cina melompat lautan api,  
Merebut gemala di mulut naga;  
Asal mendapat kehendak hati,  
Mahal mudah dibayar harga.
- 4556 Cincanglah cincang kerabu batang,  
Cincanglah cincang di jari manis;  
Pagi petang sewaktu datang,  
Belum dikata sudah menangis.
- 4557 Cincin intan permata,  
Pakai anak raja Melayu;  
Ingatkan tuan badan binasa,  
Badanku segar menjadi layu.
- 4558 Cincinlah biru permata nilam,  
Jatuh ke padang nemu sik nemu;  
Tuanlah rindu penganakan bulan,  
Di dalam bulan kita bertemu.
- 4559 Daging ada berbatang tiga,  
Orang berjemur di batang padi;  
Saya hendak kasih bertiga,  
Rasa kiamat di dalam hati.

- 4560 Dapat marikan bawa masuk,  
Mari masuk Kuala Lingga;  
Saya salikan sudahlah mabuk,  
Mabuk terminum si air gula.
- 4561 Dapur kayu dapur belulang,  
Nampak saja berkilat-kilat;  
Cakap tuan tak usah berulang,  
Adik pandai menangkap kilat.
- 4562 Dari Acheh ke Kinabatangan,  
Dari Siam berdandan kuku;  
Kalau kasih berbantal lengan,  
Jikalau sudi ganti namaku.
- 4563 Dari Acheh bersapu tangan,  
Gajuk tiang mana nak cabut;  
Jikalau kasih menghantar teman,  
Jikalau sayang berbilang rambut.
- 4564 Dari Acheh ke Kinabatangan,  
Dari Johor berdagang sabut;  
Jika kasih berbantal lengan,  
Jika rindu bertilamkan rambut.
- 4565 Dari awan bintang berakit,  
Awan juak akan lebatnya;  
Dari tuan datang penyakit,  
Tuanlah juak akan ubatnya.
- 4566 Dari Bau jalan ke Miri,  
Sambil menumpang keretapi;  
Mana saya tahu main tak jadi,  
Sebaik hidup baik mati.
- 4567 Dari Jawa saya layarkan,  
Raja Brunei belayar jauh;  
Rindu di hati tidak tertahan,  
Seperti menadah minyak penuh.

**KURIK KUNDI MERAH SAGA**

- 4568 Dari mana tidaklah ke mana,  
Dari rumput berdaun padi;  
Bulan mana tahun pun mana,  
Dendamlah luput di dalam hati.
- 4569 Dari mana tajam puteri,  
Dari pokok ke tepi;  
Dari mana abangku cium tadi,  
Dari hidung sampai ke pipi.
- 4570 Dari mana punai melayang,  
Dari sawah ke batang padi;  
Dari mana mula sayang,  
Dari mata sampai ke hati.
- 4571 Dari mana kelapa puan,  
Dari puan kelapa Bali;  
Saya harap denganmu tuan,  
Tidaklah tuan siapa lagi.
- 4572 Dari mana hendak ke mana,  
Tinggi rumput darilah padi;  
Bulan mana tahun mana,  
Rindu tak luput dalam hati.
- 4573 Dari mana hendak ke mana,  
Dari rumput mendatang padi;  
Tuanlah mana saya pun mana,  
Dendam tak luput di dalam hati.
- 4574 Dari mana hendak ke mana,  
Dari rumput mendatang padi;  
Dari mana tidaklah ke mana,  
Dendam tak luput di dalam hati.
- 4575 Dari mana hendak ke mana,  
Dari Jepun ke bandar China;  
Wahai tuan tumpang bertanya,  
Bunga di kebun siapa punya.

- 4576 Dari mana hendak ke mana;  
 Dari Jepun ke bandar China;  
 Bulanlah mana tahun pun mana,  
 Dendam tak luput di dalam jiwa.
- 4577 Dari mana datangnya putih,  
 Dari ABC mula belayar;  
 Bagaimana kalaupun berkasih,  
 Cincin di jari sama bertukar.
- 4578 Dari mana datang berakit?  
 Bawa berdua akan belayarnya;  
 Dari tuan datang penyakit,  
 Tuanlah juga akan ubatnya.
- 4579 Dari Melaka pergi ke Pahang,  
 Singgah ke Johor beli berangan;  
 Saya mengucap selamat datang,  
 Jikalau salah dikeji jangan.
- 4580 Dari Nanung ke pasir Deli,  
 Sayang seladang ditikam duri;  
 Bagailah mana hendak dicari,  
 Adinda juak gilaku mati.
- 4581 Dari Pahang ke Kuala Lipis.  
 Angin bertiup sebelah utara;  
 Bila berdepan memanglah manis,  
 Bila belakang lain bicara.
- 4582 Dari Payuh jalan kontang,  
 Tetak dengar bahan kemudi;  
 Darilah jauh abang pun datang,  
 Meraikan tuan yang baik budi.
- 4583 Dari Perlis pergi ke Sabah,  
 Datang ke Sabah berjalah kaki;  
 Biar mati bertumpah darah,  
 Namun kuundur tidak sekali.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4584 Dari Sematan pergi ke Lundu,  
          Datang ke Lundu berjalan kaki;  
Apa kena hatiku pilu,  
          Mengenang tuan jauh pergi.
- 4585 Darilah mana kajangku tiris,  
          Dari pucuk sampailah ke rebung;  
Darilah mana kupandang manis,  
          Darilah rusuk sampailah ke punggung.
- 4586 Darilah Raib berperahu ke hutan,  
          Lumba pertama si nombor satu;  
Apa ditangis apa disukakan,  
          Hilanglah lama berganti baru.
- 4587 Datang cikgu menanam kacang,  
          Ditanam oleh anak sekolah;  
Hendak menembak burung terbang,  
          Burung terbang terlampaui payah.
- 4588 Datang hujan di Gunung Melipu,  
          Dapat sampai tengah halaman;  
Hendak mati di hujung kuku,  
          Minta kubur di tapak tangan.
- 4589 Daun baru layu digenggam,  
          Si baju kuning makan sedikit;  
Ini baru nasi jerang,  
          Makan sedikit terasa pahit.
- 4590 Daun entemu terlampai-lampai,  
          Ditiup angin hala ke darat;  
Malam Sabtu hajat tak sampai,  
          Ikut rasa hati melarat.
- 4591 Daun pandan panjang sedepa,  
          Dibawa orang meredah lumpur;  
Siang dan malam saya tak lupa,  
          Lupalah lupa di dalam tidur.

- 4592 Daun tebu terlampai-lampai,  
Ditiup angin selatan barat;  
Hawa nafsu belum sampai,  
Ada surat lagi melarat.
- 4593 Daunlah tebu terlampai-lampai.  
Ditiup angin berlasan barat;  
Hawa dan nafsu belum sampai,  
Jodoh suratan lagi melarat.
- 4594 Dayak Hulu berjual sirih,  
Sirih dijual sebalung suang;  
Lagi dahulu tuan memilih,  
Sekarang ini duduk seorang.
- 4595 Dayang Esah menghilang pauh,  
Hilang pauh di Batu Rakit;  
Hati susah berjalanlah jauh,  
Dibawa diam jadi penyakit.
- 4596 Dayang Juita menanam padi,  
Rumah buruk tangga sembilan;  
Air mata jatuh ke pipi,  
Macam pungguk rindukan bulan.
- 4597 Dayang Juita berjalan kaki,  
Rumah buruk tangga sembilan;  
Menyuruh gila apakan jadi?  
Seperti pungguk rindukan bulan.
- 4598 Dayang ke kota berulam pauh.  
Sampan Mak Munah saya layarkan;  
Tidak peduli dikata jauh,  
Kalau setanah saya jalankan.
- 4599 Dayang mengurai semalam mandi,  
Tupai terjatuh tengah halaman;  
Perangai iblis jangan hampiri,  
Kerana iblis menggugur iman.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4600 Dayang molek menggoreng telur,  
Sudah digoreng dalam kuali;  
Jika malu jangan undur,  
Saya tidak mungkir janji.
- 4601 Dayang sedang menjemur padi,  
Siang dijemur malam dibuat;  
Bagaimana adik menghibur hati,  
Siang dihibur malam teringat.
- 4602 Dayang-dayang mandi menyimbur,  
Mandi menyimbur di pohon kandis;  
Ayuhan Cik Dayang jangan takbur,  
Sedangkan burung tunduk menangis.
- 4603 Dayang-dayang mandi menyimbur,  
Mandi menyimbur di pohon getah;  
Ayuhan Cik Dayang jangan takbur,  
Sedangkan burung dapatku getah.
- 4604 Dayang-dayang mandi menyimbur,  
Mandi menyimbur cucuran atap;  
Ayuhan Cik Dayang jangan takbur,  
Sedangkan burung dapatku tangkap.
- 4605 Di atas para buah pauh,  
Burung plastik bunga melaka;  
Tuan jauh saya pun jauh,  
Di dalam mimpi kita berjumpa.
- 4606 Di dalam belukar timbul ketam,  
Timbul sang helang di Tanjung Jati;  
Tidak lupa abang siang malam,  
Airlah mata jatuh ke pipi.
- 4607 Dipetik nanas dengan pedang,  
Dimakan orang Kuala Teri;  
Kusangka panas hingga ke petang,  
Rupalah hujan di tengah hari.

- 4608 Di sini gunung di sana gunung,  
Sama dengan Gunung Sebandi;  
Di sini bingung di sana bingung,  
Sama dengan penerang hati.
- 4609 Di atas tebing airnya pasang,  
Sakit terlanggar padang berduri;  
Sudah teringat memandang abang,  
Rasa membunuh badan sendiri.
- 4610 Dua bertanduk bertiang tiga,  
Dari masuk berkunci tiada;  
Bulan masuk matahari gila,  
Abang diharap dipandang tiada.
- 4611 Dua Cina dua Melayu,  
Dua Jepun menjadi enam;  
Apa kena bungaku layu,  
Siang ditunggu malam disiram.
- 4612 Dua tiga kucing berlari,  
Manaknak sama si kucing belang;  
Dualah tiga boleh kucari,  
Manaknak sama tuan seorang.
- 4613 Dua tiga ke ladang mencari,  
Orang berjudi di dalam puan;  
Dua tiga boleh kucari,  
Tiadakan sama denganmu tuan.
- 4614 Dua tiga kelapa bali,  
Papan di Jawa saya tarikkan;  
Dua tiga boleh dicari,  
Tidak sama semacam tuan.
- 4615 Dua tiga pergi bermain,  
Perutlah lapar tunggu di titi;  
Kalaualah abang cari yang lain,  
Mohon adik mengundur diri.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4616 Duduk di batang mandi di pancur,  
Pucuk bayam sayang sesikat;  
Rindu siang boleh dihibur,  
Rindu malam saya teringat.
- 4617 Elang elok kaki pelanduk,  
Hilang lalu dipatah dua;  
Janganlah pandai menganuk,  
Lambat laun terdengar jua.
- 4618 Elang elok kaki pelanduk,  
Nasik ada tersangat kecil;  
Emak-emak mintaku adik,  
Adik ada lagi kecil.
- 4619 Encik Ali pergi ke selat,  
Kain berlipat di atas peti;  
Baru sekali saya melihat,  
Sudah terikat di dalam hati.
- 4620 Encik Ali orang Seniawan,  
Mari berulam pucuk ketapang;  
Sampai hati kakanda tuan,  
Mulut manis lidah bercabang.
- 4621 Encik Daud pulang dari pekan,  
Sampai hilir mudik ada;  
Benar diraut yang mana ikan,  
Di mana pokok di situ diam.
- 4622 Encik Din orang Malaya,  
Mari berhuma tengah jeramik;  
Saya tak izin, saya tak rela.  
Pulang ke rumah mengata kamek.
- 4623 Encik Elok minum di kandi,  
Kandi berisi minyak lenga;  
Apa dipujuk abang berbudi,  
Dalam berbudi banyak terkena.

- 4624 Encik Gamung orang Melaka,  
Lipatlah kajang kemas-kemas;  
Janganlah sombong adik berkata.  
Di mana kijang bertanduk emas.
- 4625 Encik Leman menunggang kuda,  
Bawa kuda di bawah bukit;  
Iman jatuh kerana kakanda.  
Kakanda tak bimbang bukan sedikit.
- 4626 Encik Man tukang kepiah,  
Kepiah beludu jahit sehari;  
Kepada tuan tidak berubah,  
Sudah dituju di jantung hati.
- 4627 Fasal saja sudah ke pancur,  
Sudah ke pancur, ke sungai pula;  
Fasal saja sudah terlanjur,  
Sudah terlanjur dengan dia pula.
- 4628 Gadis Minah mengepal nasi,  
Nasi mentah dikepal jangan;  
Bismillah menguat nyanyi,  
Nyanyiku salah bergusal jangan.
- 4629 Gelang-gelang si paku gelang,  
Gelang dari berseri rama;  
Pulang abang pulang,  
Pulang kita bersama-sama.
- 4630 Gelus semana-mana rak papan,  
Papan ditarah empat persegi;  
Tuan laksana si kain kepan,  
Buruk tiada berganti lagi.
- 4631 Gunting baju Teluk Belanga,  
Ada lebih buat sorja;  
Tak ada malu orang bertanya,  
Di situ tuan melihat rupa.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4632 Gunung Aluk guntur melintang,  
Mari nampak Kuala Sejarai;  
Panjang kecil rona memandang,  
Tempat baju kuning suara tak sampai.
- 4633 Gurok semana-mana papan,  
Papanku tarak empat persegi,  
Tuan laksana si kain kepan,  
Buruk tiada berganti lagi.
- 4634 Habis benang buah belimbing,  
Dari sepungpung masak sebiji;  
Darilah mana baju kuning,  
Di kampung kamek payah cari.
- 4635 Hampir-hampir diserang penyengat,  
Dari jauh ke puncak putih;  
Jikalau kasih katakan niat,  
Sudah berkawan mana kekasih.
- 4636 Hancurlah rakit dari hulu,  
Singgah ke lubuk kailku kena;  
Alang-alang sakit menahan rindu,  
Biar duduk biar mengena.
- 4637 Hanyut rakit dahan rembia,  
Terdampar di pantai dimakan buaya;  
Hitam sedikit tidak mengapa,  
Asallah boleh membawa kerja.
- 4638 Hanyut rakit dadan apia,  
Dampar di pantai dimakan buaya;  
Makan sedikit tidak mengapa,  
Asalkan boleh membawa gaya.
- 4639 Harap kami ke pasar sayur,  
Kelebihan diri apalah dia;  
Abang rindu saya tak tidur,  
Kasih rindu saya tak rela.

- 4640     Harap kami belayar ke Sadong,  
             Kedondong sudah dibawa pulang;  
       Harap kami hendak bergantung,  
             Junjung sudah dilayarkan orang.
- 4641     Hari Ahad pergi ke panggung,  
             Melihat cerita Seri Andalas;  
       Hati rindu tidak tertanggung,  
             Budi tuan tidak terbalas.
- 4642     Hari Ahad malam minggu,  
             Sayang Encik Syawal menganyamlah pagar;  
       Sudah tersurat ke perut ibu,  
             Berjanji awal tidak bertukar.
- 4643     Hari Isnin kucing berlumba,  
             Orang Tambirat berkayuh;  
       Berani jamin berani bawa,  
             Di dalam surat mengata sungguh.
- 4644     Hari minggu pergi ke panggung,  
             Dengar cerita anak dewa;  
       Hati rindu tidak tertanggung,  
             Kalau tidak mati menjadi gila.
- 4645     Hari raya sembahyang raya,  
             Raja berangkat dari istana;  
       Dari daya dan upaya,  
             Tiada rotan, akar berguna.
- 4646     Hari raya berbaju kurung,  
             Mari berkain batik lepas;  
       Kalau kamek dua macam burung,  
             Setiap hari datang mengabas.
- 4647     Hari Rejab bulan Syaaban,  
             Tidak hari bertukar tahun;  
       Jikalah sekejap rasa sebulan,  
             Tidakkah sehari rasa setahun.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4648 Hari Rejab bulan Syaaban,  
Rendam serai rimbun ke daun;  
Tinggal sekejap rasa sebulan,  
Rasa bercerai seribu tahun.
- 4649 Hari ribut pergi ke pulau,  
Sayang hati ditinggal orang;  
Apa diribut kita bergurau,  
Sudah mati tinggal seorang.
- 4650 Helang-helang kaki pelanduk,  
Gulai daun dipatah dua;  
Kamek sehelang dengan juak manuk,  
Lama laun sudinya juga.
- 4651 Hempas-hempas jambatan pulih,  
Ikat gagak dimakan api;  
Hitam lepas putih tak boleh,  
Buang tangga berhayun kaki.
- 4652 Hendak berkain semalam ini,  
Bila masa berkain lagi;  
Hendak bermain semalam ini,  
Bila masa bermain lagi.
- 4653 Hendak berembun pergi ke pulau,  
Datang ke pulau pergi ke tanjung;  
Lagilah hidup kita bergurau,  
Sudahlah mati bergolek seorang.
- 4654 Hendak berjalan jambatan panjang,  
Orang bertukang jambatan roboh;  
Adik berdoa umur panjang,  
Selagi hayat kita berjodoh.
- 4655 Hendak diminum tidak terminum,  
Minum sedikit di dalam gelas;  
Hendak senyum tidak tersenyum,  
Senyum sedikit tidak berbalas.

- 4656 Hendak diminum tidak terminum,  
          Minum sedikit di dalam cangkir;  
      Hendak senyum tidak tersenyum,  
          Senyum sedikit di hujung bibir.
- 4657 Hendak diminum di dalam kendi,  
          Kendi berada di dalam kaca;  
      Jangan dipujuk jangan dipuji,  
          Di dalam puji saya terkena.
- 4658 Hendak dipais ikan todak,  
          Hendak diparut bukannya terung;  
      Hendak ditangis bukannya budak,  
          Hendak terbang bukannya burung.
- 4659 Hendak ke seberang seberang saja,  
          Saya tak mahu berkuda-kuda;  
      Hendak seorang, seorang saja,  
          Saya tidak mahu berdua tiga.
- 4660 Hendak ke pulau, ke pulau saja,  
          Ke pulau jangan berdagang ubi;  
      Hendak bergurau, bergurau saja,  
          Gurau jangan mengambil hati.
- 4661 Hendak ke pulau mencari papan,  
          Papan ada tebing seberang;  
      Hendak bergurau hendak berkawan,  
          Kawan ada kekasih orang.
- 4662 Hendak ke laut tengokkan burung,  
          Buah kelapa di dalam puan;  
      Sudahlah laut sembilan gunung,  
          Saya tak lupa padamu tuan.
- 4663 Hendak makan pinang, sirih tiada,  
          Pinang ada di atas meja;  
      Ke sana tiada di sini tiada,  
          Baru kutahu hatiku hampa.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4664 Hendak mandi takut tak jadi,  
Banyak buaya merintang sungai;  
Hendak berbini kata tak jadi,  
Orang meminta merentas sungai.
- 4665 Hendak mandi paip berkunci,  
Turun ke sungai air pun masin;  
Satu intan satu baiduri,  
Di mana boleh dipakai cincin.
- 4666 Hendak mandi bersama mandi,  
Mandi seceduk sama sekawan;  
Hendak mati bersama mati,  
Hendak selorong sama sekepan.
- 4667 Hendak mandi bersama mandi,  
Mandi segayung dibahagi dua;  
Hendak mati bersamalah mati,  
Mati lanun menikam dua.
- 4668 Hendak menjala, jala tersangkut,  
Jala baru dikibar juga;  
Hendak mencuba hatiku takut,  
Hati takut dicuba juga.
- 4669 Hendak menjala, jalaku tersangkut,  
Jala baru dikibar juga;  
Hendak berjumpa hatiku takut,  
Hati rindu ditahan juga.
- 4670 Hendak mengail di Kampung Tinggi,  
Sebarang ikan kena kailku;  
Saya bermain di kampung ini,  
Selamat tinggal bekas mainanku.
- 4671 Hendak mengajar bahasa tidak,  
Orang bersempang di batang padi;  
Berpandang ada bertegur tidak,  
Hanya mengharap di dalam hati.

PANTUN SARAWAK

- 4672 Hendakkan padi katakan padi,  
          Tidaklah saya tertampi-tampi;  
Hendak sudi katakan sudi.  
          Tidaklah saya ternanti-nanti.
- 4673 Hendaklah minum tidak bergula.  
          Pahitlah pahit diminum juga;  
Sudahlah hati bersama suka,  
          Baiklah baik diikut juga.
- 4674 Hijau kuning bunga kenanga.  
          Dipatah dahan bagi nak runtuh;  
Putih kuning bijak laksana,  
          Itu memberi imanku jatuh.
- 4675 Hilang baju kerana tapak.  
          Hilang berjalan di pohon pauh;  
Hilang malu kerana takut,  
          Melangsung adat hajat saudara jauh.
- 4676 Hilang peti di laut ombak.  
          Peti baru diguna Pak Jalis;  
Sampai hati adik dan kakak,  
          Memberi malu dalam majlis.
- 4677 Hilanglah nila pembantu puan,  
          Sayang berempat buah pedada;  
Adakah hilang kasihmu tuan,  
          Burung terbang dipipis lada.
- 4678 Hilar Dayak mudik pun Dayak,  
          Sarat berbuat pekasam ubi;  
Jikalau tuan kurang percaya,  
          Belahlah dada tengok di hati.
- 4679 Hinggaplah hinggap ke kayu tinggi.  
          Tumpah darah ke daun pisang;  
Kamek datang tumpang di sini,  
          Kain basah kering di pinggang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4680 Hisap rokok tembakau Jawa,  
Asap keluar berbunga-bunga;  
Tumpang bertanya si baju kasa,  
Tumpang bertanya siapa nama?
- 4681 Hitam rambut berkilat-kilat,  
Baring ke bantal baju berlipat;  
Tuan umpama air semabat,  
Minum sedikit menjadi ubat.
- 4682 Hitamlah hitam bergigi emas,  
Duduklah dia pandai berlawa;  
Sajalah hitam dipeluk kemas,  
Seperti memeluk intan gemala.
- 4683 Ikan lumba timbul tenggelam,  
Timbul tenggelam di Tanjung Jati;  
Tidak kutahan siang dan malam,  
Dalam tidur menjadi mimpi.
- 4684 Ikan terubuk dipanggang liat,  
Hendak dimakan takut kempunan;  
Kepala tunduk mata melihat,  
Di dalam hati rasa berkenan.
- 4685 Inginkan hidup permata nilam,  
Jatuh tersorok batang entimu;  
Tuan rindu pandang ke bulan,  
Di dalam bulan kita bertemu.
- 4686 Intan terpilih tercabut sarung,  
Disambarlah oleh dewa alperi;  
Puasku pilih di dalam kampung,  
Baru mendapat si jantung hati.
- 4687 Jadikan dengan air manggis,  
Buah delima di dalam puan;  
Mintalah nisan di jari manis,  
Mintalah mati bersama tuan.

- 4688 Jaik hati mengail keli,  
Keli dikail di bawah batang;  
Jaik hati mengenang diri,  
Diri dikenang si anak dagang.
- 4689 Jaiklah kamek jangan dibunuh,  
Kain bersidai di luar pagar;  
Jaiklah kamek jangan dianuk.  
Lebih malu baharu belajar.
- 4690 Janganlah kesal berhari-hari,  
Bertimbal turun ke mata;  
Barang salah menyusun jari,  
Junjung dengan tutur kata.
- 4691 Jangan berdua berjalan malam,  
Menyidai kain di bawah rumah;  
Mabuk arak dari semalam,  
Mabuk bermain bila nak sudah.
- 4692 Jangan dibuka ikat ikan,  
Dayang Intan hendak ke perigi;  
Hilang ikut permata intan,  
Intan belum terbit lagi.
- 4693 Jangan diharap pauh di sini,  
Pauh tumbuh jauh ke darat;  
Jangan diharap kepada janji,  
Kalau silap adik melarat.
- 4694 Jangan diharap mengukus pulut,  
Pulut dikukus bergantang-gantang;  
Jangan diharap kasih di mulut,  
Kasih pandai hilang datang.
- 4695 Jangan diharap buat puan,  
Sudah dibuat tidak pandai;  
Harap saya pandaikan tuan;  
Jikalau tidak tuan siapa lagi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4696 Jangan dijeruk asam belimbing,  
Kalau tak masin ditambah garam;  
Jangan ditengok di luar dinding,  
Kalau sudi masuk ke dalam.
- 4697 Jangan dipakai baju berlubang.  
Pakai bersulam kain pelikat;  
Jangan dipakai sesudah orang,  
Sesudah orang merosak kulit.
- 4698 Jangan ditunuklah lebah,  
Tunanglah kamek sik pandai;  
Jangan dianuk dan diborah,  
Kerana kamek sama tak pandai.
- 4699 Jangan dolok bertanam pisang,  
Tanamlah pisang tepi perigi;  
Jangan dolok kakanda pulang,  
Biarlah kita sampai ke pagi.
- 4700 Jangan dulu memecah dulang,  
Saya menjual hidang kain;  
Jangan dulu berempat pulang,  
Belum puas kita bermain.
- 4701 Jangan mudah bunga sudah,  
Bunga serupa dengan daun;  
Jangan mati kehendak mudah,  
Hilang bulan berganti tahun.
- 4702 Jaranglah jarang makan tebu,  
Anak sembilang menggit jari;  
Jaranglah jarang kita bertemu,  
Dalam sebulan dua kali.
- 4703 Jika begini mengalahnya,  
Kayu hidup dimakan api;  
Jika begini rasanya,  
Badan kuhidup terasa mati.

- 4704     Jika bergendang kulit kerbau,  
              Dalam majlis tari menari;  
       Adik ini dagang merantau,  
              Mengharap belas abang di sini.
- 4705     Jika betul tuan meneka,  
              Tereka saya kain stokin;  
       Sekira benar sukakan saya,  
              Jemput saya orang miskin.
- 4706     Jika betul tuan mengikat,  
              Ikat saya tali belati;  
       Jika betul eik abang nak ikat,  
              Ikat saya sampai ke hati.
- 4707     Jika dilurut padi yang ini,  
              Ke barat juga condong buahnya;  
       Jika diturut hatiku ini,  
              Melarat juga akan sudahnya.
- 4708     Jika dilurut padi manila,  
              Buah rontok menjadi sumbang;  
       Kalau kuturut hati nan suka,  
              Hujunglah hujung mengikut pulang.
- 4709     Jika dipecut kuda berlari,  
              Manalah kumbang beranak tiga;  
       Jika diturut hatiku ini,  
              Akhirlah padang menjadi gua.
- 4710     Jika dituju selepas berlari,  
              Akhir kumbang beranak telur;  
       Jikalau diturut hatiku ini,  
              Akhirnya padang menjadi kubur.
- 4711     Jika kulurut padiku ini,  
              Kubuang hampas kuambil isi;  
       Jikalau kuturut hatiku ini,  
              Kubuang akar kuambil hati.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4712 Jika Leman kekasih orang,  
Dipalit dengan tenun aksinya;  
Ingat-ingat abang seorang,  
Balik belakang ada gantinya.
- 4713 Jika negeri api di pinggir,  
Api Cina berdayung tongkang;  
Datang ke sini mencari fikir,  
Dayunglah sudah dilayar orang.
- 4714 Jika puau pergi ke paya,  
Jangan ke paya dengan Cik Siti;  
Jika tuan kurang percaya,  
Saya rasa berkecil hati.
- 4715 Jika puau betul nareka,  
Tareka saya kain kasa;  
Jika tuan benar suka,  
Pulang berunding dengan ibu bapa.
- 4716 Jika tapah jangan mengikat,  
Kalau mengikat labuhkan dia;  
Jikalaulah kasih melayang surat,  
Kita melihat bersama-sama.
- 4717 Jika tuan pergi ke laut,  
Saya berkirim api-api;  
Tuan bercakap manis di mulut,  
Saya mendengar pedih di hati.
- 4718 Jika tuan pergi ke laut,  
Ambilkan saya penyu bertelur;  
Jika tuan menjadi rambut,  
Saya menjadi si kembang melur.
- 4719 Jika tuan pergi ke hulu,  
Singgah sebentar ke Batu Kitang;  
Fasal saja mengenang malu,  
Kalau tidak kulangkah tebing.

- 4720     Jika tuan pergi ke huma,  
              Ambilkan saya buah timun;  
       Kalau tuan menjadi bunga,  
              Saya menjadi air embun.
- 4721     Jika tuan merendam jagung,  
              Saya merendam si buah padi;  
       Jika tuan pulang ke kampung,  
              Saya tinggal susah hati.
- 4722     Jika tumbuh batang ke pintu,  
              Papan di Jawa saya dirikan;  
       Jika sungguh cakap begitu,  
              Nyawa dan badan saya serahkan.
- 4723     Jikalau abang pergi ke seberang,  
              Pergi seberang membeli jambu;  
       Jikalau abang selamat pulang,  
              Jangan adinda ditinggal lalu.
- 4724     Jikalau ada sumur di ladang,  
              Pelangah baru saya jerangkan;  
       Jikalau ada umur panjang,  
              Belakang baru saya datangkan.
- 4725     Jikalau mandi bersama mandi,  
              Sama seceduk sama sepapan;  
       Jikalau mati bersama mati,  
              Sama setiang sama sekepan.
- 4726     Jikalau tuan pergi ke Jenuh.  
              Belikan saya ikan putih;  
       Jika tuan beriman sungguh,  
              Anak orang jangan dipilih.
- 4727     Kain batik kain pelikat,  
              Batu di sawah bunga mencena;  
       Tuan cantik saya tak mendapat,  
              Khabarnya tuan sudah bertanda.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4728 Kain batik bunga bercantum,  
Akar berakar raja Semarang;  
Orangnya cantik pandai berpantun,  
Datang ke mari tidak terbuang.
- 4729 Kain ini kain basah,  
Bila masa berkain lagi;  
Main ini main penyudah,  
Bila masa bermain lagi.
- 4730 Kain lama ditukar baru,  
Menanti kain dari kedai;  
Permainan kamek diulang baru,  
Sementara menanti orang yang pandai.
- 4731 Kain pelikat corak belakang,  
Seorang memakai untuk memikat;  
Jikalau ada kawan berpesan,  
Di situ kawan terikat.
- 4732 Kain pelikat belum berjahit,  
Menanti jarum dari Melaka;  
Kami berduka belum bait,  
Menanti ubat dari kakanda.
- 4733 Kain putih hendak dijahit,  
Dijahit orang di waktu malam;  
Kasih abang di luar kulit,  
Kasih kehendak sampai ke dalam.
- 4734 Kain putih jahit ke Bali,  
Kain tuan pulanglah ke dulang;  
Kasih tuan di luar diri,  
Kasih saya sampai ke tulang.
- 4735 Kain putih dicuci putih,  
Tengah mencuci sabun hilang;  
Tuan kasih saya pun kasih,  
Setengah kasih bencana datang.

- 4736 Kain putih disesah putih,  
 Tengah bersesah sabun hilang;  
 Tuan kasih saya pun kasih,  
 Tengah kasih bencana datang.
- 4737 Kak Esah berumah ke hulu,  
 Bawa menjahit rumai Brunei;  
 Hendak terkenang permainan dahulu,  
 Air mata berlinang ke sungai.
- 4738 Kalau ada padi di ladang,  
 Boleh abang menumpang mandi;  
 Kalau ada umur panjang,  
 Tahun hadapan berjumpa lagi.
- 4739 Kalau benar usahlah ditudung,  
 Kalau jatuh melimpah bumi;  
 Kalau benar usahlah berselindung,  
 Orang ditanya tidak berbunyi.
- 4740 Kalau benar janganlah tidak,  
 Hendak mengail jauh ke darat;  
 Kalau tidak kerana kehendak,  
 Janganlah saya jadi melarat.
- 4741 Kalau bergelang jangan patah,  
 Kalau patah dalam perahu;  
 Hati adik tidak berbelah,  
 Orang tidak mahu manalah tahu.
- 4742 Kalau dapat diikat-ikat,  
 Ikat dengan tali benang;  
 Tidaklah dapat kulihat-lihat,  
 Mata melihat hati mengenang.
- 4743 Kalau kutahu masam mengkuang,  
 Ambillah garam dan cabi;  
 Kalau kutahu kekasih orang,  
 Kuambil pedang membunuh diri.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4744 Kalau kulturut padi manila,  
Burung merenung menjadi kumbang;  
Kalau kuturut hati suka,  
Kupujuk-pujuk bawa pulang.
- 4745 Kalau roboh Kota Melaka,  
Ambillah pedang menyabit rumput;  
Kalaulah sungguh menahan cinta,  
Laksana kapal dipukul ribut.
- 4746 Kalau sungguh bagai ciku,  
Papan di Jawa saya serahkan;  
Kalau sungguh cakap begitu,  
Badan dan nyawa saya serahkan.
- 4747 Kalau tidak Sarawak sempit,  
Di situ juga jalan kuda;  
Maaf saya suaraku sakit,  
Ke situ juga melihat harta.
- 4748 Kalau tidak menanam selasih,  
Ambil pedada letak titi;  
Kamek di sini bertanya kekasih,  
Ambil kami sebagai ganti.
- 4749 Kalau tidak ke ladang tuan,  
Habislah padi dililit kangkung;  
Jikalau tidak memandang tuan,  
Hati beramuk dengan jantung.
- 4750 Kalau tidak batang diminta,  
Tanam selasih di bawah paya;  
Beremak ada berbapa tiada,  
Esok sampai di tangan buaya.
- 4751 Kalau tuan pergi Serian,  
Saya berkirim duit seringgit;  
Kalau tuan menjadi bulan,  
Kami menjadi bintang di langit.

- 4752 Kalau tuan pergi ke laut,  
           Ambillah saya penyu bertelur;  
           Kalaulah tuan menjadi rambut,  
           Saya menjadi si kembang melur.
- 4753 Kalau tuan pandai menyurat,  
           Suratkan saya di angin lalu;  
           Kalau tuan pandai mengubat,  
           Ubatkan saya hati yang rindu.
- 4754 Kalau tuan pandai menyurat,  
           Cuba surat kertas biru;  
           Kalau tuan pandai mengubat,  
           Cuba ubat hati yang rindu.
- 4755 Kalau tuan pandai nareka,  
           Tareka saya kain hitam;  
           Jika tuan benar suka,  
           Ikut saya pulang Sematan.
- 4756 Kalau tuan pandai nareka,  
           Tareka saya kain baju;  
           Kalau tuan benar suka,  
           Ikut saya pulang dahulu.
- 4757 Kamek mencuba sirih,  
           Sirih dijual Jambatan Panjang;  
           Cantik, molek kamek terpilih,  
           Kasarlah jangan resmi orang.
- 4758 Kami tak takut kerbau datang,  
           Suka melurut padi manila;  
           Kami tak takut kekasih orang,  
           Jika diturut hati nan suka.
- 4759 Kampung Seniawan bermuka batu,  
           Tempat Kak Bedah mandi di perigi;  
           Hati kami berdua terlalu rindu,  
           Rasa nak ikut awak pergi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4760 Kampung Sinjan khabarnya senget,  
Khabarnya sangat sangat jeraya;  
Biar hujan balik ke langit,  
Saya tidak berubah harga.
- 4761 Kapal Aceh terlenang-lenang,  
Sarat bermuat barang dagang;  
Masih berdendam kasih sayang,  
Jangan dicampur dengan kenangan.
- 4762 Kapal Aceh Salleh tolak,  
Mari terlena di Pulau Minyak;  
Setengah kasih setengah tidak,  
Antara jangan dicampur hendak.
- 4763 Kapal beruas ke Singapura,  
Singgah berlabuh di Kuala Rejang;  
Tidaklah puas kita berdua,  
Janganlah abang kembali pulang.
- 4764 Kayu api dibelah-belah,  
Dibelah orang dengan parang;  
Hidup di dunia serba salah,  
Datang ke sini dikata orang.
- 4765 Ke bendanglah kami,  
Tidak berhuma lagi;  
Apa dipandang kepada kami,  
Kami tidak berguna lagi.
- 4766 Ke darat menukarkan lantin,  
Patahlah disulat lagi;  
Tulah keparat orang semadin,  
Sudah diludah dijilat lagi.
- 4767 Ke darat menebang juak tukas,  
Tukasku tebang tepi jeraya;  
Laksana dakwat dengan kertas,  
Samalah hancur sama binasa.

PANTUN SARAWAK

- 4768 Ke sana gunung di sini gunung,  
          Tengah-tengah pohon melati;  
Ke sana bingung di sini bingung,  
          Siapa dikenang di dalam hati.
- 4769 Ke sini gunung ke sanalah gunung,  
          Di tengah gunung berisi batu;  
Ke sini bingung di sanalah bingung,  
          Di dalam bingung hati tak tentu.
- 4770 Ke teluk orang menjala,  
          Dalam telaga jauhlah rasa;  
Orang lain ada berpunya,  
          Saya berkawan kerana biasa.
- 4771 Kebun satu di muara lintang,  
          Tanam ciku bersama kacang;  
Ambil peluru dengan senapang,  
          Pakai menembak burung terbang.
- 4772 Kekasih kami matilah berbunuh,  
          Mati berbunuh anak beranak;  
Ke pipi mukalah penuh,  
          Sebagai bululah landak.
- 4773 Kelat mata malam berjaga,  
          Barahu nak tidur kelambu baru;  
Berbau harum bunga cempaka,  
          Belum kusolek sudah berbau.
- 4774 Kembang melur, kembang melati,  
          Lalu dibungkus dalam kertas;  
Di dalam terang lagi menanti,  
          Inikan pula barang yang lepas.
- 4775 Kenak apa giginya ngilu,  
          Bawa memakan bawa marudik;  
Kenak nan apa hati nan pilu,  
          Bawa memandang si emak sumbik.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4776 Keretapi, kereta sorong,  
          Kereta biasa berjalan malam;  
Tuan besi saya piabung,  
          Sama timbul sama tenggelam.
- 4777 Kita berdua berjalan malam,  
          Menyidai kain di rumah Encik Dollah;  
Mabuk arak sehari semalam,  
          Mabuk main apakah sudah.
- 4778 Kucing kurus mandi di papan,  
          Papan bernama si kayu jati;  
Bukanlah kurus sebab tak makan,  
          Kurus menahan dendam di hati.
- 4779 Kuda ini kuda biasa,  
          Kuda biasa makan di tangan;  
Budak ini budak biasa,  
          Biasa merebut kekasih orang.
- 4780 Kuda ini kuda biasa,  
          Kuda biasa berjalan malam;  
Budak ini budak biasa,  
          Buah mabuk hendak dimakan.
- 4781 Kulitlah ketam dipanggang lotong,  
          Panggang di dapur tinggal tulang;  
Nasibku badan tidak beruntung,  
          Ayam ditambat disambar helang.
- 4782 Lain hulu lain parang,  
          Bawa berjalan di kaki bukit;  
Lain dahulu lain sekarang,  
          Kasih abang bukan sedikit.
- 4783 Laju laju perahu laju,  
          Tujuan arak ke bangsal hulu;  
Ayuhan adinda jangan begitu,  
          Hatiku sangat bercampur rindu.

- 4784 Laju rakit dandan setia,  
           Tanam pisang disambar buaya;  
       Jika sedikit tidak mengapa,  
           Macam Pandir membawa gaya.
- 4785 Lajulah laju perahu laju,  
           Lajulah sampai Surabaya;  
       Lupa kain lupa baju,  
           Janganlah lupa kepada saya.
- 4786 Lalu gejis laku berjulang,  
           Dimakan orang di rumah darat;  
       Cakap baik tak usah juak dibilang,  
           Kakandamu boleh menangkap kilat.
- 4687 Lama tidak pergi ke ladang,  
           Burung turun ke batang padi;  
       Kuharap umur panjang,  
           Bila kita dapat berjumpa lagi.
- 4788 Lantak dua berlantak tiga,  
           Masih juga gelang di kaki;  
       Beranak dua beranak tiga,  
           Masih juga dendam di hati.
- 4789 Layang-layang terbang melayang,  
           Marilah hinggap di hujung ranting;  
       Siapa bilang kamek tak sembahyang,  
           Di dalam tidur membawa sembahyang.
- 4790 Layang-layang terbang melayang,  
           Hinggaplah hinggap di tikar sembahyang;  
       Siapa bilang kami tak sayang,  
           Di dalam tidur nampak terbayang.
- 4791 Layang-layang terbang melayang,  
           Marilah hinggap di hujung cabang;  
       Siapa bilang abang tak sayang,  
           Di dalam hati terbayang-bayang.

**KURIK KUNDI MERAH SAGA**

- 4792 Lemah lembut pandan berduri,  
Putus tali, di tepi pagar;  
Lemah lembut membawa diri,  
Putus hati siapa menanggar.
- 4793 Lemah lembut pandan berduri,  
Putus tali kain cadar;  
Lemah lembut membawa diri,  
Pandai hati siapa menanggar (melihat).
- 4794 Lemah lembut pandan berduri,  
Putuslah tali, tali tiada;  
Lemah lembut membawa diri,  
Putuslah hati adik penanda.
- 4795 Lembut ikan jemaralidin,  
Jikalau mandi disesah jangan;  
Adiklah kaya abang miskin,  
Jikalau jadi menyesal jangan.
- 4796 Lenggang-lenggang si kuih lenggang,  
Lenggang sedikit dalam kuali;  
Emak melarang bapa melarang,  
Larang sedikit tidak peduli.
- 4797 Lima belas dayung petani,  
Pisang emas masak di kebun;  
Tuanlah belas memandang kami,  
Siang nan panas malam berembun.
- 4798 Lima belas dayung petani,  
Pisang dan nanas masak di kebun;  
Tuan tak belas memandang kami,  
Siang berpanas malam berembun.
- 4799 Lima belas dayung petani,  
Pisanglah emas masak sekebun;  
Lewat sebelah memandang kami,  
Siang berpanas malam berembun.

PANTUN SARAWAK

- 4800 Limau manis condong ke Keling,  
Tali sabut anyam berdiri;  
Tuanlah manis duduk menjeling,  
Saya menyebut setiap hari.
- 4801 Limau manis condong ke Keling,  
Sudah ke Keling ke Jawa pula;  
Hitam manis duduk menjeling,  
Sudah menjeling ketawa pula.
- 4802 Limau purut tanam di lembah,  
Gugur buahnya dimakan ular;  
Belum pernah saya beroleh,  
Baru ini iman tergugur.
- 4803 Limau purut dipancung putus,  
Diputus dengan hujung pedang;  
Harimau mati dilanggar tikus.  
Buaya mati di tepi gudang.
- 4804 Lipatlah kain lipat baju,  
Lipatlah surat di dalam puan;  
Sedia air menjadi batu,  
Baru kulupa kepadamu tuan.
- 4805 Maaf saja kena ke baju,  
Rasa dapat mencuci kain;  
Maaf saja kerana malu,  
Rasa tak dapat duduk bermain.
- 4806 Main ke darat di tebing puan,  
Buah kana di dalam peti;  
Jika mendapat seperti tuan,  
Baru senang di dalam hati.
- 4807 Makan asam tidak bergaram,  
Garam ada di atas meja;  
Melihat tuan kenangkan kawan,  
Kawanlah ada jauh di mata.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4808     Makan kugaul hanya sedikit,  
             Air berkocak di dalam talam;  
             Badan berpeluh mata kusakit,  
             Angkat mengucap di tengah malam.
- 4809     Makan sate makan rojak,  
             Makan dengan air manis;  
             Tuan pandai membawa segak,  
             Di dalam segak membawa manis.
- 4810     Makan sirih berpinang tidak,  
             Pinang ada di dalam celapa;  
             Pandang ke kiri, ke kanan tidak,  
             Baharu kutahu hatiku hampa.
- 4811     Malam ini merendam sagu,  
             Hanyut bemban menunda batang;  
             Jika begini rasa hatiku,  
             Hilang dendam berai datang.
- 4812     Malam ini merendam jagung,  
             Malam esok merendam serai;  
             Malam ini kita berkampung,  
             Malam esok kita bercerai.
- 4813     Malam ini menanam jagung,  
             Malam esok merendam serai;  
             Malam ini kita sekampung,  
             Malam esok kita bercerai.
- 4814     Malam ini malam Jumaat,  
             Malam esok malam sabtu;  
             Malam ini kumbang mengejar,  
             Jaga-jaga bunga di pasu.
- 4815     Malam ini malam Jumaat,  
             Malam esok malam Sabtu;  
             Malam ini kita mengingat,  
             Jangan lupa bunga di pasu.

- 4816 Malam ini janganlah dituba,  
           Kalau dituba ikan tak mati;  
           Yang ini janganlah dicuba,  
           Kalau dicuba berani mati.
- 4817 Malam tadi mimpikan bulan,  
           Bulan kumimpi si bujur telur;  
           Malam tadi mimpikan tuan,  
           Tuanku mimpi dikandung tidur.
- 4818 Mana berantai mana tidak,  
           Berjalan dua berantai dua;  
           Di mana kasih di mana tidak,  
           Badan satu kekasih dua.
- 4819 Mana bulan mana bintang,  
           Mana bintang mana matahari;  
           Ke mana menghilang ke mana mendatang,  
           Mana tempat kawan berani.
- 4920 Mana nak lepas lautan api,  
           Intan gemala di mulut naga;  
           Kalau mendapat kehendak hati,  
           Mahal murah saya tak kira.
- 1821 Manalah bulan manalah bintang,  
           Manalah tempat matahari mati;  
           Ke mana hilang ke mana sayang,  
           Mana tempat tuan pergi.
- 4822 Mandilah mandi di tepi awan,  
           Dipetik oleh si raja Cina;  
           Menjeling-jeling dua sekawan,  
           Kitaklah juak hati mengenang.
- 4823 Manis sungguh buah rambutan,  
           Mari diikat di atas meja;  
           Manis benar wajahmu tuan,  
           Saya di sini tidaklah lupa.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4824 Mari bermain si anak burung,  
Dayang juita berjalan kaki;  
Mengenang negeri tidak berkampung,  
Menurut saja apa akan terjadi.
- 4825 Mari menengok main telantak,  
Diikat juga dia pulang;  
Baiklah mahu, mari hendak,  
Mengikut juga tuan pulang.
- 4826 Mati berperang baginda Ali,  
Payah benar saya mendengar;  
Melihat abang apa yang jadi,  
Melihat gajah ditelan ular.
- 4827 Membeli baju bunga kenanga,  
Ada lebih untuk berganda;  
Harap pemalu kamu semua,  
Di situ tuan melihat rupa.
- 4828 Membeli tali pasar Senyawan,  
Singgah di surau tangga berlian;  
Merosak hati menggugur iman,  
Seperti pungguk rindukan bulan.
- 4829 Membeli tali pasar Senyawan,  
Dayang juita berjalan kaki;  
Demi kupandang wajah menawan,  
Manakan ajak apa jadi.
- 4830 Membeli tali di pasar Senyawan,  
Dayang juita berjalan kaki;  
Merosak hati menggugur iman,  
Menyuruh gila apakan jadi.
- 4831 Mengada-ngada diukurlah tidak,  
Orang mencermat batang padi;  
Berpandang ada bertegur tidak,  
Rasa kiamat di dalam hati.

PANTUN SARAWAK

- 4832 Mengapa digunting baju jubah,  
Jubah digunting dalam perahu;  
Hati saya tidak berubah,  
Hati tuan saya tak tahu.
- 4833 Mengetam papan di tanah rata,  
Buah anggur buah berangan;  
Minta disiram air mata,  
Minta tidur di tapak tangan.
- 4834 Minum kopi tidak bergula,  
Pahit-pahit diminum juak;  
Kalau hati bersama cinta,  
Baiklah bait diikut juak.
- 4835 Minuman meminta bunuh,  
Memintanya bebas dengan juak kain;  
Jikalauanya tuan benar sungguh,  
Haram tiada cinta ke lain.
- 4836 Minyak licin sebelah pangkin,  
Jikalau mandi dicuci jangan;  
Kalau mahu hidup miskin,  
Jikalau jadi menyesal jangan.
- 4837 Neneh Lowek menjual sirih,  
Sirih dijual Jambatan Panjang;  
Cantik molek kami nak pilih,  
Asallah jangan mata keranjang.
- 4838 Niat menumpang di gunung api,  
Ambil gemala di mulut naga;  
Sudah dapat kehendak hati,  
Malam ini saya berjaga.
- 4839 Nisan batu tambak belian,  
Jari jangan diberi luka;  
Amanah ibu, bapa pesan,  
Janji jangan diberi lupa.

- 4840 Nyindung juak nyindung bukit kedondong,  
                   Hari nan hari menanam lada;  
                   Fasal aje bukit melindung,  
                   Harilah hari berpandang mata.
- 4841 Nyiruklah nyiruk biji nan sagu,  
                   Buahnya ke timbal bulan;  
                   Abang pergi melangkah laut.  
                   Adik di rumah menghitung bulan.
- 4842 Nyiurlah muda dipolah pengat,  
                   Dimakan orang di pagi raya;  
                   Badanlah muda jangan tak ingat,  
                   Usia belum orang dah binasa.
- 4843 Orang ada bercampur Cina,  
                   Batang sena batang padi;  
                   Siapa yang ada masih bercinta,  
                   Fikir apa di dalam hati.
- 4844 Orang Arab pulang ke Jeddah,  
                   Datang ke Jeddah menanam sagu;  
                   Haram kami bukan mudah,  
                   Laksana tebu menjadi kayu.
- 4845 Orang Arab mengukus pulut,  
                   Pulut dikukus ke daun pisang;  
                   Kami tak harap manis di mulut,  
                   Manis pandai hilang datang.
- 4846 Orang Arab berjalan ke tanjung,  
                   Datang ke tanjung menjual intan;  
                   Jangan diharap berdua pulang,  
                   Janji manis ditelan jangan.
- 4847 Orang berlakon Jambatan Koleh,  
                   Gereja hangus dimakan api;  
                   Kalau dilepas memang tak boleh,  
                   Di atas tangga berhayun kaki.

- 4848     Orang berumur kamek jeramek,  
             Saja dinding beri belanja;  
             Apa dicemas kepada kemek,  
             Hidup miskin kurang berharta.
- 4849     Orang berzikir bawa tawakal,  
             Jawablah dengan Allah yarabbi;  
             Habis berfikir dengan akal,  
             Tuan juga masih di hati.
- 4850     Orang bujang memakai kain,  
             Sudah berkain berbaju tidur;  
             Bukan kami pandai bermain,  
             Sebab bermain malulah undur.
- 4851     Orang Cina pergi ke China,  
             Datang ke China berdagang babi;  
             Tuan punya, saya pun punya,  
             Sekerat seorang kita berbahagi.
- 4852     Orang Cina juga Melayu,  
             Juga Jepun tak jadi bertanam;  
             Apa kena bungaku layu,  
             Bunga ditunggu salah ditanam.
- 4853     Orang dagang makan di dulang,  
             Sayang kerbau beri bertali;  
             Dari malu didengar orang,  
             Baik kulangsung sama sekali.
- 4854     Orang darat menggunting jubah,  
             Jubah digunting berwarna kelabu;  
             Hatilah saya tidak berubah,  
             Hati tuan saya tak tahu.
- 4955     Orang Gayung pulang ke Gayung,  
             Datang ke Gayung negeri China;  
             Tuan ibarat payung,  
             Hujan dan panas sangat berguna.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4856 Orang Jawa menggunting jubah,  
Jubah digunting dalam perahu;  
Hati saya tidak berubah,  
Hati tuan saya tak tahu.
- 4857 Orang menjala Sungai Seniawan,  
Boleh seekor ikan senangin;  
Sakit rasa saya tak tahan,  
Boleh tidak mencari lain.
- 4858 Orang menumbuk di lesung batu,  
Lagi berambai lagi kuhilang;  
Alang nan sakit yatim piatu,  
Kain basah kering di pinggang.
- 4859 Orang menyukat hilir menyukat,  
Hilir menyukat ke batu lapan;  
Biar kumati kena ikat,  
Rasalah paku lantai ke papan.
- 4860 Orang meranik pulang ke rumah,  
Pulang rumah jauhlah ke darat;  
Budak ini memang beroleh,  
Sikit bercinta melayang surat.
- 4861 Padiku lembut padiku ini,  
Air gunung menjadi padang;  
Demi kurutur hatiku ini,  
Bungalah tanjung kubawa pulang.
- 4862 Pak Lekup minta sedekah,  
Mari sedekah rumah Pak Gapur;  
Bulan cukup abang nak nikah,  
Minta duit belanja dapur.
- 4863 Pakai kasut turun ke pasir,  
Datang ke pasir lalu berjalan;  
Hati kusut tidak terucir,  
Ucirlah ucir darimu tuan.

PANTUN SARAWAK

- 4864 Pakailah kasut jalan ke pasir,  
Lokan berisi di dalam puan;  
Rambut kusut tidak tersisir,  
Dendam rindu denganmu tuan.
- 4865 Pandai benar tuan merokok,  
lepas sebatang, sebatang lagi;  
Pandai benar abang mengelak,  
Lepas seorang, seorang lagi.
- 4866 Pandai benar tuan memotong,  
Lepas sebatang sebatang lagi;  
Pandai benar tuan menolong,  
Lepas seorang-seorang lagi.
- 4867 Pandai mengalah meniti batang,  
Raja Panji turun berkuda;  
Demi jauh tuan datang,  
Menuntut janji dari semula.
- 4868 Pandai menari joget Melaka,  
Masyhur sampai negeri Siam;  
Hairan sekali di hati saya,  
Bercerai kasih di dalam diam.
- 4869 Pasang api menambah pukat,  
Aur perindu tidak berdahan;  
Buah hati mari dekat,  
Hatiku rindu tidak tertahan.
- 4870 Pasang api di bawah belanga,  
Pakai memasak daging kerbau;  
Tuan pergi janganlah lama,  
Tidak berteman adik bergurau.
- 4871 Pasang ombak di laut tinggi,  
Gelombang macam di Tanjung Puri;  
Jika abang berjiwa tinggi,  
Jika sungguh menyerah diri.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4872 Pasang sumbu pelita api,  
Pelita api mana dapurnya;  
Hilang abang disangka mati,  
Jika mati mana kuburnya.
- 4873 Perahu Cina petang-petang,  
Pulang malam di Tanjung Jati;  
Apa sebab dikenang-kenang,  
Apa kena pelanduk mati.
- 4874 Pergi berjalan jambatan panjang,  
Buat ketupat dimakan Mak Usu;  
Mudah-mudahan umur panjang,  
Ada hajat kita bertemu.
- 4875 Pergilah petang mandi di pancur,  
Daunlah bayam saya tumiskan;  
Berai siang dapat dihibur,  
Berai malam saya tangiskan.
- 4876 Petang hari tidak terkira,  
Pakai lampu api udara;  
Malam ini lain kurasa,  
Salahlah satu hendak dikira.
- 4877 Pinang orang pinangku juak,  
Jika diumbut putih akarnya;  
Tunang orang, tunangku juak.  
Kalau dirabun putih matanya.
- 4878 Penggal puan penggal selasih,  
Tinggallah beduk berkait-kait;  
Tinggallah tuan tinggal kekasih,  
Tinggallah duduk bait-bait.
- 4879 Pisang emas bawa belayar,  
Diletak budak di atas peti;  
Hutang emas dapat dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.

- 4880 Pisang ini pisang tanaman,  
Ditebang boleh disikat jangan;  
Budak ini budak permainan,  
Didekat boleh dipegang jangan.
- 4881 Pandailah pandai membelah buah,  
Buah dibelah pakailah parang;  
Pandailah pandai membawa olah,  
Jangan ketara di muka orang.
- 4882 Pokok nyiur di tepi laut,  
Anak sembilang di bawah batang;  
Kakanda tuan melangkah laut,  
Dualah pulang tiga datang.
- 4883 Pucuk pauh rantingnya jatuh,  
Jatuh terlentang dimakan ulat;  
Tuanlah jauh saya pun jauh,  
Burung terbang berkirim surat.
- 4884 Pukul empat pukul lima,  
Pukul enam hari siang;  
Tidak dapat macam selama,  
Biar menjadi debu melayang.
- 4885 Pukul gendang kulit biawak,  
Sedikit tidak berdentum lagi;  
Di mana badan hendak dibawa,  
Sedikit tidak beruntung lagi.
- 4886 Pukul lapan pukul sembilan,  
Pukul sepuluh jam pun mati;  
Pandai makan pandai menyimpan,  
Jika gopoh merosak diri.
- 4887 Pukul lapan pukul sembilan,  
Pukul sepuluh jam mati;  
Pandai makan pandai menyimpan,  
Jikalau gopoh main tak jadi.

- 4888 Pukul rebab pukul rebana,  
Pukul lesung rumah Encik Ali;  
Apa sebab dengan kerana,  
Rasa bergantung tidak bertali.
- 4889 Pukul rebab, pukul rebana,  
Pukul lesung rumah Encik Ali;  
Apa sebab apa kerana,  
Minta tolong syariat nabi.
- 4890 Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang dua;  
Hancurlah badan dikandung tanah,  
Budilah baik dikenang juga.
- 4891 Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Nampaklah dari Gunung Seyati;  
Hancurlah badan dikandung badan,  
Tuanlah juak jika di hati.
- 4892 Pulut panggang isi liat,  
Minum kopi di pagi hari;  
Hanguslah padang adik melihat,  
Hanguslah hati hancur sekali.
- 4893 Pusat paruh di antara tanam,  
Tanam jangan di antara padi;  
Jikalau jauh di antara badan,  
Jauh jangan menyerah diri.
- 4894 Putih baju kucuci putih,  
Setengah cuci sabunku hilang;  
Tuan kasih saya pun kasih,  
Setengah kasih bencana datang.
- 4895 Putih pandai menjemur sisir,  
Sisir dijemur di atas padang;  
Gunung emas saya tak mungkir,  
Lewat sudah dipotong orang.

- 4896 Putus tali di atas papan,  
           Mari terletak di atas tangan;  
           Susah hati kumbang berlapan,  
           Mengenang bunga di dalam tangan.
- 4897 Raden Galuk meniti batang.  
           Panji-panji turun berkuda;  
           Dari jauh saya datang,  
           Melangsung hajat tuanlah semua.
- 4898 Raja Bali terajang kuda,  
           Kuda kuning celana kain;  
           Sembilan bulan dikandung bonda,  
           Niatku tidak pada yang lain.
- 4899 Raja Brooke hilir belayar.  
           Memberi tabik gudang kompeni;  
           Kepala tunduk menahan sabar,  
           Hendak bercakap tidak berani.
- 4900 Raja Mesir berdagang intan,  
           Suruh naik mengada-ngada;  
           Jangan difikir memakan umpan,  
           Bibir berkait badan tak rela.
- 4901 Raja Roban Raja Palembang.  
           Sayang ubat tidak pandai;  
           Bunga sekuntum menjadi kuning.  
           Bolehkah tidak saya memakai?
- 4902 Raja Zubaidah jalan ke hutan,  
           Mencari berlian di bawah bukit;  
           Susah saya bukan buatan,  
           Bertimbanglah timbang barang sedikit.
- 4903 Raja Zubaidah berjalan ke padang.  
           Lalu berjalan ke bawah bukit;  
           Lain dahulu dari sekarang,  
           Jauh beza bukan sedikit.

- 4904 Rakit-rakit rumah Pak Senu,  
           Lalu tersangkut di pokok pedada;  
       Bertukar ganti saya tak mahu,  
           Sudah dituju dari semula.
- 4905 Rambut hitam berkilat-kilat,  
           Jatuh ke bantal berlipat-lipat;  
       Tuan laksana air yang lebat,  
           Minum sedikit menjadi ubat.
- 4906 Rambut ikal gulung di dahi,  
           Khabar pulang bersarung gigi;  
       Rasa tak kekal diam di sini,  
           Akhir pulang ke tempat sendiri.
- 4907 Rambut ikal cuma berlicin,  
           Jikalau mandi dibasah jangan;  
       Abang sayang kami miskin,  
           Kalau jadi menyesal jangan.
- 4908 Rambutku jangan ditocang,  
           Indung saya di jari manis;  
       Petang-petang surat datang,  
           Belum dibaca dulu menangis.
- 4909 Rautlah nyiru jambangan lidi,  
           Jikalau mandi bersesah jangan;  
       Jikalau mahu kami,  
           Jikalau jadi menyesal jangan.
- 4910 Rendam selasih rendam semarang,  
           Rendam secupak jadi segantang;  
       Dulu kasih malam dan siang,  
           Kini menjadi harimau garang.
- 4911 Ribu-ribu bina langkahku,  
           Jikalah bubuk tidak bertulang;  
       Jika rindu sebut namaku,  
           Air mata jangan dibuang.

- 4912     Roti pandan dilambung kuda,  
             Budak kuning berjaja kain;  
             Sembilan bulan dikandung bonda,  
             Niat di hati tidak yang lain.
- 4913     Rumah apa di hujung tanjung,  
             Rumah Pak Jenal tukang perahu;  
             Teman siapa berbaju gadung,  
             Rasa kenal nama tak tahu.
- 4914     Rumah buruk pintu sembilan,  
             Nanti roboh tidakkan roboh;  
             Laksana pungguk rindukan bulan,  
             Nanti jatuh tidakkan jatuh.
- 4915     Rumah Dang Anum di atas bukit,  
             Mencari ubat mencari rama;  
             Ada berakar damar sedikit,  
             Rasa mati bersama-sama.
- 4916     Rumah kecil tiang seribu,  
             Rumah besar tiang sebatang,  
             Lagi kecil di timang ibu,  
             Sudah besar ditimang gelombang.
- 4917     Rumah kecil bertangga lima,  
             Pakai menyalai ikan kuasi;  
             Pandang kecil tumpang bertanya,  
             Berapa harga intan di sini.
- 6918     Rosaklah kasut jalan ke pasir,  
             Takutlah kaki terajuk duri;  
             Rambutku kusut tersisir,  
             Bawa mengenang nasib sendiri.
- 4919     Saja bertiga datang ke padang,  
             Datang ke padang membeli baju;  
             Fasal saja duduk bergendang,  
             Duduk bergendang melepas malu.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4920 Sakit kaki diajuk duri,  
Duri mengajuk di tengah padang;  
Baiklah hati mengenang diri,  
Dirilah sudah dibuang orang.
- 4921 Sakit menebang kayu gerumang,  
Kayu hidup dimakan api;  
Sakit menumpang kekasih orang,  
Badan hidup terasa mati.
- 4922 Salam-salam walaikum salam,  
Sirih dilipat dengan di dalam;  
Apa juak khabar bunga di kolam,  
Pucuk menelek akar di dalam.
- 4923 Sangatlah sayang juak selasih,  
Sayang selasih direndam kembang.  
Rendam secupak menjadi segantang;  
Sekiralah dulu juaklah kasih,  
Dahululah kasih bukan kepalang,  
Sekarang menjadi harimau garang.
- 4924 Sapu tangan penyapu tangan,  
Jatuh di tangan menyapu bunga;  
Lepas tangan dikata jangan,  
Lepas di tangan orang yang punya.
- 4925 Sapu tangan jari berkelur,  
Oleh membeli di kedai Cina;  
Suka di tangan kerana seekor,  
Suka di hati bawa merana.
- 4926 Sapu tangan dari Sarawak,  
Dikirim orang balik ke Miri;  
Jangan dikenang cinta awak,  
Sudah lepas ke luar negeri.

- 4927 Sapu tangan bersangkut mata,  
           Takut besi dimakan api;  
           Bunga di tangan apa disuka,  
           Luka di hati dibawa mati.
- 4928 Sapu tangan bersegi empat,  
           Lalu ditinggal batu empat;  
           Luka di tangan dapat diubat,  
           Luka di hati siapa melihat.
- 4929 Satu dua tiga empat,  
           Lima enam tujuh setengah;  
           Pandai-pandai tupai melompat,  
           Lama-lama jatuh ke tanah.
- 4930 Satu keempat pukul lima,  
           Baru mendapat hari nak siang;  
           Hendak mendapat macam yang lama,  
           Biar menjadi debu melayang.
- 4931 Satu suit tidak berlantai,  
           Satu padi disuruhlah tumbuh;  
           Tidak berduiti biar bergadai,  
           Turutlah hati sungguh-sungguh.
- 4932 Satu tiga golong di dahi,  
           Bertambah pula sojen di pipi;  
           Kamilah tetap diam di sini,  
           Kami tak dapat menahan pergi.
- 4933 Saya berkuda tuan berkuda,  
           Sama berjalan di tanah rata;  
           Tuan mengenang saya bercinta,  
           Sama-sama menahan rasa.
- 4934 Saya bertemu Kuala Halus,  
           Rumah dinaik di dalam puan;  
           Badan saya semadi kurus,  
           Bawa berai denganmu tuan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4935 Saya hendak menyukur janggut,  
Anak tauke bermain pedang;  
Di tengah laut gelombang ribut,  
Ikan mati di tengah padang.
- 4936 Saya ke darat ke rumah Zaharah,  
Mari mengambil buah keranji;  
Biarku mati bertumpah darah,  
Namun menyerah tidak sekali.
- 4937 Saya ke darat ke Pulau Lidi,  
Buah padi pisang jeranang;  
Jangan diharap membawa diri,  
Hendak membawa hati tak senang.
- 4938 Saya ke hulu menebang lalang,  
Padi muda pancung ke kiri;  
Apa dimalu didengar orang,  
Badanku muda berani mati.
- 4939 Saya ke Kuching ke Gunung Matang,  
Asap meliput dari udara;  
Kepalaku pening, bingungku datang,  
Bawa mengenang gambarmu kakanda.
- 4940 Saya kenal buah rambutan,  
Dalam seikat masak sebiji;  
Manis benar wajahmu tuan,  
Di dalam kampung payah dicari.
- 4941 Saya mendengar rusa di Tanjung,  
Tanduk dia sampai ke bumi;  
Kalau benar dapat disambung,  
Samalah sama tidak berbunyi.
- 4942 Saya Metedong gunung metali,  
Beruang abu terbang sekawan;  
Betul-betul memegang janji,  
Laksana paku lantak ke papan.

- 4943 Saya tak harap padi pulut,  
           Padi pulut banyak antahnya;  
       Saya tak harap janji mulut,  
           Janji mulut banyak susahnya.
- 4944 Saya takut kerbau di ladang,  
           Yang muda garang sekali;  
       Saya takut jalan seorang,  
           Badan muda langsung sekali.
- 4945 Saya tidak pandai menali,  
           Sebarang tali saya talikan,  
       Saya tidak pandai menyanyi,  
           Sebarang nyanyi saya nyanyikan.
- 4946 Saya tidak pandai berhidang,  
           Sebarang hidang saya hidangkan;  
       Saya tidak pandai bergendang,  
           Sebarang gendang saya gendangkan.
- 4947 Saya tidak memandang bulan,  
           Mari selindung sebalik tabir;  
       Saya tidak memandang tuan,  
           Hati beramuk bagi nak hancur.
- 4948 Saya tidak berdaya lagi,  
           Sungailah kuning di gunung bulat;  
       Sayalah tidak percaya lagi,  
           Sungailah kuning sudahku lihat.
- 4949 Sayalah tidak pandai meraut,  
           Sebarang raut saya rautkan;  
       Saya tidak pandai menyahut,  
           Sebarang sahut saya sahutkan.
- 4950 Sayalah tidak pandai berkain,  
           Sebarang kain saya kainkan;  
       Saya tidak pandai bermain,  
           Sebarang main saya mainkan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4951 Sayalah tidak bertanam bunga,  
Tanamlah bunga di tepi pergi;  
Sayalah tidak ada yang punya,  
Bolehkah adik ikut pergi.
- 4952 Sayang Aceh burung di awan,  
Mari hinggap di kaki;  
Mengharap kasih kepada tuan,  
Kasih hidup sampai ke mati.
- 4953 Sayang bahulu mengebam Semarang,  
Sayang gereja di bawah bukit;  
Lain dahulu lain sekarang,  
Jauh beza bukan sedikit.
- 4954 Sayang belatuk burung belatuk,  
Mari hinggap di kepala tangga;  
Semadi abang duduk mengantuk,  
Mari abang bangun menari caca.
- 4955 Sayang beruas datang Singapura,  
Tinggal berlabuh di Muara Rejang;  
Tidak pun kita berjodoh semula,  
Eloklah abang kembali pulang.
- 4956 Sayang berdua berjalan malam,  
Menyidai kain di bawah rumah;  
Mabuk arak dari semalam,  
Mabuk bermain apa yang sudah?
- 4957 Sayang buah pulang ke laut,  
Khabar berita saya turut;  
Bunga hadiah saya menyambut,  
Tutur belia saya menurut.
- 4958 Sayang Cik Tapang memasak harum,  
Dimakan orang kampung Seladak;  
Sudah terpandang tuan tersenyum,  
Seribu ringgit saya kehendak.

- 4959 Sayang dewa membuang dewi,  
           Sedikit kapur banyak gambir;  
           Banyak bohong buat sendiri,  
           Sedikit tutur banyak sindir.
- 4960 Sayang Encik Ahmad menikam Rahmat,  
           Kembang melur kuntum melati;  
           Minta alamat syukur selamat,  
           Di dalam telur lagi nanti.
- 4961 Sayang engkodok bunga semanung,  
           Buah padi di atas jenang;  
           Abang duduk apa direnung?  
           Di dalam hati siapa dikenang?
- 4962 Sayang engkodok berbunga ungu,  
           Sayang selasih berbunga biru;  
           Tuan gundah, saya terharu,  
           Kerana kekasih baru bertemu.
- 4963 Sayang guli tali sepuluh,  
           Tutup satu tinggal sembilan;  
           Fasal kami jangan digaduh,  
           Kamilah tahu mencari jalan.
- 4964 Sayang jelateh burung jeladan,  
           Sayang tekukur terbang tinggi;  
           Sama cantik sama padan,  
           Jikalau diukur sama tinggi.
- 4965 Sayang jembalang bermata tujuh,  
           Ditukang oleh tukang emas;  
           Jangan digusar jangan digaduh,  
           Di dalam tangan digenggam kemas.
- 4966 Sayang ke laut memedil burung,  
           Madu kelapa di dalam puan;  
           Tujuh laut sembilan gunung,  
           Saya tak lupa denganmu tuan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4967 Sayang ke darat sungai Bintagor,  
Temui rotan berbelah dua;  
Seorang ke barat seorang ke timur,  
Ada suratan bertemu jua.
- 4968 Sayang ke darat menahan pukat,  
Sayang ke padang ke sungai merah;  
Seperti kertas dengan dakwat,  
Sama menghancur sama mengalah.
- 4969 Sayang ke darat ke padang embun,  
Anak tekukur mandi berendam;  
Hidup tuan dengan berpantun,  
Rasa menghibur hati yang dendam.
- 4970 Sayang ke darat air dah surut,  
Rumah sebesar menyingkil air;  
Hati mlarat jangan diturut,  
Jangan memotong dengan takdir.
- 4971 Sayang ke bukit pergi ke daerah,  
Tempat orang menyidai kain;  
Main sedikit jangan marah,  
Memang adat kita bermain.
- 4972 Sayang ke barat Pulau Peringgi,  
Buah padi buah jeranang;  
Saya mlarat membawa diri,  
Sebab membawa hati tak senang.
- 4973 Sayang kelelah mari berkabung,  
Mari bertimbali Muara Sarikei;  
Jangan diharap nangka bersarung,  
Di dalam sarung ditebuk tupai.
- 4974 Sayang kenyalang berbonet bata,  
Baba Siong menjadi kerani;  
Alang-alang bertikam mata,  
Baik dilangsung sama sekali.

- 4975 Sayang keranji di tengah halaman,  
Disangka tidak berbuah lagi;  
Sudah berjanji berpegang tangan,  
Diharap tidak berubah hati.
- 4976 Sayang Labuan pulau di laut,  
Khabar berita pulau jatuh;  
Khabarmu tuan saya menyambut,  
Asal rahsia disimpan teguh.
- 4977 Sayang lalang berputih mata,  
Tujuh dian bertimbang besi;  
Alangkah alang berpandang mata,  
Baik dilangsung sama sekali.
- 4978 Sayang lipan dua tubuhnya,  
Sayang ramuning lebat bunganya;  
Sungguh hitam tegap tubuhnya,  
Putih kuning apa gunanya.
- 4979 Sayang mas melor dengan mas keli;  
Buang abu terbang sekawan;  
Meminta teguh memegang janji.  
Sama paku lantak ke papan.
- 4980 Sayang mati burung berjambul,  
Mari hinggap di anak tangga;  
Dilihat isteri melepas sanggup,  
Sanggullah kecil bersolek bunga.
- 4981 Sayang mengkodok di tanjung-tanjung,  
Sayang lengkuas di padang-padang;  
Jangan tidak cuba berlindung,  
Supaya puas kita berpandang.
- 4982 Sayang merpati terbang melambung,  
Mari hinggap di awan putih;  
Buah hati pengarang jantung,  
Tuan seorang penyudah kasih.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4983 Sayang muara tidak berbukit,  
Banyak bukit di Batu Karang;  
Budimu tuan bukan sedikit,  
Dari dahulu sampai sekarang.
- 4984 Sayang Nek Siti zaman Nek Siti,  
Nek Siti berjalan terhayun-hayun;  
Abang berbudi saya berbudi,  
Kerana budi terasa kasihan.
- 4985 Sayang pedada dimakan kera,  
Jatuh ke pantai dimakan tupai;  
Kalau buah masak di para,  
Kujolok juga walau setangkai.
- 4986 Sayang pelanduk tiga sekawan,  
Singgah berulam si buah simpur;  
Gila mabuk denganmu tuan,  
Siang tak makan, malam tak tidur.
- 4987 Sayang pelamuk si air mawar,  
Sayang mandi di dalam cangkir;  
Sudah mahu kata benar,  
Jangan janji diberi mungkir.
- 4988 Sayang ramuning lebat buahnya,  
Buah di simpan di dalam pasu;  
Saya ini sayang bunganya,  
Disebut orang semuanya malu.
- 4989 Sayang ramuning di muka laut,  
Sayang rambutan di dalam puan;  
Tubuhnya kuning bagai diraut,  
Kerana sayang denganmu tuan.
- 4990 Sayang rokok hisap di mulut,  
Asap dia gulung ke pipi;  
Tuan bercakap manis di mulut,  
Saya mendengar pedih di hati.

- 4991 Sayang rumia, bunga rumia,  
           Bunga disimpan di dalam raga;  
           Tuan punya saya pun punya,  
           Betul juga kata mak nyonya.
- 4992 Sayang Santubong ke Teluk Tambak,  
           Tempatlah budak berjalan kaki;  
           Hidung mancung bersenyum tidak,  
           Di situ tempat gilaku mati.
- 4993 Sayang Santubong berkota nibung,  
           Haji Ahmad kepala kampung;  
           Alang nan sakit badan menanggung,  
           Siang dan malam main berkampung.
- 4994 Sayang Sarawak sungainya sempit,  
           Tuan datang dengan rombongan;  
           Hendak kubawa perahu sempit,  
           Tinggallah emak tinggallah junjungan.
- 4995 Sayang Sarawak muaranya sempit,  
           Buah rengas lagi berbunga;  
           Hendak dibawa perahu sempit,  
           Tinggal nama hati memuja.
- 4996 Sayang Sebandi pasirnya lumat,  
           Sebab bercampur dengan lokan;  
           Lagikan Nabi kasihkan umat,  
           Inikan pula saya kasihkan tuan.
- 4997 Sayang Sebandi pasirnya lumat,  
           Pasirnya bercampur batu karang;  
           Laksana Nabi kasihkan umat,  
           Begitu juga kasihkan tuan.
- 4998 Sayang Sebandi pasirnya lumat,  
           Kerang bercampur dengan lokan;  
           Kami senabi kasih umat,  
           Kami juga kasih kepada tuan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 4999 Sayang Sebandi Kuala Kabong,  
Mati berenang dalam perahu;  
Rasa nak putus hati mengenang,  
Tuan dikenang tak ambil tahu.
- 5000 Sayang sebandi tajung berlipat,  
Tempat orang bertanam padi;  
Panjanglah lampe bagi disifat,  
Di situlah tempat sebela mati.
- 5001 Sayang Sejingkat Muara Sambir,  
Nampak dari Kuala Tebedu;  
Banyaklah taubat di luar bibir,  
Di dalam hati siapa tahu.
- 5002 Sayang selasih janganlah tinggi,  
Jikalaulah tinggi berdaun jangan;  
Jika kekasih hendak pergi,  
Jika pergi bertahun jangan.
- 5003 Sayang selangat ikan seluang,  
Belah belakang ambil hatinya;  
Usah niat adik seorang,  
Kelak belakang ada gantinya.
- 5004 Sayang selasih direndam renggang,  
Rendam secupak menjadi segantang;  
Dahulu kasih bukan kepalang,  
Sekarang menjadi harimau garang.
- 5005 Sayang selasih ditumpah minyak,  
Bunga jengkang dengan jerami;  
Terima kasih banyak-banyak,  
Kerana sudi bersama kami.
- 5006 Sayang selasih di Bukit Dulang,  
Diputik sedulang laut Sebandi;  
Terima kasih berulang-ulang,  
Sudi menjemput kamek di sini.

- 5007 Sayang selasih berisi minyak,  
           Bunga cengkoh tengah jalan raya;  
           Terima kasih banyak-banyak,  
           Sudi menebang tengah jalan raya.
- 5008 Sayang selat airnya surut,  
           Tempat orang menanam padi;  
           Tuan pulang saya nak turut,  
           Tidak kuasa menahan hati.
- 5009 Sayang sembilang ikan berdukang,  
           Sayang selasih batang berduri;  
           Barang hilang tidak terkenang,  
           Hilang kekasih mana mencari.
- 5010 Sayang serindit dadanya biru,  
           Mati disumpit raja piaman;  
           Selama teringat permata guruh,  
           Belumku janji lepas di tangan.
- 5011 Sayang Serani Cina ulaman,  
           Sedikit tidak berubah lagi;  
           Sudah berjanji berpegang tangan,  
           Sedikit tidak berubah hati.
- 5012 Sayang Siantan ke sungai Singapura,  
           Belayar menyusur hari-hari;  
           Lemak santan manis bergula,  
           Di dalam gula racun menari.
- 5013 Sayang Simanggang dipukul ribut,  
           Dipukul dia tebing seberang;  
           Dulu dilihat dapat direbut,  
           Sekarang abang kekasih orang.
- 5014 Sayang Tambirat tebingnya susur,  
           Tempat kedai orang bujang;  
           Biar melarat kami tak undur,  
           Biar menjadi debu melayang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5015 Sayang tekukur burung di pokok,  
          Sayang merpati ditangkap lepas;  
Saya ibarat nyiur dikukur,  
          Diambil pati dibuang hampas.
- 5016 Sayang Tunggang jauh ke hulu,  
          Gunung Gading nampak melintang;  
Hatiku bimbang dari dahulu,  
          Putih kuning di mana menghilang.
- 5017 Sayang-sayang buah kepayang,  
          Dimakan mabuk dibuang sayang;  
Tuan laksana kayu gerenang,  
          Di sini tempat bergurau sayang.
- 5018 Sayanglah sayang jua Sarawak,  
          Sayang Sarawak sungai masyhur;  
Tempat menjala ikan tenggiri,  
          Banyaklah pantun juak Sarawak;  
Pantun Sarawak sudahlah masyhur,  
          Sudahlah masyhur seluruh negeri.
- 5019 Sayanglah sayang juak Sarawak,  
          Sayang Sarawak sungai masyhur;  
Anak saya orang Sarawak,  
          Berbaju putih di Sungai Bintagor.
- 5020 Sayanglah berkasut jalan ke pasir,  
          Bemban seraut di dalam puan;  
Rambutlah kusut tidak tersisir,  
          Dendam berai denganmu tuan.
- 5021 Si Nujuh hilir ke kota,  
          Dayung mengangkut di pohon kunci;  
Rasaku hidup di kail masa,  
          Malam menyebut belum sampai.

- 5022 Si tangkai padi si tangkai lada,  
          Selasih di dalam puan;  
          Sampai mati sampaiku rasa,  
          Setengah kasih ditinggalnya tuan.
- 5023 Sikat rambut berkilat-kilat,  
          Tikar bantal dengan tilam;  
          Minum sedikit menjadi ubat,  
          Tuan laksana air nilam.
- 5024 Singapura serupa-rupa,  
          Anak Bugis jalan bertiga;  
          Hendak lupa tak boleh lupa,  
          Hitam manis dikenang juga.
- 5025 Singapura dilanggar todak,  
          Mari bertikam di batang pisang;  
          Orang tua mengasih budak,  
          Bagai bulan di pagar bintang.
- 5026 Sirih Cina dari Cina,  
          Apa ditunggu apa dijaga;  
          Saja rupa tidak bena,  
          Di dalam hati tak akan lupa.
- 5027 Sirih Cina jambangan Cina,  
          Lalu dibungkus di dalam kertas;  
          Saja rupa adik tak bena,  
          Di dalam hati haram tak lepas.
- 5028 Sisir-sisir rambutlah panjang,  
          Sudah disisir disolek bunga;  
          Fikir-fikir sepanjang-panjang,  
          Sudi menatang kitak berdua.
- 5029 Sisirlah sisir rambut panjang,  
          Lepas disisir disolek bunga;  
          Fikirlah fikir sepanjang-panjang,  
          Datang hujan tidak berguna.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5030 Siti Zubaidah menjadi raja,  
Menjadi raja negeri Yunan;  
Apakah sudah berpandang mata,  
Kalau tak dapat menjadi ponan.
- 5031 Siti Zubaidah menjadi raja,  
Menjadi raja negeri China;  
Malam sudah berpandang mata,  
Jika tak hampir menjadi gila.
- 5032 Suaranya riuh jatuh ke tanah,  
Jatuh ke tanah memakan padi;  
Bunyi guruh di dalam sawah,  
Apalah sebab hujan tak jadi?
- 5033 Sudah bermukim di Negeri China,  
Kapal berlabuh di Tanjung Bata;  
Tuan semua sudah dipunya,  
Saya ini berputih mata.
- 5034 Sudah ke pancur, ke sungai pula,  
Singgah memetik pucuk gelang;  
Sudah terlanjur dengan si dia,  
Sudah dapat disuruh pulang.
- 5035 Sudak makan dengan peria,  
Kalau ada garam tiada;  
Kalau sudah ada bercinta,  
Kalau bercinta jangan berdusta.
- 5036 Sudah nasib pisang jeranang.  
Pisang masak terbuang lalu;  
Sudahlah nasib apa dikenang,  
Badanku seorang terbuang lalu.
- 5037 Sudah nasib pisang jeranang,  
Masak sebemban di dalam abu;  
Sudah nasib kita memegang,  
Jika dipegang menjadi batu.

- 5038 Sudah nasib pisang jeranang,  
           Berbuah ada berjantung tidak;  
           Sudahlah nasib jangan dikenang,  
           Bertuah ada beruntung tidak.
- 5039 Sudah nasib pisang jeranang,  
           Berjantung ada berbuah tidak;  
           Sudah nasib apa dikenang,  
           Orang dikenang teringat tidak.
- 5040 Sudah nasib asam berenang,  
           Jantung ada berbuah tidak;  
           Sudah nasib apa dikenang,  
           Beruntung ada bertuah tidak.
- 5041 Sudah pasang suruh pasang,  
           Pasang dia menangkap titi;  
           Sudah datang suruh datang,  
           Datang dia menyusah hati.
- 5042 Sudahkah tuan betul nareka,  
           Narekalah saya si baju merah;  
           Kalaualah tuan sebetul suka,  
           Iku kam bertiga pulang ke rumah.
- 5043 Sudahlah padi, padiku juga,  
           Padi terdapat direbah lagi;  
           Sudahlah hati, hatiku juga,  
           Hati tak dapat diubah lagi.
- 5044 Sudahlah pasang air di laut,  
           Tidakkah mahu mandi bersama;  
           Sudahlah datang malaikal maut,  
           Mahukah tidak mati bersama.
- 5045 Sudahlah rukun negeri China,  
           Kapal berlabuh di Tanjung Pagar;  
           Minta ampun tuan semua.  
           Saya ini baru belajar.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5046 Sungai Aruk tempatku diam.  
Tempat berumah dengan Ayubi;  
Sudah tahu diam-diam,  
Saya di rumah senang hati.
- 5047 Singai Bintangor airlah merah,  
Tempat orang mencuci gigi;  
Kalau sungguh dipanjang Allah,  
Boleh kita berjumpa lagi.
- 5048 Singai Bintangor airnya merah,  
Tempat budak bercuci kaki;  
Sebelum bergurau saya berolah,  
Dari hidup sampai ke mati.
- 5049 Sungai Silong pasirnya ganjur,  
Tempat orang melabuh pukat;  
Hendak berpesan tuan masyhur,  
Biar dicuba memandang dekat.
- 5050 Sungai Singapura tanah malia,  
Daun mekar dilayang angin;  
Pura-pura melihat saya,  
Ekor mata pandai bermain.
- 5051 Sungai tenang jangan dituba,  
Kalau dituba ikan mati;  
Kampung Seniawan jangan dicuba,  
Kalau dicuba berani mati.
- 5052 Sungguh tinggi rumah Cik Senah,  
Masuk ke kandang beribu-ribu;  
Malam ini datang fitnah,  
Rasa nak masuk ke perut ibu.
- 5053 Susunlah rebab susun rebana,  
Susun lesung rumah Encik Ali;  
Ada sebab dengan kerana,  
Rasa bergantung tidak bertali.

- 5054      Talang wak talang jauh di laut,  
               Tempat nan budak berdagang telur;  
               Halus juak pinggang bagai diraut.  
               Tuan laksana si kembang melur.
- 5055      Tanam kelapa ke darat seorang.  
               Baru bertimbal di munggak kubur;  
               Panjang umur saya mengenang,  
               Dengan tuan iman tak gugur.
- 5056      Tanamlah bunga tidak berbunga.  
               Tanam ke darat berbunga jua;  
               Di dalam dunia tidak bersama,  
               Di dalam akhirat bersama jua.
- 5057      Tanduk rusa lantak ke tiang.  
               Pakai menyangkut kainlah baju;  
               Esok lusa saya nak pulang,  
               Minta dihantar ke muka pintu.
- 5058      Tanjung Bandung airnya biru.  
               Tempat budak mencuci muka;  
               Lagi sekampung hatiku rindu,  
               Inikan pula jauh di mata.
- 5059      Tanjung Bondong parit perintah,  
               Bersampan dengan sidaknya;  
               Hendak dilangsung serba salah.  
               Takut badan jadi merana.
- 5060      Tanjung Katung airnya biru.  
               Tempat orang bercermin mata;  
               Tinggal sekampung lagi dirindu,  
               Apalagi jauh di mata.
- 5061      Tanjung Po Tanjung Berapi,  
               Api berkilat di munggak kubur;  
               Rasa nak beku di dalam hati,  
               Melihat tuan iman gugur.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5062 Tariklah papan berlaga-laga,  
Anak ikan menari ke hulu;  
Minta mandi si air mata,  
Minta dikepan kain dan baju.
- 5063 Telur penyu di hujung pasir.  
Ditimba oleh hujan panas;  
Apa direnung apa difikir,  
Setegal rindu hati yang panas.
- 5064 Teranduk melanggar Jawa,  
Jawa lari sebelah bukit;  
Jangan merajuk masku nyawa,  
Tidaklah boleh salah sedikit.
- 5065 Terang bulan terang gemerlang,  
Hantu berjalan laki bini;  
Jikalau tuan bersikap garang,  
Adik tak lama diam di sini.
- 5066 Terang bulan tanpa cahaya,  
Raja Mesir bertenun kain;  
Tuan kupandang tanpa cahaya,  
Kalau tiada cinta yang lain.
- 5067 Terang bulan muka diukir,  
Minyak penawar di dalam cangkir;  
Anak siapa berjanji mungkir,  
Anak Islam menjadi kafir.
- 5068 Terang bulan menggali ubi,  
Ubi digali berkarung-karung;  
Tuan di awan saya di bumi,  
Berkirim surat kepada burung.
- 5069 Terang bulan di Pulau Pinang,  
Orang beraneh di dalam kapal;  
Tidur malam selalu mengenang,  
Air mata jatuh ke bantal.

PANTUN SARAWAK

- 5070 Terang bulan dipancar cahaya,  
Budak-budak ramai bermain;  
Kanda kupandang nampak cahaya,  
Hatiku tidak ke tempat lain.
- 5071 Terang bulan bagai nak siang.  
Buaya timbul memakan bangkai;  
Kerana tuan dikasih orang,  
Hendak menumpang menghibur hati.
- 5072 Tetak juak si buluh pulau.  
Pakai menjuluk sarang tebuan;  
Genjukku tangan dari pulau,  
Niatku mati dipangku tuan.
- 5073 Tetak nipah susun nipah.  
Orang Palembang menjual kayu;  
Duduk susah berdiri susah,  
Di dalam hati siapa dirindu.
- 5074 Tetaklah akar, akar merah,  
Semut meniti di dalam talam;  
Badan berpeluh mata kumerah,  
Angkat mengucap di tengah malam.
- 5075 Tetaklah akar, akar merah,  
Semut meniti di batang padi;  
Fasal saja lautan jauh,  
Kalau setanah kujalan kaki.
- 5076 Tetaklah nipah bersusun nipah,  
Buluh muda pancung sekali;  
Duduklah susah berdiri susah,  
Badanku muda langsung sekali.
- 5077 Tidak dapat dikenang-kenang,  
Kalau dikenang mabuk kepayang;  
Jangan disangka airnya tenang,  
Tempat di situ buaya berenang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5078 Tidak dapat direnang-renang,  
Air di laut datang dan hilang;  
Tidak dapat dikenang-kenang,  
Airlah mata jatuh berlinang.
- 5079 Tidak dapat dikira-kira,  
Air mata jatuh segera;  
Karam di laut angin di udara,  
Karam di hati kerana cinta.
- 5080 Tidak habis buah padat,  
Buah ada berjantung tidak;  
Apa sudah nasib nak buat,  
Tuahlah ada beruntung tidak.
- 5081 Tidaklah dapat kuikat-ikat,  
Kuikat dengan tali benang;  
Tidaklah dapat kulihat-lihat,  
Mata melihat hati mengenang.
- 5082 Tidaklah dapat kuikat-ikat,  
Diikat dengan tali benang;  
Tidaklah dapat kulihat-lihat,  
Airlah mata jatuh berlinang.
- 5083 Tidaklah dapat kupolah kuih,  
Kupolah roti tidak bergula;  
Tidak dapat memakai kekasih,  
Kupakai budi kerana biasa.
- 5084 Tiga laut memanggil burung,  
Baju telapan di tangan puan;  
Sembilan laut sembilan gunung,  
Saya tak lupa budimu tuan.
- 5085 Tinggal empat gunung berapi,  
Ambil yang ada di hujung jungkar;  
Sudah mendapat kenangan di hati,  
Sama berat susah nak nanggar.


- 5086 Tinggal empat jarumlah mati,  
           Hendak ke mana, ke hujung naga;  
           Sudah mendapat kehendak di hati,  
           Abang semua bayarlah harga.
- 5087 Tinggi pusat tinggi beringin,  
           Tempat menggantung anak dewa;  
           Hendak berpesan dengan angin,  
           Aning tidak pandai berkata.
- 5088 Tinggilah tinggi si matahari,  
           Anak kerbau mati tertambat;  
           Hendak bergurau selama ini,  
           Ada kekasih jauh di Selat.
- 5089 Tiup api periuk belanga,  
           Tempat memasak daging kerbau;  
           Abang pergi janganlah lama,  
           Adik tinggal tidaklah dihirau.
- 5090 Tuan berzikir gembak serakal,  
           Saya menyebut Allah hirabbi;  
           Jika tak fikir dengan juak gekal,  
           Apalah sebab jadi begini.
- 5091 Tuan berkuda saya berunta,  
           Sama kita berjalan kaki;  
           Tuan mengenang saya bercinta,  
           Sama kita menahan hati.
- 5092 Tuan haji memakai jubah,  
           Mari sembahyang berhantar lalu;  
           Fasal berjanji tidak berubah,  
           Fasal meroboh saya tak tahu.
- 5093 Tuan mudik pergi belayar,  
           Disangka dayang memakan babi;  
           Jangan tuan kurang percaya,  
           Belah dada tengok hati.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5094 Tuan tidak pandai mengubah,  
Setiap hari sembahyang dalam perahu;  
Fasal berjanji tidak berubah,  
Fasal umur saya tak tahu.
- 5095 Tukang kayu suka berdikat,  
Suka berdikat masuklah dia;  
Tuan bercinta belayar surat,  
Itulah tanda hati setia.
- 5096 Tukul sumbing pecah berjalan,  
Pecah terantuk tebik terjatuh;  
Niat di hati menjolok bulan,  
Bulan dijolok bintang yang jatuh.
- 5097 Tumbang purin menjolok manggis,  
Belum dijolok jatuh sendiri;  
Lautan kering pulau menangis,  
Raja Egan menyerah diri.
- 5098 Tuntuk embin si padi pulut,  
Dimakan orang di bulan puasa;  
Putih kuning tunduk berlutut,  
Bagai intan tembaga suasa.
- 5099 Tutunglah dia, tutung pelita,  
Pakai menguluh si gagang sirih;  
Berperanglah datang dengan dewa,  
Hendak merebut intan terpilih.
- 5100 Ular lidi turun bertapa,  
Turun bertapa di pokok buluh;  
Fasal jadi tidak mengapa,  
Syukur rahsia dipegang teguh.
- 5101 Ular lidi turun bertapa,  
Mari bertapa di kelopak kayu;  
Tidak jadi tidak mengapa,  
Jangan saya diberi malu.

- 5102 Ya Allah alaikum rahman,  
Terang seperti air di taman;  
Jikalau tiada ditetapkan iman,  
Tuanlah juak kubuat teman.
- 5103 Ya Allah alahi rabbi,  
Terang seperti air perigi;  
Jikalau diturut hati begini,  
Tuanlah juak relaku mati.
- 5104 Ya Allah alaikum mukminin,  
Terangmu seperti cahaya cermin;  
Tuan laksana kayu beringin,  
Lemah dan lembut ditiup angin.
- 5105 Ya Allah Tuhan yang Esa,  
Dikenak patuk ular yang bisa;  
Jika diturut hatiku suka,  
Jika tak luka badan binasa.
- 5106 Yang manis kalaupun manis,  
Manis dia datang sabut;  
Sudah manis diri manis,  
Lekaslah duduk bila disebut.
- 5107 Yang seorang tidak bersampan,  
Sampan ada tebing seberang;  
Hendak berkawan tidak berkawan,  
Kawan sudah diambil orang.
- 5108 Zaman sekarang pandan berbunga,  
Kini sekarang bunganya layu;  
Zaman sekarang adik diguna,  
Kini sekarang dibuang lalu.

## **PANTUN SABAH**



KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5109 Abang Daud menyepak raga,  
Raga disepak dalam mahligai;  
Dalam laut boleh diduga,  
Dalam hati tidak kupandai.
- 5110 Ada kacang tumbuh di akar,  
Akar menyangkut bawah titian;  
Carilah akal fikir-fikir,  
Jangan menyesal di kemudian.
- 5111 Ada satu kerbau pingkul,  
Diberi makan rumput sepikul;  
Permainan ini sudah teratur,  
Orang melihat sudah berkumpul.
- 5112 Ada tangga naik ke bulan,  
Bulan dinaik awannya biru;  
Saya bertanya kepada Si Awang,  
Adakah lagi berhati rindu.
- 5113 Ah Liew peranakan Jepun,  
Mengembang bunga di dalam cawan;  
Berapa banyak bunga di taman,  
Satu buat memberi rawan.
- 5114 Air keruh telaga keruh,  
Air kunyit pencuci kaki;  
Adik jauh, abang pun jauh,  
Tidur seminit dimasuk mimpi.
- 5115 Air mawar jatuh ke laut,  
Gulai itik sama belangkas;  
Apa soalnya tidak disahut,  
Adinda belum tahu membalias.
- 5116 Air pasang tengah jalan,  
Pasang mari terus ke pagi;  
Jika terkenang tengah makan,  
Air mataku jatuh ke nasi.

- 5117 Air pasang tenang di hulu,  
           Kain tudung hisis di pintu;  
           Jika terkenang masa dahulu,  
           Jantung berperang dengan hempedu.
- 5118 Air pasang mudik ke hulu,  
           Sayang bertambur di atas getah;  
           Bila terkenang zaman dahulu,  
           Rasa berhambur si air mata.
- 5119 Air pasang bangat ke hulu,  
           Datanglah ubi hanyut melintang;  
           Kalau kukenang masa yang lalu,  
           Makan kelumbi serasa pinang.
- 5120 Air topong Bukit Sitopong,  
           Tarik papan sama ratanya;  
           Tuanlah pulang berkembang payung,  
           Kamikan ikut jahat jua rasanya.
- 5121 Ajong landai kemudi landai,  
           Landai mari terhirit duri;  
           Adik pandai saya pun pandai,  
           Jangan pula meninggi diri.
- 5122 Ajuk-ajuk pemarang Jawa,  
           Jawa dari sebelah bukit;  
           Jangan merajuk mahkota jiwa,  
           Tidak kurasa salah sedikit.
- 5123 Akan beratap daun keladi,  
           Membuat junjung di tepi paya;  
           Tunang si anu tidak menjadi,  
           Bolehkah saya ikut bersama.
- 5124 Akan kupasang bukannya tongkang,  
           Akan kupais bukannya lobak;  
           Akan terbang bukannya burung,  
           Akan menangis bukannya budak.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5125 Akan makan nasi berkuah,  
Gawai emas bergiring-giring;  
Kalau ada untung bertuah,  
Karam di laut dampar ke Siring.
- 5126 Aku disorong memupul bunga,  
Sedikit kutidak berpeluh badan;  
Apalah guna untungku di dunia,  
Minta dibalas di hari kemudian.
- 5127 Aku tidak bersigup,  
Ada baranya jatuh ke lantai;  
Aku tidak pandai kasih mengejut,  
Pantunkan angin tiup selesai.
- 5128 Alang-alang mandi di dulang,  
Dulangnya runcung dari Betawa;  
Alang-alang didengar orang,  
Baik dilangsung sama sekali.
- 5129 Alang-alang betis pelanduk,  
Kita matikan tetauk muda;  
Pantang helang bersama manuk,  
Lama-lama bersama jua.
- 5130 Alaun-alaun pergi hitam,  
Kiri kanan pokok membangun;  
Harum-harum bunga di hutan,  
Harum lagi bunga di taman.
- 5131 Ali Hasan anak baginda,  
Tidur semalam di Kalamati;  
Duduk makan sedang bercinta,  
Air mata jatuh ke nasi.
- 5132 Ampai-ampai bunganya ini,  
Ampunilah jua madu khasiat;  
Tidak ia sampai di dunia ini,  
Sampaiku jua dalam akhirat.

- 5133 Anak ayam turunnya tujuh,  
           Mati seekor tinggalnya enam;  
           Hancur luluh seluruh tubuh,  
           Dijilat oleh neraka jahanam.
- 5134 Anak ayam turunnya tiga,  
           Mati seekor tinggalnya dua;  
           Supaya tahu jalan ke syurga,  
           Hilai-hilai dimakbulkan doa.
- 5135 Anak ayam turun sepuluh,  
           Mati seekor tinggal sembilan;  
           Kutuntut ilmu bersungguh-sungguh,  
           Akan buat bekalan hari kemudian.
- 5136 Anak ayam turunnya sembilan,  
           Mati seekor tinggalnya lapan;  
           Akan belakan di hari kemudian,  
           Di dalam kubur berdinding papan.
- 5137 Anak ayam turunnya lima,  
           Mati seekor tinggalnya empat;  
           Budi Tuhannya sudah diterima,  
           Supaya hambanya membaca sifat.
- 5138 Anak ayam turunnya lapan,  
           Mati seekor tinggalnya tujuh;  
           Di dalam kubur berdinding papan,  
           Hancur luluh seluruh tubuh.
- 5139 Anak ayam turunnya enam,  
           Mati seekor tinggalnya lima;  
           Dijilat oleh neraka jahanam,  
           Budi tuan sudah diterima.
- 5140 Anak ayam turun empat,  
           Mati seekor tinggalnya tiga;  
           Supaya hamba membaca sifat,  
           Lekas juga jalan ke syurga.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5141 Anak ayam tercabut bulu,  
Tercabut bulu di bawah batang;  
Kalau dayang jalan dahulu,  
Tunggu kami kemudian datang.
- 5142 Anak beruang terkisi-kisi,  
Terkisi-kisi di bawah tangga;  
Anak orang jangan diusik,  
Kalau diusik kasi belanja.
- 5143 Anak Cina pandai labangis,  
Jalan-jalan atas keranda;  
Adinda tuan jangan menangis,  
Ambil geguling ganti kakanda.
- 5144 Anak Cina pelihara babi,  
Diberi makan daun keladi;  
Anak siapa berpantun tadi,  
Cuba pantun sekali lagi.
- 5145 Anak Cina anak Melayu,  
Anak Jepun melipat kain;  
Bagaimana bunga tak layu,  
Embun menitik di tempat lain.
- 5146 Anak itik anak angsa,  
Bertelur di tanah merah;  
Jangan dipilih kepada bangsa,  
Sama kita berdarah merah.
- 5147 Anaklah enggang di kayu tinggi,  
Barang jatuh saya pegangi;  
Orang dagang kami sanjungi,  
Semoga Tuhan hiburkan hati.
- 5148 Anaklah itik anak angsa.  
Hinggap di batang dibakar jangan;  
Tuan berbangsa saya yang hina,  
Jikalau sampai menyesal jangan.

PANTUN SABAH

- 5149 Angin Barat gelombang Timur,  
Ombak memecah di atas tangga;  
Tuan di Barat kami di Timur,  
Panas bersama datang menganga.
- 5150 Angsa terbang ke negeri China,  
Hinggap sebentar di pangkal jalan;  
Kurang bangsa diri pun hina,  
Jika tersampai menyesal jangan.
- 5151 Anik-anik daun kedayan,  
Sungguhnya anik pembungkus nasi;  
Anik-anik kedayan,  
Sungguhnya anik berani mati.
- 5152 Anjung emas untai bersadur,  
Keluar dari negeri Istanbul;  
Cincin emas lagikan lungsur,  
Bunga terorak di birai sanggul.
- 5153 Anjunglah Siam patah kemudi,  
Ambil paku lantak di papan;  
Diamlah diam tidak berbunyi,  
Lupalah malu bertepuk sopan.
- 5154 Apa batu apa bangkutu,  
Tekeding tumpah di pohon sena;  
Apa laku apa akalku,  
Pendinding kita api neraka.
- 5155 Apa buat mengayam nyiru,  
Lintang akan sambil diangkat;  
Apa boleh menahan rindu,  
Dilimpang akan ditidur angkat.
- 5156 Apa guna memakai kasut,  
Dilangkah akan betis kiri;  
Apa guna ilmu dituntut,  
Kalau tidak membantu diri.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5157 Apa guna main berigot,  
Pandan muda masih berbunga;  
Apa guna tuan berebut,  
Badan muda masih berguna.
- 5158 Apa guna pandai menali,  
Kalau tidak pandai melampun;  
Apa guna jadi penari,  
Kalau tidak pandai berpantun.
- 5159 Apa oleh mengayam nyiru,  
Nyiru dianyam di atas bukit;  
Apa oleh menahan rindu,  
Kalau ditahan jadi penyakit.
- 5160 Apa penjolok di bintang sayang,  
Batang padiku sambung lima;  
Apa pemujuk hatimu sayang,  
Sanggul lintang kusisip bunga.
- 5161 Apa rasa makan di daun,  
Makan di talam berasa nasi;  
Apa rasa cerai setahun,  
Cerai sehari serasa mati.
- 5162 Apa sebab tambur binasa,  
Tertikam gunting besi berani;  
Kalau takut membuat jasa,  
Ambil makan nasi kompani.
- 5163 Apa sebab bergelang paun,  
Bambawaran gelang di kaki;  
Apa sebabku teraun-raun,  
Pembawaan sudahlah di hati.
- 5164 Apalah kena pauh buritan,  
Ambil talam taruhlah pauh;  
Apalah kena burunglah di hutan,  
Lepas di tangan terbanglah jauh.

- 5165      Api-api berpagar dusun,  
               Anak Keling bergelang suasa;  
       Bukan mati kerana racun,  
               Mati kerana tidak kenal biasa.
- 5166      Api-api pangkalan tarap,  
               Pucuk meluncur dari Labuan;  
       Laki-laki jangan diharap,  
               Bijak memujuk si perempuan.
- 5167      Asalkan kapas Subahan Allah,  
               Asap mari titi meniti;  
       Tuanlah mati dipanggil Allah,  
               Mayat di rumah akan ditangisi.
- 5168      Asam kandis asam geligir,  
               Taruh mari di dalam dulang;  
       Mulutnya manis diluar bibir,  
               Manis tidak sampai jua ke tulang.
- 5169      Asam pauh gelinggang batu,  
               Anak sembilang di tapak tangan;  
       Meskipun jauh di Balai Satu,  
               Hilang di mata di hati jangan.
- 5170      Asam pauh asam pulasan,  
               Ketiga bambangan balu;  
       Meskipun jauh berkirim pesan,  
               Pesan jangan dibuang lalu.
- 5171      Asam pauh asam pulasan,  
               Anak gembala bertarik tali;  
       Adik jauh kami berpesan,  
               Jangan lama tidak ke mari.
- 5172      Asam pauh asam kelumbi.  
               Hanyut ke laut timbul tenggelam;  
       Ini rasa mengenang budi,  
               Rumah jauh hari pun malam.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5173 Asap api membakar embun,  
Rendang lada disimpul pulih;  
Kalau kaca tangkainya embun.  
Pandang ada ambil tak boleh.
- 5174 Assalamualaikumlah salam,  
Sirih lipat pinang di dalam;  
Apa khabar bunga di kolam,  
Ada sekuntum kembang malam.
- 5175 Awang Dolah pandai meniti,  
Pandai meniti pandan mengkuang;  
Kerana tebu gula tak mati,  
Kerana semut gula terbuang.
- 5176 Ayam hutan terbang ke hutan,  
Tali tersangkut pagar duri;  
Adik bukan saudara bukan,  
Hati menyangkut kerana budi.
- 5177 Ayam putih manuk siapa,  
Kandis Melaka atas bumbung;  
Adinda putih anaklah siapa,  
Dimanis matanya seberuntungan.
- 5178 Ayam putih manuk siapa,  
Gadis Melaka atas bumbungan;  
Tubuhlah putih anak siapa,  
Manislah mata si peruntungan.
- 5179 Ayonglah si kunang-kunang,  
Ia beranama si bunga pinang;  
Rosaklah di laut bolehus renang.  
Rosak di hati tidakku senang.
- 5180 Baik-baik memancing ikan,  
Terdapat ikan parangan;  
Baik-baik memilih intan,  
Jangan terpilih batu karangan.

PANTUN SABAH

- 5181 Baiklah baik memincang payung,  
Naik ke lampau memukul gendang;  
Kalau sudah hatiku hayung,  
Rugi sedikit mana dipandang.
- 5182 Baiklah baik menutuk jati,  
Biarku rapi menumpangku jangan;  
Baiklah baik mencari ganti,  
Untunglah kamu suratan badan.
- 5183 Balu hitam kancingnya tujuh,  
Pakaian orang sanggul melintang;  
Kalau tuan hatinya sungguh,  
I kut saya dari belakang.
- 5184 Baju hitam kancingnya tujuh,  
Berikat kain di pinggang;  
Kalau tuan berhati sungguh,  
Boleh ikut kami dari belakang.
- 5185 Bangun malai bangunlah bungaku,  
Bangun puasa bulan Ramadan;  
Hilang bunga hilang di pangkuanku,  
Bungaku wujud sepanjang badan.
- 5186 Banting-banting tumbuhlah damit,  
Disukat bahagian panjang;  
Pengantin lagi damit,  
Ibu bapanya akan menentang.
- 1587 Banyak biji buah nangkaku,  
Intan permata jatuh di lubang;  
Dendam rindu sebut namaku,  
Air mata jangan dibuang.
- 5188 Banyak orang bergelang tangan,  
Saya seorang bergelang kaki;  
Berapa banyak bunga di taman.  
Bunga mana idaman hati.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5189 Banyak rakit dari senibung,  
Hendak titian pergi ke paya;  
Sudah kuikat lagi kusambung,  
Terputus lagi apakan daya.
- 5190 Banyak simpang bersimpang-siur,  
Jalan yang mana tempat berhenti;  
Aku melimpang bukannya tidur,  
Hanya menenang di dalam hati.
- 5191 Banyaklah tamu perkara tamu,  
Tidak sama bertemu Matusin;  
Ilmu-ilmu perkara ilmu,  
Tidak menyama ringgit dan sen.
- 5192 Banyaklah orang bergelang tangan,  
Saya seorang bergelang kaki;  
Banyaklah orang mengata senang,  
Saya seorang susah hati.
- 5193 Barangkali pandan berbuah,  
Hanyut ke laut beriring-irang;  
Barangkali badan bertuah,  
Hanyut ke laut dampar ke sireng.
- 5194 Barat Daya kencang semalam,  
Tongkat patah titian roboh;  
Apalah daya bujang semalam,  
Mengembang bunga di wajahnya subuh.
- 5195 Batang buruk batang tenggelam,  
Kalamunting tumbuh di pintu;  
Ke sana kami sekarang malam,  
Pasik dinding buka di pintu.
- 5296 Batu Belah Batu Bertangkup,  
Tangkupnya mari Ulu Mandian;  
Dicuba Allah tidak takut,  
Takutku lagi tanpa janjian.

- 5297     Bawa baylor pisang emas,  
               Masak sebiji di atas peti;  
       Boleh dibayar hutanglah emas,  
               Hutang budi dibawa mati.
- 5298     Baylor dari Mengurung,  
               Patah tiang layang-layangan;  
       Sudah mendapat bunga tempisung,  
               Akan dibuang sayang-sayangan.
- 5299     Beli tin ke Kota Batu,  
               Kelapa muda tidak berminyak;  
       Sudah miskin dagang piatu,  
               Minta kasihan orang banyak.
- 5200     Benang bertali,  
               Anak putu dikasi makan;  
       Teguh-teguh memegang janji,  
               Seperti paku lantak dipapan.
- 5201     Bengkudu masak di hutan,  
               Dipatuk punai gumbali;  
       Belum duduk belum suratan,  
               Mana bertemu sama sekali.
- 5202     Berapa banyak bintang di atas,  
               Aku hitung lima ribu lima;  
       Apa pembujuk hatimu dayang,  
               Hati dayang tidak menerima.
- 5203     Berapa jauh tanah Palembang.  
               Tepatlah burung pulang berhenti;  
       Berapa jauh adinda datang,  
               Mendengar tuan ada di sini.
- 5204     Berapa jauh negeri Limbang,  
               Datanglah burung pulang ke mari;  
       Berapa jauh duduku bertimbang,  
               Datang juga berkepit jari.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5205 Berapa tinggi si matahari,  
Anak kerbau mati tertambat;  
Lama sudah kami mencari,  
Baru ini masa mendapat.
- 5206 Berapa tinggi Bukit Malingan,  
Sama bertimbang Bukit Berjaya;  
Kalau sudah musimnya hujan,  
Tidak keras bukit di paya.
- 5207 Beras pulut bercampur padi,  
Laksamana memanah dulang;  
Di mulut sedih di hati,  
Belum ada anak seorang.
- 5208 Bercincin di jari manis,  
Hendakku simpan di dalam peti;  
Adik-adik tunduk menangis,  
Mari kita bersama mandi.
- 5209 Bergelang satulah sebelah,  
Dibawa mari memancing ikan;  
Jika tidak takutkan Allah,  
Badan dan nyawa saya serahkan.
- 5210 Berkokok ayam di lanting,  
Menyahuti ayam di paya;  
Makan pinang sirih digunting,  
Dikepit juga sama suara.
- 5211 Bersigup tidak kupandai,  
Baranya jatuh ke lantai;  
Kasih mengejut tidak kupandai,  
Ibarat angin tiup selesai.
- 5212 Bersigup tidak kupandai,  
Siguplah mari pinsaran daun;  
Kasih mengaju tidakku pandai,  
Kasih bermain beribu tahun.

- 5213 Bersilat kami tidak kupandai,  
Siraung kami berdiri duduk;  
Kasih menahun tidaklah kupandai,  
Kasih kami seumur hidup.
- 5214 Bertali jalan Gumantong,  
Kalakati rendam di paya;  
Putus hati rasa bergantung.  
Orang benci apakan daya.
- 5215 Bertandan mendua tandan,  
Rasa tandan tidak berisi;  
Harum benar si bunga pandan,  
Lekat di tangan kami tangisi.
- 5216 Berteriak burung di rimba,  
Parak bertagur di hujung kayuan;  
Anjong perak layar kesumba,  
Seperti pungguk merindu bulan.
- 5217 Bertiti di batang lurus,  
Turun tanah mahu berkebun;  
Pulau hilang permata timbus,  
Mungkinkah ganti dengan mustika embun.
- 5218 Bertolak dari Sindumin,  
Kiri kanan pisang melaka;  
Saya bertanya orang yang mukmin,  
Apakah erti berpandang mata.
- 5219 Bertolak dari Mesapol,  
Mari menuju pergi Labuan;  
Apa manis gula sepikul,  
Manis lagi dindamu tuan.
- 5220 Bertolak daari Kimanis,  
Belayar angin utara;  
Berhadapan mulutnya manis,  
Lain belakang lain bicara.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5221 Bertolak dari Brunei,  
Sarat bermuat Sikurimata;  
Kalau terkena tampang serunai,  
Mengharap jua sebiji mata.
- 5222 Bertolak mari darilah punggul,  
Mari menuju kualalah palang;  
Hati di mana tiadalah sugul,  
Melihat tuan berbantal lengan.
- 5223 Beruntung merapat kaban,  
Akan perapat bunga angerik;  
Kalau untung suratan badan,  
Dapat bertukar bangsa yang baik.
- 5224 Besar kayu dua pemeluk,  
Hendak ditebang berdiri duduk;  
Kalau tidak panjang penjolok,  
Mana mendapat bunga yang elok.
- 5225 Besarlah kapal di pulau itu,  
Keluar asap bertambun-tambun;  
Kembanglah bunga di taman datu,  
Bertangkai kaca berdaun embun.
- 5226 Bintang timur bintang tembaga,  
Anaklah punai melata-lata;  
Aku tidur malam terjaga,  
Tuan seorang di mata-mata.
- 5227 Bintang tujuh tinggal enam,  
Jatuh sebiji ke Majapahit;  
Sakit tubuh bercampur demam,  
Datang tuan barulah balik.
- 5228 Biola bertali empat,  
Digesel orang Semarang;  
Anak dagang tak bertempat,  
Mencari di rantau orang.

- 5229 Biola tali sepuluh,  
           Putus satu tali tembaga;  
           Angkat tangan jari sepuluh,  
           Angkat bunga atas kepala.
- 5230 Bismillah mulalah dikarang,  
           Syairlah pantun sajanya kurang;  
           Laksamana mana kainlah jarang,  
           Tidak boleh pula dibagi orang.
- 5231 Buah keranji buah berangan,  
           Berangan tidak berbunga tinggi;  
           Berjanji berjabat tangan,  
           Kusangka tidak berubah lagi.
- 5232 Buah padi selasih dulang,  
           Menumpang mari ke Jawa saja;  
           Buah hati kekasih orang,  
           Kami menumpang ketawa saja.
- 5233 Buah padi masak sepenggal,  
           Mari diketam anak Melayu;  
           Buah hati selamat tinggal,  
           Bukanlah kami membuang lalu.
- 5234 Buah padi masak bersantar,  
           Diberi oleh Raja Belanda;  
           Tujuh hari mayat terlantar,  
           Menanti ubat bawaan adinda.
- 5235 Buah pauh di atas batang,  
           Sayang cermai di atas batu;  
           Tuan jauh ke mari datang,  
           Meramai akan kampungku.
- 5236 Buah pauh buah bidara,  
           Jatuh sebiji di atas peti;  
           Tuan jauh jadi saudara,  
           Bila dekat si jantung hati.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5237 Buah putat kukata ulam,  
Bukanlah ulam kulari pulang;  
Adinda pucat kukata demam,  
Bukannya demam di hati yang pulang.
- 5238 Buahlah padi terjuntai-juntai,  
Terjuntai-juntai di pokok tiang;  
Buah hati intan kumalai,  
Aku mengenang malam dan siang.
- 5239 Buang batu timbul kelapa,  
Banyak udang di Pasir Mayang;  
Buang satu tidak mengapa,  
Banyak orang kasih dan sayang.
- 5240 Buat rumah berdinding papan,  
Papan Jawa empat persegi;  
Bila taerkenang tengah makan,  
Air mata jatuh ke nasi.
- 5241 Bukan benar bangsa Yahudi,  
Dia benar kafir melaun;  
Jika terkenang seribu budi,  
Tidakku kenang seribu tahun.
- 5242 Bukan bukit saja meruntuh,  
Bamban serai meruntuh juga;  
Bukan penyakit saja membunuh,  
Gila berahi membunuh juga.
- 5243 Bukan gambus gila di pekan,  
Melagui hendak berpantun;  
Bukan bagus kami gilakan,  
Akal dan budi yang dialu-alukan.
- 5244 Bukan jagung sebaranglah jagung,  
Kacang melilit di batang aru;  
Bukannya datang sebarang kampung,  
Datang menghibur hati yang baru.

- 5245 Bukan jua bukit meruntuh,  
Bemban perbaik meruntuh jua;  
Bukan penyakit saja membunuh,  
Cinta dan kasih membunuh jua.
- 5246 Bukan kacang sebarang kacang.  
Kacang melilit di pohon aru;  
Bukan datang sebarang datang,  
Datang menengok pengantin baru.
- 5247 Bukan lonteng perkara lonteng,  
Lonteng datang dari Labuan;  
Bukan runding perkara runding,  
Runding biasa potong haluan.
- 5248 Bukanlah kami membanting gambus,  
Kami membanting tali kodian;  
Bukannya kami mencari bagus,  
Kami mencari si keramaian.
- 5249 Bukanlah padi masak berhimpun.  
Dimasak mari santan kelapa;  
Walau kumati ditembak Jepun,  
Kerana adinda tidak mengapa.
- 5250 Bukit runtuh sehari semalam,  
Kayu terlepas beribu ratus;  
Sauhnya putus kapal menelam,  
Harapan kami jangan diputus.
- 5251 Bunga kulat tepian kain,  
Buahku padi dijagung dulang;  
Kapal bertolak ingin bermain,  
Buah hatinya di kampung orang.
- 5252 Bunga malai jatuh ke laut,  
Digulai itik bersama laksa;  
Apa soal tidak disahut.  
Sungguhlah bijak belum dewasa.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5253 Bunga mentimun panjang sejengkal,  
Mari digulai denganlah bijinya;  
Tibalah ribut lautan besar,  
Kapal berlenggang dengan isinya.
- 5254 Bunga pandan meniti pudak,  
Pudak di titi kayu berdiri;  
Bunga tinggi penjolok butak,  
Jikalau sudi jatuh sendiri.
- 5255 Bunga pandan jauh ke tengah,  
Pulau Sari bercabang dua;  
Buruk badan dikandung tanah,  
Budi baik dikenang juga.
- 5256 Bunga rampai si bunga jagus,  
Anak itik nanang-nanangan;  
Kalau sampai alangkah bagus,  
Tidak menjadi kenang-kenangan.
- 5257 Bungalah melur kembang setangkai,  
Taruhan mari di lipatan kain;  
Jikalah benar adik memakai,  
Janganlah adik ingat yang lain.
- 5258 Bungalah tanjung dari udara,  
Memakaiku cincin permaisuri;  
Jikaku terkandung dalam perkara,  
Tidak kukunci memangku diri.
- 5259 Burung haji terbang ke haji,  
Tapak Sulaiman di bawah tangannya;  
Jika adinda mengubah janji,  
Melungsur iman dari badannya.
- 5260 Burung terkukur terbang seratus,  
Hinggapnya mari di kayu jati;  
Diukur serta dipirus,  
Kandaku jangan berjauh hati.

- 5261 Burunglah nuri terbang di awan,  
           Hinggap mari di kayu jati;  
           Hatinya rindu kepada kawan,  
           Rinduku jua separuh mati.
- 5262 Cabuk manis dua setangkai,  
           Olehku membeli di kedai Cina;  
           Mulutmu manis sedang kau pakai,  
           Banyaklah yang sudah orang terkena.
- 5263 Cabuklah cabuk bertali umbai,  
           Bekasnya umbai bertali purun;  
           Adik ditabuk sedang melambai,  
           Kalau sudi ke mari turun.
- 5264 Cancang rebung saya kunyiti,  
           Anak sumbilang terayap-rayap;  
           Tantang gunung saya tangisi,  
           Akan terbang tidak bersayap.
- 5265 Changkuk manis dua serungah,  
           Taruh dalam tembakau;  
           Mulut manis bicara mudah,  
           Perkara indah cepat berlaku.
- 5266 Cermin damit kami mulanya,  
           Ditangkap ketam patah kaki,  
           Mulanya kamilah yang punya,  
           Sudah sekarang lain ganti.
- 5267 Cincang rabung saya kunyiti,  
           Anak sumbilang mati di tangan;  
           Intan segunung saya tangisi,  
           Hilang di mata di hati jangan.
- 5268 Cina bukan Melayu bukan,  
           Tuan haji mudi ke Senan;  
           Sekerat buah sudah kumakan,  
           Tak lagi jadi kempunan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5269 Cincin patah cincin permata,  
Sayang gadaran putus talinya;  
Makan lawa makin tercinta,  
Dengar-dengaran bunyi-bunyinya.
- 5270 Cu pandan anak bumbunnya,  
Hendak menyerang pergi Melaka;  
Sebentuk cincin permata bunga,  
Untuk sebagai cahaya mata.
- 5271 Dalam peti buah pauh,  
Angung-angung bertali benang;  
Buka topi pemalit peluh,  
Perca tidak ada di tangan.
- 5272 Dang empat berjalan-jalan,  
Jalan-jalanku ke rumah;  
Air matakku tumpah di jalan,  
Mengenang badanku terlalu murah.
- 5273 Dari Aceh perang Belanda,  
Belanda banyak beribu-ribu;  
Cerailah kasih kepada kanda,  
Dindalah jangan mata bankudu.
- 5274 Dari Beaufort pegi Jesselton,  
Tempat injin berlari-lari;  
Jika terluput permata intan,  
Di manakah tempat kami mencari.
- 5275 Dari Beaufort pergilah Lumadan,  
Selalu ingin bertukar ganti;  
Kalau terluput nyawalah di badan,  
Barulah boleh adik mengganti.
- 5276 Dari dahulu Jawa Semarang,  
Ungai-ungai di atas bukit;  
Macam dahulu juga sekarang,  
Tidak berbeza barang sedikit.

- 5277 Dari dahulu cermin Cina,  
           Sudah sekarang patah gantinya;  
      Dari dahulu kami yang punya,  
           Sudah sekarang tuan yang punya.
- 5278 Dari jauh nampakku menjala,  
           Habis hutan dimakan api;  
      Adinda tuan mula kugila,  
           Siang kuterbayang malam kutermimpi.
- 5279 Dari jauh bermalam datang,  
           Tetak sangkar pancung kemudi;  
      Darilah jauh kamilah datang,  
           Mendengar tuan baik budi.
- 5280 Dari Labuan hendak ke Kemabung,  
           Hendak menuju pergi Kemboja;  
      Jika sudah terkata langsung,  
           Mahal dari murah ikut harga.
- 5281 Dari mana pungguk menali,  
           Benang setungkul dibahagi lima;  
      Lama sudah kami menanti,  
           Padang belukar menjadi rimba.
- 5282 Dari mana hendak ke mana,  
           Tinggi rumput dari padi;  
      Bulan mana tahun yang mana,  
           Tidak luput di dalam hati.
- 5283 Dari mana hendak ke mana,  
           Tinggi rumput dari padi;  
      Bulan mana tahun mana,  
           Kasih kupeluk masih di hati.
- 5284 Dari pauh ular berenang,  
           Hanyut sampah berisi bunga;  
      Dahulu jauh maka terkenang,  
           Sudah hampir tidak berguna.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5285 Darilah batang mulai bunga,  
Dari bunga mula daun;  
Dari datang mula kerana,  
Rindu berkurung seribu tahun.
- 5286 Darilah pauh bandar mendatang,  
Tetaklah sampan pancung kemudi;  
Darilah jauh tuan datang,  
Kerana tuan hadir di sini.
- 5287 Datang sudah kapal Suluk,  
Singgah merapat kastam Sandakan;  
Berapa tinggi bunga dijolok,  
Baik budi mendapatkan.
- 5288 Datanglah sudah kapal Surati,  
Pasang bendera setengah tiang;  
Datanglah sudah si jantung hati,  
Bulanlah terang disangka siang.
- 5289 Datanglah sudah kapal Sentubung,  
Masuklah mari Bukit Kanibung;  
Mahallah beras murahlah ambolong,  
Allah jua lagi bertolong.
- 5290 Daun terap di atas bukit,  
Tempat menggantung buah pala;  
Harapnya kami bukan sedikit,  
Sebanyak rambut atas kepala.
- 5291 Daun terap di ataslah bukit,  
Kapallah menyamun dualah batang;  
Jadi kenangan bukanlah sedikit,  
Darilah dulu sampai sekarang.
- 5292 Daun terup sisip di dinding,  
Sanalah sini hujung gagangnya;  
Jangan diharap sepet menyinding,  
Sanalah sini tuju tantangnya.

- 5293 Daun terup di ataslah bukit,  
           Kapallah menyamun dualah batang;  
           Jadi kenangan bukanlah sedikit,  
           Darilah dulu sampai sekarang.
- 5294 Dayang Anuman minta dibunuh,  
           Dibungkus dengan peraca palang;  
           Kalau tidak berhati sungguh,  
           Jangan merebut kekasih orang.
- 5295 Dayang Aspah anak Nualam,  
           Mengembangku bunga kembang tuli;  
           Ada panasnya bertengah malam,  
           Turun embun bertengah hari.
- 5296 Dayang berkayuh ke Sungai Lampai,  
           Rasaku kepenatan ke jari-jari;  
           Jika niat tidak sampai,  
           Sia-sia sahaja datang ke mari.
- 5297 Dayang ke laut merencong kolam,  
           Kolam direncong empat persegi;  
           Tengah laut kuterdapat kolam,  
           Kolam berharga sebuah negeri.
- 5298 Dayang Lampai membanting gabus,  
           Air di laut tenang-tenangan;  
           Jika sampai alangkah bagus,  
           Tidak menjadi kenang-kenangan.
- 5299 Dayang Lamit bertudung merah,  
           Dibeli di kedai Jawa;  
           Panjang damit bajunya merah,  
           Di sana tempat terbuang nyawa.
- 5300 Dayang menyuci kain putih,  
           Setengah cuci sabun pun hilang;  
           Tuan berbudi saya pun kasih,  
           Setengah kasih direbut orang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5301 Di mana bintang di mana bulan,  
Sama sahaja terang keduanya;  
Di mananya tunang di mana bukan,  
Sama sahaja lenggang keduanya.
- 5302 Di mana kepayang yang gugur,  
Dengar akan bunyi labuknya;  
Di mana si dayangku tidur,  
Dengar akan bunyi jua batuknya.
- 5303 Di sini rumput di sana rumput,  
Rumput bernama pudak Melaka;  
Di sini luput di sana luput,  
Baru bernama badan celaka.
- 5304 Di waktu panas ketika rembang,  
Hujan ribut awan dan mega;  
Penglipur lara penawar timbang,  
Ingatan abang tidak dua tiga.
- 5305 Dibuang akan ke tengah laut,  
Dipungut oleh raja Maiskol;  
Halus pinggangnya bagai diraut,  
Rambutnya panjang hujung bersimpul.
- 5306 Dibungkus jangan peraca palang,  
Mari ditaruh di atas peti;  
Jangan merebut kekasih orang,  
Kalau tiada tempat di hati.
- 5307 Disandarlah batang tabungku,  
Batang katir berduri-duri;  
Didengar akan bunyi pantunku,  
Tidak terfikir badan sendiri.
- 5308 Dua kali jagung berbuah,  
Melilit mari batang padi;  
Tidak kutakut terkena marah,  
Syukur kudapat si jantung hati.

- 5309 Dua kali landak memanah,  
Terkena pula buah durian;  
Dua kali turun ke tanah,  
Bertemu mulut kita janjian.
- 5310 Duhai Adi mari ke mari,  
Lipat kajang mengemaskannya;  
Kalau adik menanti kami,  
Cari kijang bertanduk gangsa.
- 5311 Gajah mina hitam di laut,  
Tujuh hasta panjang gading;  
Halus pinggangnya bagai diraut,  
Susahkan cari bakal banding.
- 5312 Gamat-gamat menikam gamat,  
Hendak menuju ke Singapura;  
Mudah-mudahan hidup selamat,  
Syukurlah sampai mati berdua.
- 5313 Gayung gendang pecah balai,  
Kusembah mari raja Cendana;  
Kamu dendam datang ke mari,  
Kami tak boleh datang ke sana.
- 5314 Gelaga batung gelaga surak,  
Ambil bekita berpangkat-pangkat;  
Ribut sekampung zaman darurat,  
Rasa menteri berebut pangkat.
- 5315 Gendang ada tamburnya tidak,  
Bunyinya mari arak-arakan;  
Baik benar berbuat tidak,  
Dendam rindu boleh dibacakan.
- 5316 Gilang-gilang di rumput jangan,  
Merapat di tanah tinggi;  
Barang hilang dituntut jangan,  
Intan permata boleh diganti.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5317 Gilo-gilo layar ke Jintan,  
Jintan menuju pulau di laut;  
Puan yang elok bergigi hitam,  
Halus pinggangnya bagaikan diraut.
- 5318 Gulai kangkung gulai gumbiling,  
Sayang kucai berkudut-kudut;  
Amunku batah tinggal seorang,  
Kampung usai menjadi kukusut.
- 5319 Gununglah Balu Selatan Balu,  
Janganku saja angin utara;  
Dulu ia mau sebentar pun mau,  
Jangan kupaksa pening kepala.
- 5320 Hai bakulan kayu bakulit,  
Permata sayangku adinda berjungkunglah-jungkung;  
Saya kasian dipadangku sulit,  
Mari makan di dalam kerongkong.
- 5321 Hai berkayuh ke Sungai Panjang,  
Di sana urusan berhari-hari;  
Minta doa umur panjang,  
Kalau berjumpa terkenang lagi.
- 5322 Hai mana si pisang jantung,  
Akan dimasak santan kelapa;  
Kalau saya mati bergantung,  
Kerana tuan tidak mengapa.
- 5323 Haji-haji berbaju jubah,  
Sembahyang dalam perahu;  
Tuan berjanji tidak berubah,  
Bulan di atas dimakan rahu.
- 5324 Hanyut bersepah tempurung,  
Basahlah tangan tersiram santan;  
Ingin-ingat ayam berkurung,  
Helang bermain di tengah halaman.

PANTUN SABAH

- 5325 Hanyut-hanyut makan belunut,  
Hanyut sampai ke dalam bayan;  
Duduk rambang makan tak pungut,  
Anak dara di Palimbayan.
- 5326 Harap-harap kelapa puan,  
Sudah puan kelapa Bali;  
Sudah harap kepada tuan,  
Sudah tuan siapa lagi.
- 5327 Hari Ahad minggu Belanda,  
Kapitan Cina bergelang kaki;  
Cuba ditanya pengubat lama,  
Bolehkah tidak kembali lagi.
- 5328 Hari Khamis rajangnya rahu,  
Ditiup angin luruh bunganya;  
Adik seorang saya yang rindu,  
Orang yang lain apa gunanya.
- 5329 Hari-hari turun ke gua,  
Sarat membawa buah-buahan;  
Hari-hari mintakan doa,  
Lekas bertemu mudah-mudahan.
- 5330 Harilah ini hari minggu,  
Tempat orang bersabung ayam;  
Lama sudah kita menunggu,  
Yang berat sekali tinggal senyum.
- 5331 Helang laut helang jambangan,  
Helang di darat mematuk padi;  
Kalau diikut mata rimbangan,  
Sama berat baru menjadi.
- 5332 Helang menyambar burung udara,  
Singgah menyambar gelugut batang;  
Hilang budi lenyap bicara,  
Kasih menjulung bencana datang.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5.333 Hendak menyambung tali rawaiku,  
          Akan kumakan sembilang api;  
Malas memakai kepandaianku,  
          Takut kucerai orang berlaki.
- 5.334 Hisap sigup tembakau Cina,  
          Keluar asap berbunga-bunga;  
Jangan marah abang bertanya,  
          Bunga di taman siapa punya?
- 5.335 Hujan lebat perigi penuh,  
          Kapal besar dari muara;  
Kalau tak dapat si buntar penuh,  
          Biar kumatil berbuang nyawa.
- 5.336 Hujan mari pebadik tumbuh,  
          Tidak mencabut selasih dulang;  
Kalau tidak berani sungguh,  
          Mana merebut kekasih orang.
- 5.337 Hujan ribut mencuci kain,  
          Belum kering bertolak ke tanah;  
Bila tuan sedang bermain,  
          Kamilah pula kena fitnah.
- 5.338 Hulur dayung tarik dayung,  
          Papat rumput sama ratanya;  
Tuan pulang berkembang payung,  
          Kami tinggal galak rasanya.
- 5.339 Ibarat makanan sudah sedia,  
          Hendak kumakan tidak berdaya;  
Baik kusambar dengan upaya,  
          Takutku kepada Tuhan yang kaya.
- 5.340 Ikan belais boleh menyalak,  
          Kutaruh mari dalam tempurung;  
Hendak menangis bukan kubudak,  
          Akan terbang bukanku burung.

- 5341 Ikan sepat ikan muara,  
Anak itik di pinggir kali;  
Meminta maaf pada saudara,  
Kesilapan besar sama sekali.
- 5342 Illahi-Illahi Azizul Rahman,  
Tersebut kisah orang beriman;  
Di dalam kubur terlalu nyaman,  
Datang malaikat membawa firman.
- 5343 Illah-Illahi Azizul Gafur,  
Nungkar-Nangkir datang memangkur  
Tulang dan isi menjadi kapur.  
Itulah seksa di dalam kubur.
- 5344 Inderagiri pasirnya lumat,  
Karang bercampur dengan lokan;  
Sebagai Nabi kasihkan umat,  
Begitu saya kasihkan tuan.
- 5345 Iderawan batangnya putih,  
Batang selasih tidak berbunga;  
Bawah awan di langit putih,  
Tuan berjanji tidak melupa.
- 5346 Indung kunyit pemanggang ayam,  
Ketupat nasi berisi inti;  
Dunia sengat alam tenggelam,  
Belum dapat jangan berhenti.
- 5347 Ingai puan ingai selasih,  
Ingati kembagau berambu-rambu;  
Tinggal tuan tinggal kekasih.  
Ada hayat baru bertemu.
- 5348 Ini rasa asam kelumbi,  
Jatuh di laut timbul tenggelam;  
Ini rasa mengenang budi,  
Rumah pun jauh hari pun malam.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5349 Intan dingin isinya dingin,  
Dingin tidak berbau lagi;  
Puan ingin tiada ingin,  
Ingin tiada baharu lagi.
- 5350 Isi mengisi dalam celapa,  
Hendak berisi haruman padi;  
Kalau sekali tidak mengapa,  
Jangan sahaja mendua kali.
- 5351 Jalan lurus bersambung tidak,  
Sambungnya terus ke Delima Batu;  
Abang jauh bertemu tidak,  
Adik jauh yang mana satu.
- 5352 Jalan lurus bersambung tidak,  
Sambungnya terus ke Delima batu;  
Abang jauh bertemu tidak,  
Adik jauh yang mana satu.
- 5353 Jalan-jalan di kaki lima,  
Bawalah pulang ikan gelama;  
Budi tuan sudahlah diterima,  
Jadikan hutang selama-lamanya.
- 5354 Jelatuk burung jeladan,  
Burung terkukur terbang tinggi;  
Sama patut samanya padan,  
Mari diukur samanya tinggi.
- 5355 Jambangan tumbuh di besen,  
Akan dihantar Si Raden Galuh;  
Sapu tangan saya membikin,  
Pohon akan pemalit peluh.
- 5356 Jangan diharap pauh panji,  
Pauh concong ke barat;  
Jangan diharap kepada janji,  
Sauh besi lagi berkarat.

- 5357 Jangan diharap kelapa puan,  
          Kelapa puan kelapalah Bali;  
Jangan diharap adinda tuan,  
          Makanya tuan siapa lagi.
- 5358 Jangan disingkap tabir luanga,  
          Raden Galuh bersila panggung;  
Jangan diturut hati dahaga,  
          Sopan didapat malu ditanggung.
- 5359 Jangan disumput pelanduk kami,  
          Pelanduk kami sudah berpagar;  
Jangan diikat si pantun kami,  
          Pantun kami baru belajar.
- 5360 Jantung pisang jangan dipatah,  
          Jika patah binasa isi;  
Jantung hati badan bertuah,  
          Menyelamatkan kamu yang akan pergi.
- 5361 Jauh-jauh kami datang,  
          Jintan selasih dimasak minyak;  
Tuan jauh ke mari datang,  
          Terima kasih banyak-banyak.
- 5362 Jelatuk maharaja burung,  
          Hinggap di atas bunga selasih;  
Seribu tahun dendam berkurung,  
          Bilakah bertemu kekasih.
- 5363 Jika adinda makan gelagah,  
          Beri kami buku-bukunya;  
Jika adinda beranak tengah,  
          Bagi kami buku bungsunya.
- 5364 Jika hujan berderai-derai,  
          Turun monyet naik lembidbing;  
Tiga hari lama bercerai,  
          Sobok-sobokkan sebelah dinding.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5365     Jika tidak benih tumbuh,  
              Jangan dicabut selasih dulang;  
Kalau tidak berani sungguh,  
              Jangan direbut kekasih orang.
- 5366     Jika tuan memanting gambus,  
              Gambus dipanting si burung pingai;  
Bukan tuan memaksa bagus,  
              Kami memaksa budi perangai.
- 5367     Jurumudi pegang kemudi,  
              Nyiur bakul peninjau kerang;  
Bukan sebabnya tidak berbudi,  
              Jangan ketara kepada orang.
- 5368     Kacang-kacang sembarang kacang,  
              Kacang berlilit di batang haru;  
Bukan datang sembarang datang,  
              Datang melihat pengantin baru.
- 5369     Kain sarung bunga belais,  
              Dikandung-kandung cuci di kaki;  
Tunduk terkidum menyapa ikhlas,  
              Barulah sedap rasa di hati.
- 5370     Kain selendang kesumba murut,  
              Mari diikat rotan saga;  
Hati bimbang jangan diturut,  
              Biar ditantang jangan niaga.
- 5371     Kain tanjung kain pelikat,  
              Semua sudah dijahit enjin;  
Bunga berjunjung teguh berikat,  
              Tidak bergoyang dititiup angin.
- 5372     Kait-kait daun sepulih,  
              Daun sembingai nanang-nanangan;  
Baik-baik kamu yang mulih,  
              Kamu yang tinggal kenang-kenangan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5373    Kajang tuan kajang berlipat,  
            Kajang kami mengkuang layu;  
Datang tuan datang bertempat,  
            Datang kami terbuang layu.
- 5374    Kaju-kaju sembilan panjang.  
            Pulas-pulasan si daun kayu;  
Tujuhlah tahun sembilan bulan,  
            Ingat-ingatan datanglah selalu.
- 5375    Kalau ada kacang di pintu,  
            Daun dedap di atas peti;  
Kalau ada cakap yang tentu,  
            Alangkah sedap rasa di hati.
- 5376    Kalau ada kacang di pintu,  
            Daun dedap di atas peti;  
Kalau ada cakap yang tentu,  
            Alangkah sedap rasa di hati.
- 5377    Kalau bukan kerana kunci,  
            Di mana peti mahu dibuka;  
Jika bukan kerana budi,  
            Di mana kami hatilah suka.
- 5378    Kalau kacang di pintu,  
            Daun dedap pembungkus nasi;  
Kalau ada cakap yang tentu,  
            Alangkah sedap rasa di hati.
- 5379    Kalau ketiti dari seberang,  
            Batang mancis membakar badan;  
Alak hati siapa kian melarang,  
            Siapa tah kian dapat menahan.
- 5380    Kalau kita memakai kain,  
            Kain dipakai baju kebaya;  
Apa guna mencari lain,  
            Baik cari kepada saya.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5381 Kalau mandi bawa kumandi,  
Mandi adinda dalam telaga;  
Jika mati bawa kumati,  
Mati saya dalam syurga.
- 5382 Kalau masak buah padiku,  
Sayang sendipak dibawa turun;  
Jikalah sudah datang hatiku,  
Adakan kutipak kubawa turun.
- 5383 Kalau tidak pasang pelita,  
Kalua tidak dengan sumbunya;  
Apa guna berpandang mata,  
Hati tidak dengan sungguhnya.
- 5384 Kalau tidak kerana kunci,  
Tidak terbuka pintu almari;  
Kalau tidak kerana budi,  
Manakan kami datang ke mari.
- 5385 Kalau tuan naik perahu,  
Anaklah Cina melipat kain;  
Kalaualah tuan ingin nak tahu,  
Kitalah bukan orang lain.
- 5386 Kalau tuan pergi ke Mekah,  
Saya berkirim biji petola;  
Kalau tuan selamat nikah,  
Kami menolong gesel biola.
- 5387 Kalau tuan pandai menyurat,  
Suratkan di kertas biru;  
Kalau tuan pandai mengubat,  
Ubatkan saya hati yang rindu.
- 5388 Kalaualah bukan kerana bulan,  
Masakan bintang terbit pagi;  
Kalau bukan kerana tuan,  
Manalah saya jadi begini.

- 5389    Kalaulah tuan naik perahu,  
            Sayang gelugur cabut di bawah;  
Kalau tuan ingin nak tahu,  
            Buahlah gajung biji di luar.
- 5390    Kambing bondan terkejut tidur,  
            Melintas angin selatan;  
Tengah malam bulan tergugur,  
            Tempat menilai permata intan.
- 5391    Kanan jalan kiri pun jalan,  
            Tengah-tengah pokok mengkudu;  
Pesan jangan berkirim jangan,  
            Sama-sama menanggung rindu.
- 5392    Kancingnya tujuh,  
            Mengecipuk air di dulang;  
Kalau Si Awang berhati sungguh,  
            Ambil sebiji dibawa pulang.
- 5393    Kapal api kapitan Jerman,  
            Teluk meneluk di Pulau Jawa;  
Hitam manis perubuh budiman,  
            Putihlah kuning pembalut nyawa.
- 5394    Kapal baluk bertiang tiga,  
            Dibawa masuk ke Pontianak;  
Bulan mabuk matahari gila,  
            Apa fikiran orang yang banyak.
- 5395    Kapal baru tembirang baru,  
            Baru sekali masuk Melaka;  
Tuan baru saya pun baru,  
            Baru sekali berjumpa.
- 5396    Kapal belayar dari Melati,  
            Hendak membawa barang tembaga;  
Pantun belayar lautan api,  
            Memang berani berbuang nyawa.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5397 Kapal belayar dari Mampakul,  
Hendak menuju Pulau Labuan;  
Sedang manis gula sepikul,  
Manis lagi mulutmu tuan.
- 5398 Kapal besar dua pemeluk,  
Ditebang berdiri duduk;  
Kalau tidak panjang penjolok,  
Manakan dapat bunga yang elok.
- 5399 Kapal besar dari Ayupah,  
Hendak menuju kapal Bintulu;  
Adik-adik jarang berjumpa,  
Belum ditegur terkidum dulu.
- 5400 Kapal Inggeris Kapten Jerman,  
Teluk meneluk di Negeri Jawa;  
Putih kuning merubah iman,  
Hitam manis merubah nyawa.
- 5401 Kapal sudah pergi belayar,  
Membeli padi gudang kompani;  
Bukanlah tunduk menahan sabar,  
Akanku berkata tidak berani.
- 5402 Kapal terbang berkipas empat,  
Putuslah terlepas tali kemudi;  
Habisku titik dalamku makrifat,  
Di mana tinggalnya si jantung hati.
- 5403 Kapas-kapas bertali benang,  
Lepas benang bertali kain;  
Sudah lepas jangan dikenang,  
Sama-sama mencari lain.
- 5404 Kawah kuali minta tudungi,  
Hendak berisi haruman padi;  
Kalau sekali kami ampuni,  
Jangan saja sekali lagi.

PANTUN SABAH

- 5405     Kayu ara di hujung balai,  
             Dituruni bulan puasa;  
Adinda tuan janganlah lalai,  
             Sudah tua badan binasa.
- 5406     Kayu jati melampung pukat,  
             Sayang belunuk tidak berdahan;  
Buah hati ke mari dekat,  
             Dendam rindu tidak tertahan.
- 5407     Kayu langla si laku-laku,  
             Rumahlah besar berlantak paku;  
Kalaualah tuan kasihkan aku,  
             Junjunglah sigup panjang sebuku.
- 5408     Ke bukit membeli mangkuk,  
             Mangkuk dibeli buah berangan;  
Sukar sulit burungkan masuk,  
             Burung biasa makan di tangan.
- 5409     Ke kedai membeli pulut,  
             Pulut dibeli di kaki lima;  
Alang-alang kasih di mulut,  
             Kasih di hati kami terima.
- 5410     Ke laut menyelam tiram,  
             Menimbul akan bulan padani;  
Hati tetap mulutnya diam,  
             Akan dicakap tidak berani.
- 5411     Ke laut mengambil lokan,  
             Burung tiung memanggil anak;  
Janganlah malu janganlah segan.  
             Samalah kita berdagang sanak.
- 5412     Ke seberang kami dahulukan,  
             Melihat jejati olongan kami;  
Berperang kami dahulukan,  
             Mana yang mati tanggungan kami.

- 5413 Kelapa menjadi santan,  
Asal santan menjadi minyak;  
Jika ada buah termakan,  
Burung liar menjadi jinak.
- 5414 Kencang-kencang angin timur,  
Belayar tanah seberang;  
Panjang-panjang engkau umur,  
Akan pembalas budi Si Dayang.
- 5415 Keranji buah berangan,  
Berangan tidak berbunga tinggi;  
Berjanji berjabat tangan,  
Kufikir tidak berubah hati.
- 5416 Kijang kuning di tengah belukar,  
Disalak mari anjing Belanda;  
Meski di dalam padang terbakar,  
Adik seorang aku tak lupa.
- 5417 Kinabalu bertangga peti,  
Ambil kumala di mulut naga;  
Kalau sudah paksa di hati,  
Mahal murah baik harga.
- 5418 Kinabalu bertanggalah peti,  
Ambil kumala di mulut naga;  
Jikalaulah sudah kehendak hati,  
Mahal dan murah turuti harga.
- 5419 Kinabalu bertangga peti,  
Ambil kumala di mulut naga;  
Jikalau sudah kata di hati,  
Tepian hidup terus dicuba.
- 5420 Kucinglah kurus menggarulah papan,  
Papan digaru kayu jati;  
Bukanlah kurus tiadalah makan,  
Kurus mengenang si jantung hati.

- 5421 Kuda kami dari Membakut,  
           Hendak mengejar Kinabatangan;  
       Kalau cik adik berterus takut.  
           Kita bertukar di tapak tangan.
- 5422 Kura-kura matiku tekan,  
           Kutekan mari jariku manis;  
       Pura-pura melagau makan.  
           Di dalam hatinya jua menangis.
- 5423 Kura-kura labi-labi,  
           Anak buaya mati berenang;  
       Pura-pura baru menjadi.  
           Kain sutera bercampur benang.
- 5424 Kurang bulat sembaya sakar,  
           Akan membubur si kacang gadung;  
       Tanah bersukat jangan diekar,  
           Kalau diekar siapa yang tanggung.
- 5425 Kurang kapur tambah cendana,  
           Burung punai atas keranji;  
       Kami juga akan bertanya,  
           Menunai akan segala janji.
- 5426 Labuan Bukit Nalasung,  
           Pandang jauh sayang-sayangan;  
       Pantun bunga dalam tempisung,  
           Akan kubuang sayang-sayangan.
- 5427 Labuan jambatan batu,  
           Tempat mengisi tudung pelikat;  
       Dari tuan dulu satu,  
           Nyawa di badan disimpan lipat.
- 5428 Labuan kedai Yahudi,  
           Dari Beaufort di kedai Cina;  
       Kalau tuan berhati sudi,  
           Bunga sekuntum dibahagi dua.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5429 Labuan tanahnya rata,  
Tempat berjalan enjin kereta;  
Tutup pintu buka jendela,  
Sana tempat berpandang mata.
- 5430 Labuan tanahnya rata,  
Anak ikan di paya dua;  
Jangan takut ibu dan bapa,  
Kalau jodoh kita berdua.
- 5431 Labuan tangga peranggi,  
Putus tembirang dipukul ombak;  
Akan naik ke gunung tinggi,  
Jatuh pula ke hutan semak
- 5432 Labuan tidak berbukit,  
Tempat menjemur buah pala;  
Maaf tuan bukan sedikit,  
Sebanyak rambut atas kepala.
- 5433 Labuan tidak berbukit,  
Adalah bukit di Batu Arang;  
Kenang tuan bukan sedikit,  
Darilah dulu sampai sekarang.
- 5434 Lain hulu lain pemarang,  
Buah bidara di atas bukit;  
Lain dahulu lain sekarang,  
Jauh beza bukan sedikit.
- 5435 Laju ajong terkikis-kikis,  
Si ambang-ambang si bunga kayu;  
Nombor satu mister Inggeris,  
Nombor dua cikgu Melayu.
- 5436 Laju-laju perahu laju,  
Laju akan ke Surabaya;  
Lupa kain dengan baju,  
Jangan lupa kepada saya.

- 5437 Laksamana memanah lontar,  
Lontar terus keempat puluh;  
Tuan laksana mayat terlantar,  
Melihat kumbangnya lekat di tubuh.
- 5438 Laksamana menabur durian,  
Buah belimbing terhentak-hentak;  
Tuan laksana buah durian,  
Di sana gugur sama melantak.
- 5439 Lama sudah kami menali,  
Ditali-tali tak mahu panjang;  
Lama sudah kami menanti,  
Yang dinanti tak mahu datang.
- 5440 Lama tuan tidak ke ladang,  
Habis padi dililit kangkung;  
Lama tuan tidak dipandang,  
Rasa putus mahligai jantung.
- 5441 Lambai-lambai di bawah batang,  
Mengembang bunga cempaka biru;  
Tuanku lambai serta datang,  
Tapi datangnya tersindu-sindu.
- 5442 Lari-lari anjing berlari,  
Mengejar burung angkasapuri;  
Sebelum kamu mengundur diri,  
Salam hormat kami sudahi.
- 5443 Layang-layang terbang melayang,  
Intan selasih di bawah batang;  
Kalau kasih bertambah sayang,  
Kalau sudi ke mari datang.
- 5444 Layar bertangkup Malimku tidur,  
Dibanguni oleh Tengali;  
Gelak rasaku akan mengundur,  
Air mata terasa kumandi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5445 Layong-layong bunyi rebana,  
          Gelaga batu mana isinya;  
Jika tahu sindir bertanya,  
          Langit bergantung mana talinya.
- 5446 Limau manis di paya lumpur,  
          Kutanam daun berjajar-jajar;  
Kenapa menangis di pintu kubur,  
          Lagi hidup tidak belajar.
- 5447 Limau purut limau sembawa,  
          Limau manis tibak-tibakkan;  
Akan turut tidak dibawa,  
          Tinggal menangis sidak-sidakkan.
- 5448 Limbai-limbai naik ke lampau,  
          Anak raja datang bersembah;  
Kalau sudah budi terlampaui,  
          Bukannya kurang makin bertambah.
- 5449 Lipat kain dikemas-kemas,  
          Ditaruh mari di atas peti;  
Baik hilang barang kemas,  
          Jangan kuhilang buah hati.
- 5450 Lontar terus keempat puluh,  
          Dibawa naik dalam istana;  
Bekas kumbang lekat di tubuh,  
          Baik bilang bersama-sama.
- 5451 Lotong-lotong bunyi rebana,  
          Layang-layang talinya benang;  
Kami bertanya pada kakanda,  
          Langit bergantung mana talinya?
- 5452 Macam-macam menunggang kuda,  
          Menunggang kuda di rumput buluh;  
Sapu tangan pakaian muda,  
          Pohon pemalit peluh.

- 5453 Makan pisang kelat-kelatan,  
Mari bedudan digudang kaca;  
Jangan kamu gelat-gelatan,  
Sama-sama saja kita biasa.
- 5454 Makan pinang ke mari-mari,  
Kurang kapur tambah cendana;  
Apa hajat tuan ke mari,  
Kami juga ingin bertanya.
- 5455 Makan tidak bertambahlah tidak,  
Makanlah sama di dalam peti;  
Bertemu tidak berpandang pun tidak,  
Rasa kiamat di dalam hati.
- 5456 Malam ini menggulai kangkung,  
Malam esok menggulai serai;  
Malam ini kita berkampung,  
Malam esok kita bercerai.
- 5457 Malam ini malam Selasa,  
Digulai itik sama angsa;  
Jika tidak cukup periksa,  
Harta habis badan binasa.
- 5458 Mana perginya si pisang jantung.  
Akan dimasak santan kelapa;  
Kalau saya mati bergantung.  
Kerana tuan tidak mengapa.
- 5459 Mangga masak mempelam manis,  
Makan mari tujuh hari;  
Bulan masuk bintang menangis,  
Takutlah tidak berjumpa lagi.
- 5460 Mari belayar darilah Mosong,  
Patahlah tiang layang-layangan;  
Sudah mendapat bunga tempisung,  
Mari dibuang sayang-sayangan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5461 Mari berkayuh Sungai Sindumin,  
Kiri kanan si bunga bamban;  
Kupilih-pilih orang yang mukmin,  
Tempat menaruh rahsia badan.
- 5462 Mari bertolak darilah punggul,  
Mari menuju di muara kami;  
Hati di mana tidaklah sugul,  
Melihat seorang anaklah kami.
- 5463 Mari mudik ke Hulu Limbang,  
Habis tubuh dimakan rangit;  
Hati di mana tidakkan bimbang,  
Menentang si panjang damit.
- 5464 Mari sayang mari padiku,  
Beras direndam setengah cawan;  
Aduhai Dayang buah hatiku,  
Rasa dendam setengah malam.
- 5465 Maritam berjunung kandis,  
Karamuning lebat bunganya;  
Tubuhlah hitam dipandang manis,  
Putihlah kuning banyak gunanya.
- 5466 Masak sudah asam paya,  
Tidak boleh dijolok lagi;  
Rosak sudah badan saya,  
Tidak boleh dipujuk lagi.
- 5467 Mastuli benang mastuli,  
Anak patu dikasi makan;  
Teguh-teguh memegang janji,  
Seperti paku lantak di papan.
- 5468 Mati itu terlalu sakit,  
Di dalam kubur terlalu sempit;  
Ular dan kala datang menggigit,  
Papan dan bumi datang menghimpit.

- 5469 Mualana Si Maulani,  
Kucing bubuk makan di pinggan;  
Mahu di sana mahu di sini,  
Seperti pungguk rindukan bulan.
- 5470 Maulana Si Maulani,  
Berlapik daun simpur;  
Abang di sana adik di sini,  
Anak kumbang dikandung tidur.
- 5471 Membangan masak bergantung,  
Mari dijolok Abang Berahim;  
Berkirim salam dipegang jantung,  
Berkirim surat direndam kain.
- 5472 Membawa tudung terendak,  
Berkayuh ke Sungai Labuk;  
Pergilah kasih sudah terpuruk,  
Haram sekali aku menyintuk.
- 5473 Mengaji Quran Istanbul,  
Lambat pandai di tengah hari;  
Kalau adinda berhati betul,  
Kasihlah abang cincin di jari.
- 5474 Mengetam padi dalam jerami,  
Angkut-angkut dalam almari;  
Kerana sudi akan kami,  
Kerana dijemput datang ke mari.
- 5475 Mengeting kaki mengeting betis,  
Seperti benang sudah diisi;  
Dipandang jauh cantikmu alis,  
Gambar adik terkenang hati.
- 5476 Mengkudu masak sepanggal,  
Dimakan burung garuda;  
Dayang duduk sepanggal,  
Ekor matanya ke mari juga.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5477 Meniti banir tumbuh,  
Mencabut selasih dulang;  
Kami tiada berani sungguh,  
Malai merebut kekasih orang.
- 5478 Menjadi pokok menjadi daun,  
Makan di dalam masaknya nasi;  
Begini rasanya cerai setahun,  
Cerai semalam rasanya mati.
- 5479 Menjerat kerbau jalang,  
Jerat ditahan sembilan mata;  
Sedang jinak ditatang abang,  
Tidak boleh ditangkap saja.
- 5480 Merabuk kita merabung,  
Atas rabung dipulak ambuk;  
Walau harum bunga kucubung,  
Kalau termakan memberi mabuk.
- 5481 Merambat tebing buantar,  
Rambat menyangkut di hujung galah;  
Barang ini barang latar,  
Di sana terantuk mencari balah.
- 5482 Merambat di tanah merah,  
Terambat pula ikan putihan;  
Tuan melihat buah rasau merah,  
Ketinggalan juga buah durian.
- 5483 Merambat di Tanjung Batu,  
Jangan terambat sampaian kain;  
Biar lambat syukurnya tentu,  
Jangan supaya ke orang lain.
- 5484 Merambat tebing Brunei,  
Rambat menyangkut di pokok sauh;  
Sedang liar si burunglah punai,  
Tiadalah boleh terbang jauh.

- 5485 Merambat tebang bertingkat-tingkat,  
           Rambat menyangkut di kaki sauh;  
           Sudah terlepas burung berikat,  
           Burung biasa terbang jauh.
- 5486 Merapuk satu kuala,  
           Lawas panglung nama negerinya;  
           Jika patut dengan bicara,  
           Biarlah terlelong badan dirinya.
- 5487 Merayut tidak bergubang,  
           Hanyut ke Kuala Tangir;  
           Bunga yang layu berbalik kembang.  
           Hilang penakut timbul berani.
- 5488 Merpati kayulah meranti,  
           Mari dirintis beri bertali;  
           Belum dapat belum berhenti,  
           Di dalam hati berani mati.
- 5489 Mingai puan mingai selasih,  
           Mingai kembayat pergi berlembu;  
           Tinggal tuan tinggal kekasih,  
           Ada hayat baru bertemu.
- 5490 Minum kopi di dalam gelas,  
           Jangan diletak di atas peti;  
           Bukan berbudi meminta balas,  
           Jadi kenangan di dalam hati.
- 5491 Minum kopi bercampur susu,  
           Kuranglah manis ditambah gula;  
           Siapa menipu kawan dan aku,  
           Kalau tak mati menjadi gila.
- 5492 Minumlah kopi tidak bergula,  
           Pahit-pahit diminum juga;  
           Jikalau sudah hati gila,  
           Jahat dan baik kutolong juga.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5493 Muara batu berumput,  
          Kelakati ilang gemilang;  
Suara saja terluput,  
          Dalam hati manakan hilang.
- 5494 Nanas paun tidak berduri,  
          Manisnya mari umpama gula;  
Panas setahun hujan sehari,  
          Perigi kering dalam semula.
- 5495 Nasi masak gulaian belum,  
          Menanti udang dari kuala;  
Dibongkar sauh belayar belum,  
          Menanti angin dari utara.
- 5496 Obor-obor digulai lemak,  
          Jintan selasih di bawah batang;  
Paya lumpur hutan pun semak,  
          Jikalau kasih silalah datang.
- 5497 Odak-odak Pulau Kuraman,  
          Tempat burung singgih berhenti;  
Hendak dijolok bunga di taman,  
          Belumlah dapat belum berhenti.
- 5498 Ogah-ogah di dalam bandul,  
          Batang kelupa dalam padinya;  
Sungguh-sungguh tiada padul,  
          Manakan lupa dalam hatinya.
- 5499 Oh bunga raja China,  
          Sama timbang bunga kemboja;  
Janganlah malu kami bertanya,  
          Cincin di jari siapa punya.
- 5500 Olok-olok si pekan-pekan,  
          Hari panas menjala udang;  
Kita bertolak kami berpesan,  
          Jangan lama di bandar orang.

- 5501     Orang Brunei pergi nelayan,  
             Memancing ikan di tengah laut;  
       Kita berdoa mudah-mudahan,  
             Sampai kita dapat berpaut.
- 5502     Orang Melayu mandi betangar,  
             Betangar mari kain kesumba;  
       Hutan kayu dapat digegar,  
             Ikan di sungai mati dituba.
- 5503     Orang penaik pinang seribu,  
             Akan kubuang ajong sebuah;  
       Lagi kecil dikandung ibu,  
             Sudah besar mencari tuah.
- 5504     Pagar ada bertemu tidak,  
             Buah segamat di dalam peti;  
       Berpandang ada bertemu tidak,  
             Rasa kiamat di dalam hati.
- 5505     Pagar buluh anginnya jarang,  
             Akan pemagar sapi jerasa;  
       Dalam sepuluh jarang seorang,  
             Hanya yang tahu menimbang rasa.
- 5506     Panah-palah kaulah rotan,  
             Panah mari burungku punai;  
       Menjadi tanah aku lautan,  
             Kamikan pindah Kampung Brunei.
- 5507     Pancung buluh pancung sepuluh.  
             Penjuluk mari sarang tebuan;  
       Unjukkan tangan jari sepuluh,  
             Meminta ampun padamu tuan.
- 5508     Pandan berbunga pandan,  
             Pandan berlipat tidak berisi;  
       Harum juga bunga pandan,  
             Harum di tangan kami tangisi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5509 Pandan ini pandan lanjiwang,  
Mandi-mandian orang beranak;  
Badan ini badan terbuang,  
Benci-bencian orang yang banyak.
- 5510 Panjang janggut Si Tuan Tambi,  
Panjang seratus sembilan puluh;  
Nasib apalah di tahun ini,  
Padi lalang lalang yang tumbuh.
- 5511 Parang jongkong parang siharap,  
Diparangku dengan batang kelapa;  
Tinggi gunung tinggi kuharap,  
Harap bertutur mulutmu berkata.
- 5512 Pasang air Tanjung Simasta,  
Pasang tidak bertenang lagi;  
Budi tuan lekat di mata,  
Makan tidak kenyang lagi.
- 5513 Pasang lampu pasang pelita,  
Pasang mari laut jambatan;  
Kesalnya jodoh jangan dipinta,  
Memang kujodoh jadi suratan.
- 5514 Paya Balais di tanah lumpur,  
Tempat orang bertanam padi;  
Rasa di hati luluh hancur,  
Belum berjumpa belum berhenti.
- 5515 Pecah boyan pecah tempayan,  
Mari dikorek penyuci kaki;  
Hilanglah nuri diganti bayan,  
Nuri teritung batang melentik.
- 5516 Pergi ke hulu buah rambutan,  
Sayang durian tiada berbunga;  
Sesal dahulu pendapatan,  
Sesal kemudian tiada berguna.

- 5517 Pergi ke mana tidak kuikat,  
           Pandan bersangkut dengan durinya;  
       Pergi ke mana tidak kuingat,  
           Tuan yang baik samalah budinya.
- 5518 Pergi mengaji berbaju jubah,  
           Mengangkat takbir suara jahat;  
       Dulu janji tidak berubah,  
           Mahunya besi lagi melarat.
- 5519 Pinang muda atas ragian,  
           Pinang tua beragi-ragi;  
       Kalau muda tahi gigian,  
           Biar tua sekali-kali.
- 5520 Pisang muda kupas-kupasan,  
           Ditaruh mari dalam perahu;  
       Lagi kumuda kuat-kuatan,  
           Sudahku tahu siapa mahu.
- 5521 Pisang raya samanya raya,  
           Pisang kulilit masak di hujung;  
       Tuan kaya samalah kaya,  
           Kami miskin mencari untung.
- 5522 Pisau parut habislah patah,  
           Diraut akan bingkai bertudung;  
       Karam di laut habis basah,  
           Tabah badan untuk berlindung.
- 5523 Pisau tunjung ke laut,  
           Mari dinaik melihatlah bulan;  
       Apa khabar melangkah laut,  
           Kamilah di rumah melihat bulan.
- 5524 Pohon cempaka bunga yang harum,  
           Tanaman budak di luar kota;  
       Berpandang berjumpa belum,  
           Di dalam hati sangat bercinta.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5525 Pohon rambai pokok penapak,  
Kujolok mari luruh bunganya;  
Kulambai tidak nampak,  
Akan kulangau jauh rumahnya.
- 5526 Pohon semancun tinggi sehasta,  
Tempatlah budak berjuntai kaki;  
Itulah pantun bukankah kata,  
Bukannya budak tidak mengerti.
- 5527 Pucuk panggang digigit liat,  
Kalakati dalam perahu,  
Halus pandang boleh dilihat,  
Halus di hati siapa tahu.
- 5528 Pucuk pauh semangga-mangga,  
Puteri mandi dalam jambangan;  
Meski jauh rumah tangganya,  
Hilang di mata di hati jangan.
- 5529 Pucuk pauh batangnya pauh,  
Tengah-tengah pokok mengkudu;  
Tuan jauh adik pun jauh,  
Sama-sama menahan rindu.
- 5530 Pucuk tumbuh bidara tumbuh,  
Tumbuh-tumbuh jadi di darat;  
Adik sungguh abang pun sungguh,  
Kalau sudi berkirim surat.
- 5531 Pudak di titi pandan berduri,  
Dibawa oleh raja Melayu;  
Manakan bunga jatuh sendiri,  
Jikalau tangkainya tiada layu.
- 5532 Pukul empat pasang bendera,  
Berbunyi kismis di Pulau Babi;  
Kalau terdapat macam adinda,  
Mulutnya manis hatinya sudi.

- 5533 Pulak-pulak si papan-papan,  
           Buah lemak digaul udang;  
           Tuan bertolak kami berpesan,  
           Jangan lama di negeri orang.
- 5534 Pulau Kuraman pusing keliling,  
           Saya mari Pulau Labuan;  
           Sepuluh zaman pusing keliling,  
           Baru berjumpa adindalah tuan.
- 5535 Pulau Papan lampung berpusing,  
           Dilihat mari Pulau Labuan;  
           Berapa lama pusing keliling,  
           Baru berjumpa kepada tuan.
- 5536 Punggur kulat dalam jerami,  
           Singgah terbang si burung punai;  
           Akan tolak di bandar ini,  
           Sangkukan lagi rendah rambunai.
- 5537 Putus benang kain berinda,  
           Meneruskan ke Padang Puri;  
           Putus gendangnya dipukul cinta,  
           Nyawa terikut badan sendiri.
- 5538 Putus tali menjerat tanjung,  
           Tanjung dijerat buah pala;  
           Niat hati menatang ajong,  
           Ajong berisi intan kumala.
- 5539 Putus tali Jalan Gumantong,  
           Kelakati rendam di paya;  
           Putus hati rasa bergantung, ·  
           Orang benci apakan daya.
- 5540 Raden Galuh emas juwita,  
           Bawa beliti batu sinalung;  
           Di dalam hati sangat bercinta,  
           Semacam burung lama bertenung.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5541 Raja Sultan bersarung kuda,  
Buku siap bermain kilar;  
Dipandang laut berombak tidak,  
Anjong yang tetap menjadi ligar.
- 5542 Ramai-ramai daun rumbia,  
Daun hidup dibakar mati;  
Beramai-ramai bersukaria,  
Sementara hidup sebelum mati.
- 5543 Rendang lada disimpul pulih,  
Banyak udang di pasar mayang;  
Pandang ada ambil tak boleh,  
Banyak orang kasih dan sayang.
- 5544 Riang-riang di Gunung Ledang,  
Hendaklah makan si umbut padi;  
Sialah-sia mata memandang,  
Belum dapat main tak jadi.
- 5545 Ribu-ribu ditanggung angit,  
Jatuh mari di atas batu;  
Meskipun seribu bintang di langit,  
Tidak menyama adik yang satu.
- 5546 Ribu-ribu dari angsana,  
Cincin permata jatuh ke ruang;  
Dendam rindu sebut namanya,  
Airlah mata jangan dibuang.
- 5547 Ruang-ruang makanan pikat,  
Dampat-dampat makanan semut;  
Badan terbuang saja berikat,  
Di sini tempat menyambut.
- 5548 Rumah ini asam kelubi,  
Jatuh ke laut timbul tenggelam;  
Inilah rasa mengenang budi,  
Rumah kujauh hari pun malam.

- 5549 Rumah kecil tiang seribu,  
          Rumah besar tiang sebatang;  
          Semasa kecil ditimang ibu,  
          Sesudah besar ditatang gelombang.
- 5550 Sagalah buluh angitnya jarang,  
          Akan pemagar kijang rusa;  
          Dalam sepuluh sakit seorang,  
          Yang tak tahu bertimbang rasa.
- 5551 Sakit kakiku menyepak rasa,  
          Kusepak mari pergi Lumadan;  
          Cermin satu cerminku dua,  
          Surusul juga rupanya di badan.
- 5552 Sakit barah sakitnya bisul,  
          Sakit mari menghujung jari;  
          Kami bertanya kepada usul,  
          Untuk siapa cincin di jari.
- 5553 Sama-sama mandi ke laut,  
          Mandi ke laut bergoyang pasu;  
          Alang-alang mati berebut,  
          Sama-sama berundur nafsu.
- 5554 Sampan kotak perahu Cina,  
          Sarat bermuat ubi keladi;  
          Rusa ditembak pelanduk kena,  
          Kenapa pula kijang yang mati.
- 5555 Sapu tangan cindang berambu,  
          Bakar akan cermin cinanya;  
          Jika sudah untung bertemu,  
          Kita mendapat ia empunya.
- 5556 Sapu tangan bersiring hijau,  
          Oleh membeli kedai Yahudi;  
          Luka di tangan kerana pisau,  
          Luka di hati kerana budi.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5557 Sarang bubut di dalam bunga,  
Dijolok mari sama punkahnya;  
Mati merumput mentimunku berbunga,  
Sudah dijolok orang empunya.
- 5558 Satu Cina satulah Melayu,  
Jalan-jalan tengah halaman;  
Jangan disangka bunga dah layu,  
Kalaulah kembang peruntuh iman.
- 5559 Satu hari tidak ke ladang,  
Habis kangkung dililit padis;  
Satu hari tidak kupandang,  
Habis jantung diremuk hati.
- 5560 Satu tampik jariku lima,  
Dua tampik jari sepuluh;  
Nasib benar buah delima,  
Delima ditanam peria tumbuh.
- 5561 Saya tidak pandai melanpun,  
Sebarang lampun saya lampunkan;  
Saya tidak pandai berpantun,  
Sebarang pantun saya pantunkan.
- 5562 Sayang belatuk raja burung,  
Hinggap di atas pokok selasih;  
Lama sudah dendam berkurung,  
Belum bertemu pada kekasih.
- 5563 Sayang bengkita di pangkal ondong,  
Sama kusama memanggal jati;  
Jika kita ditanya orang,  
Sama kita bertengkar nanti.
- 5564 Sayang bersigup tidak kupandai,  
Bapanya mari jatuh ke lantai;  
Kasih mengajau tidak kupandai,  
Ibarat angin tiup ke pantai.

- 5565 Sayang cempaka berbunga biru,  
Ditimbang akan burung geruda;  
Dipandanglah mata menahan rindu,  
Kutimbang akan jodoh bersama.
- 5566 Sayang kemanti si raja burung,  
Hinggap berhenti kayu mati;  
Berapalah dendam berkurung,  
Belum berjumpa si buah hati.
- 5567 Sayang ketopi burung peparu,  
Nampakku mari mengabar dangan;  
Pulak topi pemalit peluh,  
Pecaku tidak ada di tangan.
- 5568 Sayang Labuan bukit Narsung,  
Patah tiang layang-layangan;  
Kuntum bunga di dalam tempisong,  
Akan kubawa sayang-sayangan.
- 5569 Sayang langimut tumpah di papan,  
Daun yang lekang beragi-ragi;  
Mengelimut berhadapan,  
Jika di belakang apatah lagi.
- 5570 Sayang maritam sipagahanan,  
Akan kunaik belum berbiji;  
Adinda hitam sipenahanan,  
Penahanan anak mengunjari bini.
- 5571 Sayang mastali benang mentali,  
Anak patu dikasi makan;  
Betul-betul memegang janji,  
Seperti paku lekat di papan.
- 5572 Sayang Membakut padi-padian,  
Kacangku karam di tengah jalan;  
Kalau adinda takut-takutan,  
Baik sekarang adinda berjalan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5573 Sayang palung di atas bukit,  
Penyimpai mari Hulu Pemarang;  
Bertiang gantung barang sedikit,  
Buat bakul menyandang barang.
- 5574 Sayang pelanduk di luar pagar,  
Mari ditembak patah kakinya;  
Tujuh tahun gunung terbakar,  
Baru sekarang nampak apinya.
- 5575 Sayang perapat buah perapat,  
Kutanam mari di Tanah Merah;  
Dahulu tuan tidak mendapat,  
Bulu lalang dapat kujerat.
- 5576 Sayang serusup tiang balaiku,  
Penyucuk mari kayu simpur;  
Kasilah sigup sama kiraiku,  
Minta cukupi pinang sekapur.
- 5577 Sayang terubuk dipakan kupakan,  
Daunku tunjang dimakan kuapi;  
Habis lubuk kupesan akan,  
Ada yang bujang kusuruuh berlaki.
- 5578 Sayang terugai burung terugai,  
Andung-andung bertali benang;  
Jika sudah termakan pugai,  
Tujuh tanjung kau mengenang.
- 5579 Sayang-sayang buah kepayang,  
Makan isi kulit melayang;  
Kalau terpandang aurat Si Dayang,  
Punggung bergegar jantung bergoyang.
- 5580 Sedang manis buahmu mubingu,  
Manislah lagi buah embacang;  
Sedang baik kasihmu dahulu,  
Baiklah lagi kasih yang mendatang.

- 5581 Sedikit minta sedikit,  
           Tidak boleh dikasi banyak;  
           Ada rumah di kaki bukit,  
           Berhibur hati orang yang banyak.
- 5582 Sehari bulan rajanya harimau,  
           Harimau tidur di rimba jati;  
           Semakin hati bertambah igau,  
           Tuan seorang di mata hati.
- 5583 Selasih berbunga rumput,  
           Orang Jawa bertanam serai;  
           Bagaimana tidakkan luput,  
           Nyawa di badan lagi bercerai.
- 5584 Sembahyang waktu subuh,  
           Pasang tabir atas tambiran;  
           Bau adinda lekat di tubuh,  
           Dibawa mandi tidakkan hilang.
- 5585 Sembahyang bersama-sama,  
           Angkat tabir Allahuakbar;  
           Kalau tuan tidak percaya,  
           Mari bersumpah di atas mimbar.
- 5586 Seri Rama memanah lontar,  
           Kurang satu sembilan puluh;  
           Lama sudah mayat berlantar,  
           Menanti kain longsoran tubuh.
- 5587 Si Jambat menikam gamat,  
           Bunga melur kembang melati;  
           Mudah-mudahan hidup selamat,  
           Di dalam telur boleh menanti.
- 5588 Si nona belseyar Labuan,  
           Padi di guni terhantak-hantak;  
           Bilaku tengok buah durian,  
           Di makan isi kulit melantak.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5589 Si Padiri anak Bawarna,  
Dibuang akan di tengah laut;  
Kalau berdiri abang bertanya,  
Halus pinggang bagai diraut.
- 5590 Si patan burung si patan,  
Si patan mari di dalam peti;  
Dibukar surat dalam lipatan,  
Surat adinda bersusah hati.
- 5591 Siandah daunnya hijau,  
Kuintai layu tak mahu layu;  
Tinggi rendah mata meninjau,  
Kuintai lalu tak mahu lalu.
- 5592 Siapa empunya junjung,  
Akan beratap daun keladi;  
Siapa lalu bertudung,  
Tunang si anu tidak menjadi.
- 5593 Sigup cina tembakau cina,  
Asapnya mari berbunga-bunga;  
Pandang muka tidak berina,  
Sudah kutahu orang yang punya.
- 5594 Singapura gudang seratus,  
Hisis mari kain pelikat;  
Kalau cik abang menjadi putus,  
Nyawa di badan jadi pengikat.
- 5595 Singapura bernama Selat,  
Kain sutera bercampur benang;  
Pura-pura hantap melihat,  
Dalam hati syukur mengenang.
- 5596 Sini rumput sana rumput,  
Rumput bernama budak Melaka;  
Sini pun luput sana pun luput,  
Sebab lama badan celaka.

- 5597 Sipitang batu keramat,  
          Tempat oang menjemur padi;  
          Langit bergulung tanda kiamat,  
          Kami tidak mungkirkan janji.
- 5598 Sipitang batu keramat,  
          Tempat Melayu berkampung-kampung;  
          Hidup bahagia hidup selamat,  
          Dapat bekerja bergotong-royong.
- 5599 Sipitang Kuala Tuhur.  
          Banyak perahu di tepi pantai;  
          Minta maaf kata terlanjur,  
          Asalkan hajat kita sampai.
- 5600 Sirandah daunnya hijau,  
          Ambil sepenggal akan pelacut;  
          Tinggi rendah mata meninjau,  
          Akan mencari lawanan patut.
- 5601 Sorong dayung ditarik dayung,  
          Tariklah papan sama rata;  
          Tuanlah pulang berkembang payung,  
          Kami yang tinggal jahat rasanya.
- 5602 Sudah reka baru dikarang,  
          Ikan di laut ibarat bakorang;  
          Dari dahulu sampai sekarang,  
          Hanya tuan diingatkan orang.
- 5603 Sudah tahu langit bersisik,  
          Kuupahkan rasa segantang;  
          Sudah tahu aku berusik,  
          Kuharamkan mata memandang.
- 5604 Sudangkin merah matanya,  
          Burung daup dari Lingkungan;  
          Nungkar, Nangkir datang bertanya,  
          Apa penyahut hambamu tuan.

KURIK KUNDI MERAH SAGA

- 5605 Sungai Belai jalan berhenti,  
Anak Cina melipat kain;  
Adinda lalai boleh kunanti,  
Janganlah saja ke tempat lain.
- 5606 Sungai Baram terlalu bangat,  
Lama berkayuh sembilan hari;  
